

**Jilid III
Bil. 42**



**Hari Jumaat
8hb November, 1985**

PENYATA RASMI PARLIMEN
PARLIAMENTARY DEBATES

DEWAN RAKYAT
HOUSE OF REPRESENTATIVES

PARLIMEN KEENAM
Sixth Parliament

PENGGAL KETIGA
Third Session

KANDUNGANNYA

JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN
[Ruangan 6693]

RANG UNDANG-UNDANG:

Rang Undang-undang Perbekalan, 1986 [Ruangan 6734]

USUL:

Anggaran Pembangunan, 1986 [Ruangan 6734]

MALAYSIA

DEWAN RAKYAT YANG KEENAM

Penyata Rasmi Parlimen

PENGGAL YANG KETIGA

AHLI-AHLI DEWAN RAKYAT

Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, TAN SRI DATO' MOHAMED ZAHIR BIN HAJI ISMAIL, P.M.N., S.P.M.K., D.S.D.K., J.M.N.

Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan Menteri Pertahanan, DATO' SERI DR MAHATHIR BIN MOHAMAD, S.S.D.K., S.S.A.P., S.P.M.S., S.P.M.J., D.P., D.U.P.N., S.P.N.S., S.P.D.K., S.P.C.M., S.S.M.T., D.U.N.M. (Kubang Pasu).

„ Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Dalam Negeri, DATO MUSA HITAM, S.P.M.J., S.S.I.J., S.P.M.S., D.U.N.M., S.P.N.S. (Panti).

Yang Berhormat Menteri Kerjaraya, DATO' S. SAMY VELLU, S.P.M.J., D.P.M.S., P.C.M., A.M.N. (Sungei Siput).

„ Menteri Luar Negeri, Y.B.M. TENGKU DATO' AHMAD RITHAUDDEEN AL-HAJ BIN TENGKU ISMAIL, S.P.M.P., S.S.A.P., P.M.K. (Kota Bharu).

„ Menteri Perdagangan dan Perindustrian, Y.B.M. TENGKU TAN SRI RAZALEIGH HAMZAH, D.K., P.S.M., S.P.M.K., S.S.A.P., S.P.M.S. (Ulu Kelantan).

„ Menteri Pengangkutan, TAN SRI CHONG HON NYAN, P.S.M., D.G.S.M., J.M.N. (Batu Berendam).

„ Menteri Perusahaan Utama, DATO' PAUL LEONG KHEE SEONG, D.P.C.M. (Taiping).

„ Menteri Tenaga, Telekom dan Pos, DATUK LEO MOGGIE ANAK IROK, P.N.B.S. (Kanowit).

„ Menteri Perusahaan Awam, DATIN PADUKA RAFIDAH AZIZ, D.P.M.S., A.M.N. (Kuala Kangsar).

„ Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, DATUK DR SULAIMAN BIN HAJI DAUD, P.N.B.S., J.B.S. (Santubong).

„ Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar, DATUK SERI SANUSI BIN JUNID, D.S.D.K., D.G.S.M., S.M.K. (Jerlun-Langkawi).

„ Menteri Pelajaran, DATUK ABDULLAH BIN HAJI AHMAD BADAWI, D.M.P.N., D.J.N., K.M.N. (Kepala Batas).

„ Menteri Penerangan, DATO' RAIS YATIM, D.S.N.S. (Jelebu).

„ Menteri Buruh, DATO' MAK HON KAM, D.P.M.P., J.M.N. (Tanjong Malim).

- Yang Berhormat Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah, DATUK SERI MOHD. ADIB BIN HAJI MOHD. ADAM, D.G.S.M. (Alor Gajah).
- „ Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, DATUK AMAR STEPHEN YONG KUET TZE, D.A., P.N.B.S. (Padawan).
- „ Menteri Kesihatan, DATO CHIN HON NGIAN, D.S.I.J., S.M.J. (Rengam).
- „ Menteri Wilayah Persekutuan, DATO SHAHRIR BIN ABDUL SAMAD, D.P.M.J., P.I.S. (Johor Bahru).
- „ Menteri Pertanian, TUAN ANWAR BIN HAJI IBRAHIM (Permatang Pauh).
- „ Menteri Kehakiman dan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATUK DR JAMES P. ONGKILI, S.P.D.K., D.I.M.P. (Tuaran).
- „ Menteri Kebajikan Masyarakat, DATO' ABU HASSAN BIN HAJI OMAR, D.P.M.S., S.M.T., P.I.S. (Kuala Selangor).
- „ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATO MOHAMED KHALIL BIN YAAKOB, D.S.A.P., J.S.M. (Maran).
- „ Menteri Kewangan, TUAN DAIM ZAINUDDIN (Kuala Muda).
- „ Timbalan Menteri Penerangan, DATO' CHAN SIANG SUN, D.I.M.P., J.S.M., A.M.N., P.J.K., J.P. (Bentong).
- „ Timbalan Menteri Pertanian, DR GOH CHENG TEIK (Nibong Tebal).
- „ Timbalan Menteri Kesihatan, DATO' K. PATHMANABAN, D.S.N.S., K.M.N. (Telok Kemang).
- „ Timbalan Menteri Buruh, DATO' HAJI ZAKARIA BIN HAJI ABDUL RAHMAN, D.P.M.T., K.M.N., P.J.K. (Besut).
- „ Timbalan Menteri Buruh, DATUK WILLIAM LYE CHEE HIEN, P.G.D.K. (Gaya).
- „ Timbalan Menteri Pelajaran, TUAN BUJANG BIN HAJI ULIS (Simunjan).
- „ Timbalan Menteri Pertahanan, DATO ABANG ABU BAKAR BIN DATU BANDAR ABANG HAJI MUSTAPHA, D.S.A.P., J.M.N. (Paloh).
- „ Timbalan Menteri Pertanian, TUAN LUHAT WAN (Baram).
- „ Timbalan Menteri Penerangan, TUAN MOHD. KASSIM BIN AHMED (Machang).
- „ Timbalan Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, DATIN PADUKA CHOW POH KHENG *alias* ROSEMARY CHONG, D.P.M.S. (Ulu Langat).
- „ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, PUAN SHARIFFAH DORA BINTI DATO' SYED MOHAMMED, S.M.J., A.M.N., P.I.S., B.S.I. (Semerah).

- Yang Berhormat Timbalan Menteri Perdagangan dan Perindustrian, TUAN MUHYIDDIN BIN HAJI MOHD. YASSIN, S.M.J., P.I.S., B.S.I. (Pagoh).
- „ Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, DATO S. SUBRAMANIAM, D.S.N.S., S.M.J. (Segamat).
- „ Timbalan Menteri Kewangan, DATO DR TAN TIONG HONG, D.S.A.P. (Raub).
- „ Timbalan Menteri Pengangkutan, PUAN HAJAH RAHMAH BINTI OTHMAN, J.S.M., S.M.S., A.M.N., P.J.K. (Selayang).
- „ Timbalan Menteri Kewangan, DATO SABBARUDDIN CHIK, D.S.A.P., S.M.S. (Temerloh).
- „ Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, PUAN NAPSIAH BINTI OMAR (Kuala Pilah).
- „ Timbalan Menteri Luar Negeri, TUAN ABDUL KADIR BIN HAJI SHEIKH FADZIR, A.M.K. (Kulim-Bandar Baru).
- „ Timbalan Menteri Dalam Negeri, DATO RADZI BIN SHEIKH AHMAD, D.P.M.P. (Kangar).
- „ Timbalan Menteri Perdagangan dan Perindustrian, DATO' OO GIN SUN, D.S.D.K., S.D.K., A.M.K., J.P. (Alor Setar).
- „ Timbalan Menteri Wilayah Persekutuan, TUAN AHMAD SHAH BIN DATUK HUSSEIN TAMBAKAU, B.S.K. (Keningau).
- „ Timbalan Menteri Kerjaraya, DATO ZAINAL ABIDIN BIN ZIN, D.P.M.P., P.M.P. (Bagan Serai).
- „ Timbalan Menteri Perusahaan Utama, TUAN MEGAT JUNID BIN MEGAT AYOB, A.M.P., A.M.K. (Hilir Perak).
- „ Timbalan Menteri Tenaga, Telekom dan Pos, TUAN HAJI ABDUL RAHIM BIN ABU BAKAR, S.M.P., A.M.N. (Kuantan).
- „ Timbalan Menteri Pelajaran, DATO' DR LING LIONG SIK, D.P.M.P. (Mata Kuching).
- „ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATO' LEE KIM SAI, D.P.M.S., P.P.N. (Ulu Selangor).
- „ Timbalan Menteri Perusahaan Awam, TUAN HAJI DAUD BIN DATO' HAJI TAHA (Batu Pahat).
- „ Timbalan Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar, TUAN ABDILLAH BIN HAJI ABDUL HAMID (Silam).
- „ Timbalan Yang di-Pertua, DR ABDUL HAMID BIN PAWANTEH (Arau).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, TUAN LAW HIENG DING, P.B.S. (Sarikei).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Kebajikan Masyarakat, TUAN JAWAN ANAK EMPALING, K.M.N. (Rajang).

- Yang Berhormat Setiausaha Parlimen Kementerian Perusahaan Awam, TUAN HUSSEIN BIN MAHMUD (Tanah Merah).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Tenaga, Telekom dan Pos, TUAN AU HOW CHEONG, K.M.N., A.M.P. (Telok Anson).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Pembangunan Negara dan Luar Bandar, TUAN MOHD. TAJOL ROSLI BIN MOHD. GHAZALI, A.M.P. (Gerik).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan, TUAN AWANG BIN JABAR, A.M.N., P.J.K. (Dungun).
- „ Setiausaha Parlimen Jabatan Perdana Menteri, TUAN MUSTAFFA BIN MOHAMMAD, S.M.J., K.M.N., P.I.S., B.S.I. (Sri Gading).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Kesihatan, TUAN YEOH POH SAN (Petaling).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah, TUAN HAJI DUSUKI BIN HAJI AHMAD (Tumpat).
- „ TUAN ABDUL GHAFAR BIN BABA (Jasin).
- „ TUAN ABDUL GHANI BIN MISBAH, P.P.N., B.S.K., A.S.D.K. (Kinabatangan).
- „ DATO ABDUL MANAN BIN OTHMAN, D.P.M.T., P.P.T. (Kuala Terengganu).
- „ TUAN ABDUL RAHMAN BIN SULIMAN (Parit Buntar).
- „ DATUK PATINGGI HAJI ABDUL TAIB BIN MAHMUD, D.P., D.A., S.P.M.J., P.G.D.K. (Samarahan).
- „ DATUK HAJI ABU BAKAR BIN UMAR, D.S.K.D., S.D.K. (Kota Setar).
- „ TUAN HAJI AFFANDY BIN TUN HAJI MOHD. FUAD STEPHENS (Marudu).
- „ TUAN AHMED HAMBAL BIN YEOP MAJLIS, P.P.T. (Parit).
- „ TAN SRI DATIN PADUKA HAJJAH AISHAH BINTI HAJI ABDUL GHANI, P.M.N., D.P.M.S., J.M.N. (Kuala Langat).
- „ DATUK ALFRED JABU ANAK NUMPANG, P.N.B.S., K.M.N. (Betong).
- „ TUAN ALIAS BIN MD. ALI, P.J.K. (Ulu Terengganu).
- „ TUAN ANDREW JANGGI MUYANG (Lubok Antu).
- „ TUAN HAJI AZHARUL ABIDIN BIN HAJI ABDUL RAHIM, A.M.P. (Batang Padang).
- „ TUAN BAHARI BIN HARON (Labis).
- „ TUAN BAHAROM BIN HAJI BAKAR (Padang Terap).
- „ TUAN BAN HON KEONG (Batu Gajah).

- Yang Berhormat DR GEORGE CHAN HONG NAM (Lambir).
- „ TUAN CHAN KOK KIT (Sungai Besi).
- „ DR CHEN MAN HIN (Seremban).
- „ DATO MICHAEL CHEN WING SUM, D.P.M.S. (Beras).
- „ TUAN PETER CHIN GAN OON, P.M.P. (Ipoh).
- „ DATUK CLARENCE E. MANSUL, P.G.D.K. (Penampang).
- „ DATUK EDMUND LANGGU ANAK SAGA, P.N.B.S., P.B.S. (Saratok).
- „ DATUK EDWIN ANAK TANGKUN, P.N.B.S., P.B.S., A.B.S. (Batang Lupa).
- „ TUAN FUNG KET WING (Sandakan).
- „ TUAN NEWMAN GABAN (Bandau).
- „ TUAN GOOI HOCK SENG (Bukit Bendera).
- „ TUAN V. GOVINDARAJ, A.M.N., P.J.K. (Pelabuhan Kelang).
- „ DATUK HARRIS BIN MOHD. SALLEH, S.P.D.K., S.P.M.J. (Ulu Padas).
- „ TUAN HASSAN BIN HAJI MOHAMED, K.M.N., A.M.N. (Rantau Panjang).
- „ TUAN HASSAN ALBAN BIN HAJI SANDUKONG, J.P. (Labuk Sugut).
- „ DATO DR HEE TIEN LAI, D.S.I.J., A.M.N., P.I.S., B.S.I., J.P. (Ayer Hitam).
- „ TUAN IBRAHIM AZMI BIN HASSAN (Kuala Nerus).
- „ TUAN ISMAIL BIN ARSHAD, A.M.K. (Jerai).
- „ TUAN ISMAIL *alias* MANSOR BIN SAID, A.M.N. (Kemaman).
- „ DATO JAMALUDDIN BIN HAJI SUHAIMI, D.P.M.S., A.M.N., P.J.K. (Sabak Bernam).
- „ TUAN JUSTINE ANAK JINGGUT (Ulu Rajang).
- „ TUAN KADOH BIN AGUNDONG (Ulu Padas).
- „ DATO' SRI HAJI KAMARUDDIN BIN HAJI MOHD. ISA, S.P.M.P., K.M.N., J.P. (Larut).
- „ TUAN KAN YAU FA (Tawau).
- „ TUAN KARPAL SINGH (Jelutong).
- „ TUAN KHADRI BIN SABRAN (Tenggaroh).
- „ TUAN MARK KODING (Kinabalu).
- „ DR KOH TSU KOON (Tanjong).
- „ DATO LEE BOON PENG, D.S.N.S., A.M.N., P.J.K., J.P. (Mantin).
- „ TUAN LEE LAM THYE (Kuala Lumpur Bandar).
- „ DR LEO MICHAEL TOYAD (Mukah).

- Yang Berhormat DATUK LEONARD LINGGI ANAK JUGAH, P.N.B.S., P.B.S. (Kapit).
- „ DATO LEW SIP HON, D.P.M.S., J.M.N. (Shah Alam).
- „ TUAN LIM KIT SIANG (Kota Melaka).
- „ TUAN LIM LIANG SENG, P.P.T. (Kinta).
- „ TUAN LING SIE MING (Sibu).
- „ TUAN MAMAT GHAZALEE BIN ABDUL RAHMAN, S.M.T., P.J.K. (Ulu Nerus).
- „ DATO' HAJI MOHAMED BIN HAJI ALI, D.J.M.K., K.M.N., A.M.N., P.B. (Nilam Puri).
- „ TUAN MOHAMED AMIN BIN HAJI DAUD, A.M.N. (Pekan).
- „ DATO' MOHAMED BIN RAHMAT, S.P.M.J., S.S.I.J., P.N.B.S., K.M.N. (Pulai).
- „ TUAN MOHAMED RAZLAN BIN HAJI ABDUL HAMID, P.P.N., P.P.T. (Matang).
- „ DATO HAJI MOHAMED SUHAIMI BIN DATO HAJI KAMARUDDIN, D.P.M.S., A.M.N. (Sepang).
- „ DATO' HAJI MOHAMMAD ABU BAKAR BIN RAUTIN IBRAHIM, D.S.D.K., K.M.N. (Kuala Kedah).
- „ TUAN MOHAMMAD IDRIS BIN MOHAMMAD BASRI (Setapak).
- „ DATO MOHAMMAD YAHYA BIN LAMPONG, A.S.D.K. (Kota Belud).
- „ TUAN MOHAMMED YUSSOF BIN HAJI YAKOB (Hilir Padas).
- „ TUAN HAJI MOHD. ZAIN BIN ABDULLAH, S.M.K. (Bachok).
- „ TUAN MOKHTARAM BIN RABIDIN, A.M.N., P.P.N., P.I.S. (Pontian).
- „ TAN SRI HAJI MUHAMMAD GHAZALI BIN SHAFIE, P.M.N., S.S.A.P., S.I.M.P., S.P.D.K. (Lipis).
- „ TUAN MUTANG TAGAL (Bukit Mas).
- „ DATO DR NEO YEE PAN, S.P.M.J., B.S.I. (Muar).
- „ TUAN NG CHENG KUAI (Lumut).
- „ DATO' HAJI NGAH BIN HAJI ABDUL RAHMAN, S.P.M.J., S.S.I.J., P.I.S., B.S.I., A.M.N., J.P. (Ledang).
- „ TUAN HAJI NIK ABDUL AZIZ BIN NIK MAT, K.M.N., J.P. (Pengkalan Chepa).
- „ DATO' DR NIK HUSSAIN BIN ABDUL RAHMAN, D.P.M.K., K.M.N. (Kuala Krai).
- „ TUAN OMAR BIN ABDULLAH (Tampin).
- „ TUAN OTHMAN BIN ABDUL (Ulu Muda).
- „ DATUK PENGIRAN OTHMAN BIN HAJI PENGIRAN RAUF, P.G.D.K., A.D.K. (Kimanis).

- Yang Berhormat TUAN PATRICK ANEK UREN (Mas Gading).
- ” TUAN QUAH WEE LIAM, P.I.S., B.S.I. (Kluang).
- ” TUAN RICHARD DAMPENG ANAK LAKI (Serian).
- ” DATO’ HAJI SAIDIN BIN HAJI MAT PIAH, D.P.M.P., P.M.P., A.M.N., P.J.K. (Padang Rengas).
- ” TUAN SEOW HUN KHIM (Bukit Mertajam).
- ” TUAN HAJI SEROJI BIN HAJI HARON, A.M.N., P.P.N., B.K.M. (Baling).
- ” TUAN SHAMSURI BIN MD. SALEH, A.M.N., P.K.T., J.P. (Balik Pulau).
- ” TUAN SIM KWANG YANG (Bandar Kuching).
- ” TUAN TAN KOON SWAN, A.M.P., J.P. (Damansara).
- ” TUAN TAN KOK HOOI (Padang Serai).
- ” DR TAN SENG GIAW (Kepong).
- ” TUAN THOMAS SALANG SIDEN (Julau).
- ” TUAN TING LING KIEW (Bintulu).
- ” WAN ABU BAKAR BIN WAN MOHAMAD (Jerantut).
- ” WAN IBRAHIM BIN WAN ABDULLAH (Pasir Mas).
- ” TUAN HAJI WAN MOHD. NAJIB BIN WAN MOHAMAD (Pasir Puteh).
- ” WAN ZAINAB BINTI M. A. BAKAR, A.M.N., P.J.K. (Sungai Petani).
- ” TUAN YAHYA BIN HAJI ZAKARIA, P.P.T. (Bagan Datok).
- ” TUAN YEW FOO WENG (Menglembu).
- ” DATIN PADUKA HAJAH ZALEHA BINTI ISMAIL, D.P.M.S., S.M.S., K.M.N. (Tanjong Karang).

DEWAN RAKYAT

PEGAWAI-PEGAWAI KANAN

Setiausaha Dewan Rakyat: Datuk Azizul Rahman bin Abdul Aziz.

Ketua Penolong Setiausaha: Haji Mohd. Salleh bin Abu Bakar.

Penolong Setiausaha: Ghazali bin Haji Abdul Hamid.

Penolong Setiausaha: Abdullah bin Abdul Wahab.

BAHAGIAN PENYATA RASMI PARLIMEN

Ketua Penyunting: Yahya Manap.

Penyunting Kanan: P. B. Menon.

Penyunting Kanan: Haji Osman bin Sidik.

Penolong Penyunting: N. Ramaswamy.

Penolong Penyunting: Amran bin Ahmad.

Pemberita-pemberita:

Haji Abdul Rahman bin Haji Abu Samah.

Suhor bin Husin.

Mohd. Saleh bin Mohd. Yusof.

Juliah binti Awam.

Supiah binti Dewak.

Ismail bin Hassan.

Shamsiah binti Mohd. Yusof.

Hajjah Kalsom binti Ghazali.

Mohamed bin Osman.

Norishah binti Mohd. Thani.

BENTARA MESYUARAT

Mejar (B) Mohd. Kassim bin Hashim.

MALAYSIA

DEWAN RAKYAT

Jumaat, 8hb November, 1985

Mesyuarat dimulakan pada pukul 3.00 petang

DOA

(Timbalan Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat*)

JAWAPAN-JAWAPAN
MULUT BAGI
PERTANYAAN-
PERTANYAAN

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Puan Hajjah Wan Zainab binti M. A. Bakar.

(Soalan No. 1 Y. B. Puan Hajjah Wan Zainab binti M. A. Bakar tidak hadir)

TAYANGAN FILEM MELAYU

2. Tuan Haji Wan Mohd. Najib bin Wan Mohamad minta Menteri Perdagangan dan Perindustrian menyatakan adakah benar hanya 2% tayangan filem-filem Melayu negara kita di dalam negara sendiri; baik di TV mahupun di Panggung Wayang, berbanding dengan filem-filem barat, Cina dan Hindi/Tamil. Jika benar, apakah negara kita ketandusan filem-filem ciptaan sendiri, atau filem dihasilkan oleh negara tidak bermutu dan tidak diminati. Oleh itu apakah usaha-usaha penggalakan Kerajaan, untuk menjadikan perindustrian perfileman negara berada di tempat sewajarnya bagi menandingi kemasukan filem asing, yang amat mempengaruhi rakyat negara ini.

Timbalan Menteri Perdagangan (Tuan Muhyiddin bin Haji Mohd. Yassin): Tuan Yang di-Pertua,

mengikuti kajian yang dilakukan oleh FINAS, adalah benar lebih kurang 2% sahaja tayangan filem-filem Melayu di Pawagam Negara ini berbanding dengan filem-filem import. Bagi di TV pula keadaannya adalah berbeza dan lebih baik sedikit kerana waktu menayangkan filem-filem cereka adalah terhad dalam seminggu dan boleh dikatakan setiap minggu terdapat tayangan filem-filem Melayu. Perkara ini berlaku kerana bilangan keluaran filem Melayu telah terhad iaitu dalam lingkungan 10-15 buah filem sahaja setahun dan video juga telah memberi kesannya ke atas penuntunan filem-filem tempatan meskipun ada filem-filem tempatan yang bermutu tinggi diterbitkan.

Mengenai ketandusan filem-filem cereka tempatan pula, Malaysia secara relatif adalah lebih aktif mengeluarkan filem cereka jika dibandingkan dengan kebanyakan negara-negara lain mengikut nisbah bilangan jodol filem dan bilangan penduduk. Ia kelihatan ketandusan kerana perbandingan yang dibuat dengan bilangan jodol-jodol filem sahaja. Walau bagaimanapun, memang terdapat sebilangan filem-filem tempatan yang kurang bermutu dan kurang diminati penuntut.

FINAS menerusi beberapa skim galakan dan bantuan yang dibenarkan oleh Akta penubuhannya, terus menyusun langkah-langkah sewajarnya bagi meningkat kualiti dan kuantiti filem-filem cereka yang diusahakan oleh para pengeluar filem tempatan. Di samping itu FINAS sedang mengkaji soal kemasukan filem-filem asing ke negara ini

termasuklah langkah-langkah kawalan mengikut kuasa-kuasa yang ada pada FINAS.

Tuan Ahmad Hambal bin Yeop Majlis: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mendapat penjelasan daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri iaitu berhubung dengan jawapan yang diberikan bahawa terlalu sedikit tayangan filem-filem Melayu melalui TV. Saya ingin mendapat tahu banyak terdapat filem-filem lama Melayu yang diterbitkan dalam tahun 50an dan 60an dan pihak TV memang kerap menayangkan filem-filem tersebut tetapi terdapat banyak kekurangan iaitu filemnya telah tidak begitu terang, banyak yang putus dan suara yang kurang jelas ataupun kadang-kadang terdapat gangguan. Apakah usaha pihak Kementerian untuk membuat tayangan tersebut dengan dibaharui filem-filem tersebut, misalnya disalin semula atau apa cara juga supaya tayangan tersebut tidak banyak terdapat gangguan kerana filem-filem lama ini setengah daripadanya adalah bermutu tinggi. Saya ingin mendapat penjelasan apakah usaha untuk membuat tayangan supaya lebih sempurna daripada apa yang ada sekarang.

Timbalan Yang di-Pertua: Soalan itu adalah soalan yang harus ditujukan kepada Kementerian Penerangan. Ya atau tidak, Yang Berhormat? Adakah Yang Berhormat bercadang menyoal supaya pihak-pihak berkenaan membuat semula copy-copy baru.

Tuan Muhyiddin bin Haji Mohd. Yassin: Tuan Yang di-Pertua, sebagaimana yang Tuan Yang di-Pertua sebutkan tadi adalah benar bahawa ini agak terkeluar sedikit daripada skop FINAS atau Kementerian saya kerana tugas ini adalah diletakkan di bawah Kementerian Penerangan. Saya kira kalau perkara ini telah bangkitkan, mungkin wakil dari pihak

Kementerian Penerangan boleh mengambil kira bagaimana caranya mutu filem-filem Melayu lama itu boleh diperbaiki semula sama ada disalin ataupun dibaharui filem-filem yang telah pun dikeluarkan itu.

Tuan Ismail bin Said: Tuan Yang di-Pertua, saya hendak bertanya Yang Berhormat Timbalan Menteri kalaulah beliau mempunyai angka di sini, jumlah pengeluar-pengeluar filem-filem tempatan yang terdapat di negara kita sekarang ini dan kenapakah mereka ini tidak mampu mengeluarkan filem-filem yang bermutu? Adakah oleh kerana mereka ini menghadapi kekurangan pelakun-pelakun yang handal ataupun mereka ini mengalami masalah kewangan. Jika demikian, apakah tindakan yang diambil oleh pihak FINAS untuk mengatasi masalah ini?

Tuan Muhyiddin bin Haji Mohd. Yassin: Secara tepatnya, saya tidak dapat memberi tahu jumlah angka pengeluar-pengeluar filem tetapi di antara 10-12 buah syarikat pengeluar filem-filem tempatan Melayu.

Mengenai soalan kedua, kenapa mereka tidak mampu mengeluarkan, ini banyak perkara bahkan menjadi persoalan besar, rasional di sebalik kewujudan FINAS umpamanya. Salah satu daripada masalah yang timbul ialah masalah kepakaran di kalangan industri perfileman sendiri untuk mencari pengarah-pengarah filem yang dianggap berpengalaman. Setakat ini cuma tiga empat orang yang dianggap mahir dalam bidang pengarah filem dan sebab itu mutu pengeluaran filem yang dikeluarkan selama ini tidak banyak yang baik.

Keduanya, dari aspek kewangan, kebanyakan daripada syarikat-syarikat filem ini hanya mampu mengeluarkan hanya satu ataupun dua filem setahun kerana kurangnya ongkos mahupun modal yang dimiliki oleh syarikat-syarikat ini. Satu filem yang hendak

dikeluarkan mungkin memerlukan perbelanjaan \$250,000 atau \$300,000 dan kebanyakan syarikat-syarikat ini tidak mempunyai modal yang sebesar itu untuk memungkinkan mengeluarkan filem yang lebih banyak dan bermutu tinggi.

Ketiganya, terdapat juga kurang mutu filem disebabkan tidak dapat kita wujudkan selama ini jumlah pelakon (actor/actress) yang berpengalaman. Dan sebab itu langkah-langkah telah pun diambil oleh pihak FINAS sendiri, pertamanya dengan menyediakan beberapa skim galakan kepada pengusaha-pengusaha filem. Sebahagian besar daripada mereka tidak mempunyai peralatan-peralatan baru dan dengan sebab itu menerusi FINAS kita telah pun menyediakan satu skim di mana pengusaha-pengusaha filem boleh menyewa atau meminjam peralatan-peralatan yang disediakan bagi penggambaran dan pemerosesan filem.

Di samping itu dari segi untuk memproses filem juga kita ada memberikan bantuan dari segi pinjaman dianggap tanpa faedah supaya mereka dapat memproses filem kemudian membayar balik apabila pungutan telah pun dibuat.

Selain daripada itu, dari segi bidang lakunan dan pengarah, kita telah banyak menganjurkan bengkel perfileman yang disertai bersama oleh pengarah-pengarah yang berpotensi dan usaha ini akan diteruskan untuk menentukan supaya mutu dan jumlah filem yang dikeluarkan dalam negara ini bertambah.

KADAR FAEDAH PINJAMAN TEMPATAN

3. Tuan Ban Hon Keong minta Menteri Kewangan menyatakan memandangkan kadar bayaran bunga semasa 16% hingga 17% yang dikenakan oleh bank-bank tempatan

dan syarikat-syarikat kewangan; adakah Kementerian beliau menimbang akan membenarkan pinjaman-pinjaman asing (off-shore loans) ke negara kita oleh kerana kadar bayaran bunga yang dikenakan adalah lebih rendah dan ini akan membolehkan sektor-sektor perdagangan dan perindustrian mengatasi masa kemelesetan yang sedang berlangsung.

Timbalan Menteri Kewangan (Dato' Dr Tan Tiong Hong): Tuan Yang di-Pertua saya telah pun menerangkan perkara ini ketika menjawab soalan daripada Ahli Yang Berhormat dari kawasan Lumut pada 16hb Oktober, 1985. Seperti yang telah saya nyatakan adalah benar bahawa kadar faedah bagi pinjaman-pinjaman luar negeri adalah lebih rendah daripada kadar faedah yang dikenakan ke atas pinjaman-pinjaman tempatan. Perbezaan kadar faedah akan sentiasa berlaku kerana ianya menggambarkan keadaan ekonomi dan kewangan yang berbeza di antara negara-negara. Walau bagaimanapun, terdapat faktor-faktor risiko pertukaran wang dalam pinjaman "off-shore" oleh kerana pinjaman dalam matawang asing hendaklah dibayar balik dalam matawang asing dan perubahan dalam kadar pertukaran asing lebih tinggi dari kos pinjaman dalam negeri. Sebagai satu perkara dasar, Kerajaan bersikap liberal di dalam membenarkan pinjaman-pinjaman dalam matawang asing bagi projek-projek yang boleh meningkatkan daya pengeluaran negara dan khususnya dapat menggalakkan eksport.

DASAR PERTANIAN NEGARA— STRATEGI

4. Tuan V. Govindaraj minta Menteri Pertanian menyatakan apakah rancangan-rancangan Kerajaan untuk memajukan Dasar Pertanian Negara (DPN) berasaskan bidang pertanian untuk mengeluarkan sumber makanan

serta industri-industri berasaskan "agro-based" bagi menguatkan kedudukan ekonomi negara kita.

Timbalan Menteri Pertanian (Dr Goh Cheng Teik): Tuan Yang di-Pertua, di bawah Dasar Pertanian Negara, Kerajaan menekankan strategi-strategi dan program-program bagi meningkatkan pengeluaran komoditi-komoditi makanan. Ini termasuklah menggalakkan industri-industri berasaskan makanan. Di antara strategi-strategi dan program-program itu ialah meninggikan daya pengeluaran petani-petani dan menggalakkan penyertaan sektor swasta dalam pengusahaan komoditi-komoditi makanan secara komersial dan besar-besaran. Ini dilakukan melalui penyampaian maklumat-maklumat mengenai peluang-peluang dalam sub-sektor pengeluaran makanan, mengadakan galakan-galakan tertentu dan menyelaraskan usaha-usaha mendapatkan tanah-tanah yang sesuai.

Bagi menggalakkan pengusahaan komoditi-komoditi makanan secara komersial dan besar-besaran, Kementerian Pertanian sedang mengkaji kemungkinan menjadikan ladang-ladang sebagai nukleus bagi memesatkan pembangunan pengeluaran komoditi makanan secara besar-besaran. Perbincangan-perbincangan peringkat awal telah diadakan dengan sektor estet bagi mendapatkan pandangan mereka mengenai cadangan di atas.

Kementerian Pertanian juga sedang berusaha bagi mendapatkan pelabur-pelabur baru melabur dalam sektor makanan dengan mengadakan unit khas yang baru ditubuhkan bagi mengadakan dialog dan menyalurkan maklumat-maklumat penting mengenai peluang-peluang pelaburan di sektor pertanian.

Kementerian juga telah pun mendokumentasikan strategi-strategi dan program-program pembangunan pertanian berbagai sektor seperti yang telah digariskan di bawah Dasar Pertanian Negara. Dalam mengatur strategi-strategi dan program-program pembangunan mengikut sektor ini, Kerajaan telah mengenal pasti zon-zon tanaman berdasarkan agro-iklim, komoditi-komoditi dan industri-industri makanan yang mempunyai daya maju dan hendak memberi keutamaan pembangunannya. Usaha-usaha yang sedang dijalankan sekarang ialah untuk menarik pengusaha-pengusaha untuk mengisi rancangan-rancangan tersebut.

Tuan Yahya bin Haji Zakaria: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Dalam jawapan Timbalan Menteri Pertanian tadi ada menyebutkan mengenai Dasar Pertanian Negara. Satu daripada Dasar Pertanian Negara adalah tidak menggalakkan tanaman kelapa di dalam negara ini. Tetapi adakah Kementerian ini sedar dalam dasar tersebut tidak menggalakkan tanaman kelapa tetapi Kementerian Pertanian dan Jabatan Pertanian mengeluarkan atau memberikan subsidi/bantuan untuk pemulihan kelapa dan sebagainya untuk menggalakkan dari segi produktiviti pengeluaran. Jadi saya ingin tahu apakah yang mesti diikuti oleh pekebun-pekebun kecil sama ada hendak ikut Dasar Pertanian Negara ataupun hendak mengikut galakan Kementerian Pertanian.

Dr Goh Cheng Teik: Tuan Yang di-Pertua, sebagai Wakil Rakyat bagi kawasan kelapa yang terbesar, Ahli Yang Berhormat itu tentulah sedar bahawa pasaran bagi kelapa sudah merosot beberapa tahun kebelakangan ini dan itulah sebabnya Kementerian tidak menggalakkan tanaman tambahan. Walau bagaimanapun Kementerian

menggalakkan tanaman koko sebagai tanaman selingan dalam kebun kelapa.

Tuan Khadri bin Sabran: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Dalam jawapan Yang Berhormat Timbalan Menteri tadi menyatakan Kerajaan telah banyak memberikan dorongan, memberi galakan kepada petani-petani agar daya pengeluaran bagi petani-petani itu dapat dipertingkatkan dari masa ke semasa bersesuaian dengan matlamat Dasar Pertanian Negara. Jadi, saya ingin tahu di dalam Kerajaan memberikan galakan dan dorongan ini, setakat mana dan sejauh manakah kordinasi ataupun kerjasama di antara beberapa Jabatan yang terlibat dengan bidang pertanian ini dapat bekerjasama agar tujuan dan hasrat Kerajaan itu tercapai. Misalnya, setakat mana, sejauh mana Jabatan Pertanian, FAMA, MARDI dan Pejabat-pejabat Tanah di tiap-tiap daerah itu bekerjasama untuk mengusahakan sesuatu agar daya pengeluaran petani-petani dapat dipertingkatkan.

Yang keduanya, adakah Kementerian Pertanian ini sedar bahawa banyak kampung-kampung tradisi di dalam negara kita ini di mana tanahnya adalah tanah yang tidak subur untuk bercucuk tanam. Jadi, apakah program-program Kerajaan untuk memindahkan penduduk-penduduk di kampung-kampung tradisi ini ke suatu kawasan yang baru di mana tanah untuk mereka bertani itu lebih subur lagi agar penghasilan bahan-bahan pertanian mereka itu dapat dipertingkatkan bagi mencapai hasrat dan cita-cita Dasar Pertanian Negara kita.

Dr Goh Cheng Teik: Tuan Yang di-Pertua, saya tidak menafikan bahawa terdapat sedikit sebanyak masalah dari semasa ke semasa dalam hubungan antara Jabatan-jabatan di Kementerian Pertanian. Ini merupakan suatu perkara yang biasa

di mana-mana Kementerian pun. Walau bagaimanapun, Kementerian mengadakan mesyuarat tiap-tiap minggu yang dipengerusikan oleh Menteri sendiri dengan semua Ketua-ketua Jabatan dan di mesyuarat Kementerian itu masalah-masalah yang berbangkit dapat diatasi.

Yang kedua, tentang kampung-kampung tradisional yang terletak di tanah-tanah yang tidak begitu subur, Kementerian mencadangkan bahawa penduduk-penduduk boleh timbanglah ternakan-ternakan ikan sekiranya terletak di pantai atau ternakan binatang dan sebagainya.

Mengenai cadangan bahawa mereka dipindah ke tanah yang subur, ini memanglah satu idea yang bagus dan sekiranya ada tempat yang tertentu, Kementerian boleh memberi perhatian dalam konsultasi dengan Kerajaan Negeri yang berkenaan.

Tuan Mamat Ghazalee bin Abdul Rahman: Tuan Yang di-Pertua, saya hendak bertanya kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri iaitu baru-baru ini Yang Berhormat Menteri Pertanian ada menyebut tentang matlamat dan hasrat kita hendak menjadikan negara ini sebagai negara pengeluar ataupun eksport ikan air tawar yang terbesar di rantau ini.

Saya hendak minta Yang Berhormat Timbalan Menteri menerangkan tentang perkara ini, apakah asas-asas yang kita ada, yang mungkin menjadi negara kita ini sebagai sebuah negara yang berpotensi untuk menjadi pengeluar dan pengeksport yang paling utama di dalam perusahaan ikan air tawar ini dan juga kalau dapat diterangkan bagaimana cara-caranya kita boleh mencapai matlamat ini dan bagaimana pula tentang masalah-masalah yang akan dihadapi di dalam hal ini, misalnya masalah pasaran? Terima kasih.

Dr Goh Cheng Teik: Tuan Yang di-Pertua, potensi menjadi satu pengeluaran ikan air tawar memang besar kerana bukan sahaja di Semenanjung Malaysia, tetapi di Sabah dan Sarawak terdapat sungai-sungai, tasik-tasik yang boleh digunakan untuk ternakan ikan air tawar secara besar-besaran. Tetapi setakat ini nampaknya penternak-penternak di Malaysia tidak cukup sedar tentang potensi ini, sekiranya dibandingkan dengan penternak-penternak di negara-negara yang lain misalnya di Indonesia dan Filipina di mana ternakan ikan dijalankan secara besar-besaran. Memang pasaran menjadi satu faktor yang penting dan tentulah sebelum projek rancangan diadakan secara besar-besaran, kajian tentang pasaran itu haruslah dijalankan.

GURU—KRITERIA PERTUKARAN

5. Tuan Andrew Janggi Muyang minta Menteri Pelajaran menyatakan apakah kriteria-kriteria yang digunakan untuk mempertimbangkan permohonan-permohonan untuk pemindahan guru antara negeri, daerah dan antara sekolah.

Timbalan Menteri Pelajaran (Dato' Dr Ling Liong Sik): Tuan Yang di-Pertua, pertukaran guru adalah berdasarkan kepada pekeliling dan arahan-arahan yang ditetapkan dari masa ke semasa oleh Kementerian Pelajaran.

Pemohonan pertukaran dipertimbangkan mengikut perkara-perkara yang berikut:

- (a) sebab-sebab kepentingan perkhidmatan;
- (b) tempoh bertugas di sesuatu kawasan dan kekosongan mengikut matapelajaran dan keperluan di kawasan-kawasan yang dipohon; dan

- (c) sebab-sebab kesihatan yang memerlukan rawatan pakar yang tidak terdapat di kawasan di mana guru itu bertugas.

Tuan Ibrahim Azmi bin Hassan: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya ingin bertanya Yang Berhormat Timbalan Menteri Pelajaran, pada hari ini tiap-tiap guru itu ada masalah tentang perpindahan dan pertukaran mereka. Yang kita tahu guru-guru itu misalnya daripada negeri-negeri kerana kita di Malaysia ini ada berbilang negeri-negeri. Adakah cadangan Kerajaan supaya guru-guru ini misal kata guru daripada orang Kelantan dia mengajar di Kelantan, guru orang Perak dia bertugas mengajar di Perak. Kenapakah Kerajaan pisah-pisahkan begitu jauh, misalan guru orang Kedah dia mengajar di Johor, lebih-lebih lagi kesulitan isterinya mengajar di Johor, suaminya mengajar di Kedah. Adakah Kerajaan tidak sedar kesulitan mereka sekelamin ini atau suami isteri ini, kenapakah Kerajaan tidak ada satu cadangan ataupun memikirkan tentang kesulitan guru-guru ini untuk dijadikan mereka senegeri-senegeri, jadi tidak dipindahkan? Terima kasih.

Dato' Dr Ling Liong Sik: Tuan Yang di-Pertua, Kementerian memang sedar iaitu memang ada hasrat untuk memulangkan guru-guru pelatih kepada negeri-negeri yang asal mereka, dan oleh kerana ini perlantikan guru-guru pelatih juga telah dibahagikan kepada semua negeri oleh kerana Kementerian adalah berhasrat untuk memulangkan mereka kepada negeri-negeri asal. Walaupun demikian, di dalam urusan kita menghadapi beberapa masalah sampai setakat ini ada kecenderungan di mana kebanyakan guru-guru pelatih yang layak untuk menjadi guru bahasa Inggeris didatangkan dari Pantai Barat dan kebanyakan guru-guru pelatih yang akan menjadi guru Bahasa

Malaysia didatangkan dari Pantai Timur dan jikalau kita memulangkan kesemuanya ke tempat asal ini akan mengakibatkan Pantai Timur tidak mencukupi guru bahasa Inggeris dan Pantai Barat tidak mencukupi guru Bahasa Malaysia. Setakat ini, ini adalah antara masalah-masalah yang tidak boleh diatasi.

LEBUHRAYA TIMUR-BARAT— KOS PEMBINAAN

6. **Tuan Wan Ibrahim bin Wan Abdullah** minta Menteri Kerja Raya menyatakan:

- (a) jumlah perbelanjaan yang dibayar kepada juruperunding bagi pembinaan Lebuhraya Timur-Barat;
- (b) jumlah pembinaan sebenar lebuhraya tersebut;
- (c) jumlah perbelanjaan membaiki yang dilakukan sejak dahulu hingga sekarang; dan
- (d) bagaimana cara pemberian kerja yang diberi kepada kontraktor yang membaikinya dan bila dijangka siap pembaikan yang tersebut.

Menteri Kerja Raya (Dato' S. Samy Vellu): Tuan Yang di-Pertua, jawapan soalan ialah seperti berikut:

- (a) jumlah perbelanjaan yang dibayar kepada juruperunding bagi pembinaan Lebuhraya Timur B adalah seperti berikut:
 - (i) rekabentuk jalan \$1.55 juta.
 - (ii) pengawasan jambatan-jambatan utama ialah \$3.60 juta.
- (b) jumlah perbelanjaan sebenar Lebuhraya sehingga hujung tahun 1982 adalah \$396 juta;

(c) sehingga akhir bulan September, 1985, jumlah perbelanjaan untuk membaiki jalan tersebut adalah \$118.14 juta; dan

(d) kerja membaiki Lebuhraya diberikan kepada pemborong secara berunding dan pembaikan dijangka siap pada akhir tahun 1986.

Tuan Haji Nik Abdul Aziz bin Nik Mat: Soalan tambahan. Sepanjang panjang lebuhraya daripada sebelah Gerik sampai ke sebelah hujung sana tidak terdapat satu pun terowong, sedangkan kalau diambil kira terowong yang telah dibuat sebelum perang dunia kedua dahulu di jalan keretapi Kuala Kerai-Gua Musang sampai hari ini pun masih kukuh dan tidak perlu kepada pembaikan, sebagaimana pembaikan yang dibuat kepada memaras bukit. Soalnya, kerana apa terowong tidak terdapat di sana sedangkan penjagaan keselamatannya kita mempunyai askar yang cukup dan menjaga terowong daripada keselamatan serupa dengan menjaga jambatan-jambatan yang panjang juga, kerana apa?

Dato' S. Samy Vellu: Tuan Yang di-Pertua, mengikut sejarah yang saya dapat daripada Jabatan Kerja Raya, pada masa itu Kerajaan tidak suka mengadakan rekabentuk terowong di jalan Lebuhraya Timur-Barat. Masalah-masalah dihadapi oleh Kerajaan pada masa itu ialah masalah keselamatan. Itulah satu masalah yang mustahak kita tidak boleh mengadakan terowong dalam rekabentuk itu.

Tuan Yew Foo Weng: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya ingin bertanya Yang Berhormat Menteri yang berkenaan bagi juruperunding yang ditantik, adakah pihak ini juruperunding tempatan atau juruperunding asing? Kalau jawabnya

ialah juruperunding asing, kenapa juruperunding tempatan tidak dilantik?

Soal kedua, ialah kenapa bagi tiap-tiap lebuhraya yang besar atau kecil pada beberapa tahun lepas lebuhraya itu dibuat, maka timbullah masalah kerosakan dan sebagainya. Kenapa masalah ini selalu timbul dan apa langkah yang akan dijalankan oleh pihak Kerajaan untuk mengatasi masalah ini supaya kerosakan ini tidak akan jadi masalah beberapa tahun selepas jalan itu dibuat.

Dato' S. Samy Vellu: Tuan Yang di-Pertua, untuk soalan yang pertama ditimbulkan oleh Ahli Yang Berhormat tadi, juruperunding yang telah dilantik oleh Jabatan Kerja Raya di projek-projek ini ialah semua juruperunding tempatan sahaja. Ini jawapan (a).

Untuk jawapan (b), Tuan Yang di-Pertua, mengikut arahan Kerajaan pada masa itu, iaitu lebih kurang tahun 70an, Jabatan Kerja Raya telah menjalankan projek itu sendiri dengan pekerja-pekerja dan juga kakitangan Jabatan Kerja Raya. Pada masa itu Jabatan Kerja Raya tidak mempunyai apa-apa pengalaman dalam pembinaan jalan bukit, dengan izin, mountainous road alignment and design with varying topographical conditions. Jadi, inilah satu masalah engineering dipunyai oleh Jabatan Kerja Raya pada masa itu, dengan cuaca pun tidak berapa sesuai dan juga dengan kesulitan-kesulitan keselamatan. Walau bagaimanapun, jikalau kita pada masa itu memilih sistem dan rekabentuk jalan dengan jambatan seperti jalan-jalan apa yang kita nampak di mountainous road di Alps, iaitu di negara Itali dan Perancis, sepatutlah rekabentuk itu mesti memakan perbelanjaan yang terbesar yang saya anggap lebih dari \$1.2 billion atau \$1,200 juta.

Walaupun bagaimanapun, dengan sistem yang kita gunakan dalam pembinaan Lebuhraya Timur-Barat, satu sistem yang biasa dengan tujuannya untuk memberi kerja-kerja kepada semua pemuda-pemuda yang tidak ada kerja pada masa itu dan itulah arahan daripada Allahyarham Yang Amat Berhormat Tun Abdul Razak. Oleh kerana masalah keselamatan kita tidak menimbang sistem terowong dan kita ikuti dengan sistem "open cut and fill", dengan izin. Masalah yang kita telah menghadapi ialah tanah runtuh dan berbagai-bagai masalah.

Walaupun bagaimanapun, saya suka memberi akuan kepada Ahli-ahli Yang Berhormat, Jabatan Kerja Raya sedang mempunyai banyak pengalaman-pengalaman sekarang daripada ajaran yang kita dapat daripada Lebuhraya Timur-Barat. Pada masa sekarang kita tidak mempunyai apa-apa masalah, kita akan menjalankan projek untuk menyiapkan projek pada masa, saya harap dalam tempoh 12 bulan akan datang, selepas itu semua Ahli-ahli Yang Berhormat boleh juga menggunakan jalan itu tanpa apa-apa kesulitan atau masalah.

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Tuan Hassan Alban bin Haji Sandukong.

(Soalan No. 7 Y.B. Tuan Hassan Alban bin Haji Sandukong tidak hadir.)

RANCANGAN PERCANTUMAN SEKOLAH-SEKOLAH KECIL

8. Tuan Haji Mohd. Zain bin Abdullah minta Menteri Pelajaran menyatakan sejauh manakah perkembangan rancangan pencantuman sekolah-sekolah kecil dengan usaha Kerajaan hendak menyebarkan dan memperluaskan kemudahan-kemudahan pelajaran ke

kawasan-kawasan luar bandar serta meninggikan taraf pendidikan sekolah-sekolah kecil. Dan nyatakan masalah-masalah yang dihadapi yang menghalang rancangan tersebut diteruskan.

Dato' Dr Ling Liong Sik: Tuan Yang di-Pertua, dalam melaksanakan rancangan percantuman sekolah-sekolah kecil, beberapa faktor hendaklah diberi pertimbangan. Faktor yang penting ialah mendapatkan persetujuan ibu bapa dan Persatuan Ibu Bapa dan Guru-guru sekolah-sekolah yang terlibat. Selain daripada itu, faktor kedudukan fizikal sekolah juga patut diambil kira.

Antara masalah-masalah yang dihadapi dan menghalang rancangan untuk mencantumkan sekolah-sekolah kecil ialah:

- (1) bilangan penduduk setempat yang kecil dan berselerak, sekolah perlu dibina walaupun ianya merupakan sekolah kekurangan murid;
- (2) kesukaran perhubungan di antara satu kawasan dengan kawasan yang lain;
- (3) sekolah-sekolah kecil di sesuatu kawasan itu menjadi pusat aktiviti masyarakat setempat; dan
- (4) sekiranya murid-murid dari sesuatu kawasan dipusatkan, beberapa implikasi akan timbul dan antaranya belanja membina dan mengurus asrama terlalu tinggi atau ibu bapa tidak mampu menghantar anak-anak mereka ke sekolah-sekolah pusat yang dibina.

Tuan Haji Mohd. Zain bin Abdullah: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Pertamanya, saya ingin mendapat tahu berapa jumlah bilangan sekolah kecil, mengikut istilah Kementerian sekarang, seluruh negara.

Yang kedua, berapa bilangan yang dikatakan sekolah kecil itu, mengikut iktiraf Kementerian Pelajaran sekarang?

Dato' Dr Ling Liong Sik: Tuan Yang di-Pertua, dari tahun 1982 sampai 1985 dari angka-angka yang saya ada, di negeri Selangor 14 buah sekolah telah dicantum menjadi 7 buah; di Perak 2 sekolah dicantum menjadi 1 dan di Kedah 2 dicantum menjadi 1 juga.

Angka-angka kepada soalan yang kedua, saya minta notis.

Tuan Khadri bin Sabran: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Dalam jawapan Yang Berhormat Timbalan Menteri tadi ada mengatakan tentang kesukaran Kerajaan untuk mencantumkan sekolah-sekolah yang dikatakan sebagai sekolah kecil kerana sebelum dicantumkan, ianya perlu mendapatkan persetujuan daripada ibu bapa dan PIBG sekolah-sekolah tersebut. Oleh hal yang demikian, maka di dalam negara kita ini banyak terdapat sekolah-sekolah yang kecil, terutamanya di pulau-pulau, di kawasan-kawasan Orang Asli dan sebagainya, jadi perkara percantuman ini menjadi sukar dan sulit untuk dilaksanakan.

Saya ingin tahu apakah Kerajaan akan mempertimbangkan elaun kesukaran kerja kepada guru-guru yang mengajar di sekolah-sekolah kecil tersebut, terutama guru-guru yang mengajar di sekolah-sekolah pulau yang jauh daripada darat sehingga 40 batu, guru-guru yang mengajar di perkampungan Orang-orang Asli yang jauhnya sehingga 60-70 batu di dalam hutan. Adakah Kerajaan akan mempertimbangkan elaun kesukaran, sepertimana juga Kerajaan memberikan elaun sukar kerja kepada diplomat-diplomat asing yang bertugas di luar negeri kita.

Timbalan Yang di-Pertua: Soalan tak berapa berkait.

Dato' Dr Ling Liong Sik: Tuan Yang di-Pertua, soalan itu adalah khusus sangat dan saya minta notis.

Wan Ibrahim bin Wan Abdullah: Tuan Yang di-Pertua, mengikut jawapan Yang Berhormat Timbalan Menteri tadi beliau mengatakan bahawa banyak kesulitan-kesulitan ataupun faktor-faktor yang menyebabkan sekolah-sekolah kecil ini tidak dapat dicantumkan. Saya ingin minta penjelasan daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri, apa yang kita tahu sekolah-sekolah kecil ini adalah sekolah-sekolah yang kurang peruntukan kewangannya sedangkan aktiviti yang hendak dijalankan di sekolah ialah sama dengan sekolah-sekolah besar. Apakah Kerajaan bercadang untuk menambahkan suatu peruntukan istimewa selain daripada peruntukan biasa yang diberikan mengikut keramaian murid bagi tiap-tiap sekolah?

Dato' Dr Ling Liong Sik: Tuan Yang di-Pertua, saya percaya Kementerian menjaga dengan baik sekolah-sekolah yang kecil ini oleh kerana dari segi peruntukan, dari segi capital grant iaitu mengikut beberapa murid yang ada, tetapi dari segi pengedaran guru-guru saya percaya Kementerian tidak mengikut nisbah yang sama dengan sekolah-sekolah yang lebih besar. Di sekolah-sekolah kecil ini nisbah guru kepada murid-murid adalah lebih tinggi oleh kerana hanya 15 murid dalam satu kelas tetapi sekolah itu dapat tiga atau empat guru juga, walaupun seorang guru dan suatu kelas hanya 15 atau 17 orang.

Dato' Haji Saidin bin Haji Mat Piah: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Tadi Yang Berhormat Timbalan Menteri telah menerangkan bahawa di antara faktor yang patut diambil kira dalam mengadakan sekolah percantuman ini ialah persetujuan daripada ibubapa atau

PIBG. Saya ingin bertanya, sejauh ini sebanyak mana tinjauan yang dibuat oleh pihak Kementerian ini untuk mendapatkan persetujuan daripada pihak PIBG? Yang kedua, bagaimanakah sambutan yang diberi oleh pihak PIBG berhubung dengan konsep sekolah percantuman ini? Yang ketiga, apakah takrif yang dipakai sekarang ini oleh pihak Kementerian yang dikatakan sekolah kecil—100 orang ke bawahkah, 50 orang ke bawahkah dan sebagainya?

Dato' Dr Ling Liong Sik: Setakat ini, Tuan Yang di-Pertua, kepada soalan yang ketiga yang saya boleh ingat lagi, sekolah yang kecil ialah di mana ada murid-murid kurang daripada 149 orang. Oleh kerana permohonan-permohonan adalah didatangkan dari negeri-negeri atau Pejabat Pelajaran Negeri dan Pejabat Pelajaran Negeri adalah badan yang bertugas untuk meninjau adakah tidak sekolah-sekolah kecil yang ingin mencantumkan dan oleh kerana ini saya tidak dapat memberi apa yang dikehendaki oleh Yang Berhormat itu.

PERKHIDMATAN TELEFON DI SABAK BERNAM

9. Dato Haji Jamaluddin bin Haji Suhaimi minta Menteri Tenaga, Telekom dan Pos menyatakan bilakah perkhidmatan telefon di daerah Sabak Bernam akan dapat memuaskan para pengguna, kerana keadaan sekarang sangat susah untuk hubungan dalam daerah apatah lagi ke luar daerah.

Timbalan Menteri Tenaga, Telekom dan Pos (Tuan Haji Abdul Rahim bin Abu Bakar): Tuan Yang di-Pertua, Kementerian saya memang sedar bahawa perkhidmatan telefon di daerah Sabak Bernam yang meliputi kawasan-kawasan Sungai Air Tawar, Sabak Bernam dan Sungai Besar adalah tidak begitu memuaskan. Ini adalah disebabkan oleh kekurangan litar-litar cawang (junction lines) yang mengakibatkan kesukaran untuk

membuat dan menerima panggilan-panggilan telefon di antara kawasan-kawasan tersebut dan juga kawasan-kawasan lain. Untuk mengatasi masalah ini, pihak Jabatan Telekom akan menambahkan bilangan litar-litar cawang bagi kawasan-kawasan Sabak Bernam dan Sungai Besar.

Bagi kawasan Sabak Bernam, kerja-kerja untuk menambahkan litar-litar cawang telah siap dilaksanakan pada 10hb Oktober, 1985. Bilangan litar-litar cawang telah ditambah dari 48 ke 67 litar iaitu tambahan sebanyak 19 litar atau 40%. Bagi kawasan Sungai Besar, kerja-kerja untuk menambahkan litar-litar cawang adalah sedang dilaksanakan sekarang dan dijangka siap pada hujung tahun ini. Bilangan litar-litar cadang bagi kawasan ini akan ditambah dari 24 ke 60 litar iaitu tambahan sebanyak 36 litar atau 150%. Bagi kawasan Sungai Air Tawar, bilangan litar-litar cawangnya tidak ada ditambah buat sementara ini oleh kerana jumlah bilangan yang ada sekarang 24 litar adalah mencukupi.

SYARIKAT PENERBANGAN YANG MENDARAT DI MALAYSIA

10. Dr Koh Tsu Koon minta Menteri Pengangkutan menyatakan apakah syarikat-syarikat penerbangan yang telah diberikan hak-hak mendarat di Malaysia. Berapa banyak lagi yang sedang dirundingkan. Adakah Kerajaan bercadang membenarkan lebih banyak lagi syarikat penerbangan asing yang terkenal untuk mendarat di Pulau Pinang untuk mempergiatkan lagi pelancongan dan perdagangan. Jika ada, apakah syarikat-syarikat penerbangan ini dan bilakah mereka akan dibenarkan mendarat di Pulau Pinang. Jika tidak, mengapa.

Timbalan Menteri Pengangkutan (Puan Hajjah Rahmah binti Othman): Tuan Yang di-Pertua, di bawah perjanjian udara yang ada sekarang di

antara Malaysia dan negara-negara asing, sebanyak 46 buah syarikat penerbangan asing telah diberi hak untuk mengadakan penerbangan di Malaysia. Memandangkan terdapat 46 buah syarikat penerbangan asing yang diberi hak untuk mengadakan penerbangan ke Malaysia, saya mohon izin, Tuan Yang di-Pertua, untuk mengemukakan senarai nama syarikat-syarikat tersebut kepada Yang Berhormat kecuali kalau Tuan Yang di-Pertua suruh saya baca nama-nama 46 buah itu.

Timbalan Yang di-Pertua: Kalau 46, itu panjang, Yang Berhormat.

Puan Hajjah Rahmah binti Othman: Terima kasih. Walau bagaimanapun, dari jumlah tersebut hanya 24 buah syarikat penerbangan asing telah menggunakan hak yang diberi untuk mengadakan penerbangannya ke Malaysia. Buat masa kini Sistem Penerbangan Malaysia (MAS) sedang mengaturkan perundingan untuk mengadakan perjanjian dengan 3 buah negara iaitu Yugoslavia, Mauritius dan Egypt.

Berhubung dengan pertanyaan Yang Berhormat mengenai perkhidmatan penerbangan oleh syarikat-syarikat asing ke Pulau Pinang, sukalah saya maklumkan bahawa pada masa ini terdapat sebanyak 4 buah syarikat penerbangan asing yang telah menjalankan perkhidmatan penerbangan antara-bangsa berjadual ke Pulau Pinang. Syarikat-syarikat penerbangan tersebut ialah Singapore Airlines, Garuda Indonesian Airways, Thai International Airways dan Cathay Pacific Airways. Syarikat-syarikat penerbangan asing lain yang telah diberi hak mendarat tetapi masih belum lagi mengadakan penerbangan ke Pulau Pinang ialah Qantas, Philippine Air Lines, North West Orient, Pan American World Airways, Flying Tiger Line dan Burma Airways Corporation.

Kerajaan memang menggalakkan syarikat-syarikat penerbangan antarabangsa untuk mengadakan atau menambah penerbangan kesemua lapangan terbang di Malaysia. Di samping itu, Kementerian Pengangkutan juga menggalakkan penerbangan sewa khas atau charters yang membawa pelancong dari luar negeri masuk ke Malaysia.

Dr Koh Tsu Koon: Tuan Yang di-Pertua, dari jawapan Yang Berhormat Timbalan Menteri tadi yang mengatakan bahawa terdapatnya 6 buah syarikat penerbangan yang telah diberi hak mendarat di Pulau Pinang, saya ingin bertanya apakah sebabnya sehingga sekarang mereka belum menggunakan hak itu dan apakah insentif-insentif yang akan diberi untuk menggalakkan mereka menggunakan hak itu.

Puan Hajjah Rahmah binti Othman: Tuan Yang di-Pertua, 6 buah syarikat yang saya sebutkan tadi masih tidak membuatkan penerbangan mereka itu tidaklah saya pasti tetapi persetujuan daripada Kerajaan kita sudah pun ada. Ini kemungkinan mereka menunggu masa yang sesuai bagi mereka, mungkin.

Soalan yang kedua, Tuan Yang di-Pertua, berkenaan dengan insentif yang kita beri, insentifnya sama seperti syarikat-syarikat penerbangan yang telah saya sebutkan pada awal tadi.

Tuan Hassan bin Haji Mohamed: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya ingin tahu daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri, apakah namanya sebuah syarikat penerbangan yang telah diberi hak mendarat di lapangan terbang Subang dan didapati kapal terbang itu tersadai beberapa lama di lapangan terbang Subang dan apakah benar kapal terbang itu telah pun dijual dan telah

dijadikan sebuah restoran. Apakah tak boleh kapal terbang itu diubahsuai dan dijual kepada pihak MAS?

Timbalan Yang di-Pertua: Bahagian dua soalan itu adalah tidak berkait.

Puan Hajjah Rahmah binti Othman: Tuan Yang di-Pertua, soalan ini begitu khusus. Saya harap Yang Berhormat boleh buat satu soalan bertulis dan kita boleh jawab.

Tuan Yew Foo Weng: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Dalam jawapan Yang Berhormat Timbalan Menteri yang berkenaan, beliau ada mengatakan sungguhpun 46 buah syarikat penerbangan telah diberikan hak untuk mendarat di Lapangan Terbang Subang tetapi bilangan kecil yang menggunakan hak, sungguh nasib baik untuk kita oleh sebab pada masa sekarang kemudahan di Lapangan Terbang Subang tidak mencukupi untuk menampung bilangan pelancong yang menggunakan Subang. Saya hendaklah bertanya kalau kita bercadang untuk menggalakkan lebih banyak syarikat penerbangan untuk mendarat, adakah pihak Kerajaan bercadang menambah kemudahan di Lapangan Terbang Subang untuk memperbaiki masalah dan segala kesulitan yang telah dihadapi pada masa sekarang?

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, sebenarnya soalan asal ialah mengenai hak mendarat ataupun "landing rights" dan soalan tambahan tadi ialah berkenaan dengan kemudahan-kemudahan di lapangan terbang iaitu kemudahan di lapangan terbang yang tidak termasuk dalam perkara hak-hak mendarat. Walau bagaimanapun, sekiranya Yang Berhormat mempunyai jawapan, saya serahkan kepada Yang Berhormat sama ada mahu menjawab ataupun tidak.

Puan Hajjah Rahmah binti Othman: Tuan Yang di-Pertua, soalan Yang Berhormat tadi begitu umum. Ia tidak menyebut apakah kemudahan yang tidak cukup di Lapangan Terbang Subang itu. Saya harap kalau dapat Yang Berhormat memberikan soalan yang tepat.

Tuan Yew Foo Weng: Saya boleh beri penjelasan. Pada masa yang sibuk, Lapangan Terbang Subang selalu penuh sesak dengan orang. Check-in counter pun tidak cukup dan ada selalu orang jadi marah dan ada pergaduhan yang tidak perlu. Dan bagi mereka yang datang ke negara kita ini, check-in dan check-out counters. Kastam dan Imigresen pun tidak mencukupi dan kemudahan untuk orang yang menunggu transit ataupun menunggu orang pada masa ketibaan pun tiada mencukupi. Itulah masalah.

Timbalan Yang di-Pertua: Soalan tidak berkait.

KEGIATAN SUBVERSIF/JENAYAH

11. Tuan Gooi Hock Seng minta Perdana Menteri menyatakan bilangan orang-orang tanpa sebarang bukti terlibat dalam kegiatan subversif atau keganasan yang ditubuhkan, setakat ini yang dituduh di bawah Seksyen 57 Akta Keselamatan Dalam Negeri, 1960 dan menrangkan dengan lebih lanjut mengapa mereka tidak dituduh di bawah Akta Senjatapi (Penalti Lebih Berat) 1971.

Timbalan Menteri Dalam Negeri (Dato' Radzi bin Sheikh Ahmad): Tuan Yang di-Pertua, tidak ada siapa yang dituduh di bawah seksyen 57 Akta Keselamatan Dalam Negeri 1960 yang tidak mempunyai bukti yang menunjukkan ia tidak terlibat di dalam kegiatan subversif, komunis, jenayah yang terancam atau keganasan yang ditubuhkan.

Timbalan Yang di-Pertua: Pertama kali Kementerian Dalam Negeri tidak ada soalan tambahan.

GETAH—KEJATUHAN HARGA

12. Tuan Haji Seroji bin Haji Haron minta Menteri Perusahaan Utama menyatakan apakah usaha Kementerian dalam memulihkan harga getah khususnya bagi membela nasib 500,000 pekebun-pekebun kecil yang menerima risiko kesan dari kejatuhan harga getah.

Timbalan Menteri Perusahaan Utama (Tuan Megat Junid bin Megat Ayob): Tuan Yang di-Pertua, soalan yang serupa telah pun dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Jerai dan telah pun dijawab pada 23hb Oktober, 1985. Oleh yang demikian, saya tidak bercadang untuk menokok tambahanya lagi.

PERMIT MENGEKSPORT GETAH

13. Tuan Yahya bin Haji Zakaria minta Menteri Perusahaan Utama menerangkan adakah benar bahawa permit mengeksport getah negara ini dimonopoli oleh satu golongan sahaja yang menjadikan nasib pekebun getah amat menyedihkan disebabkan harga getah yang murah. Berapakah bilangan pemegang permit eksport bumiputera dan bukan bumiputera.

Tuan Megat Junid bin Megat Ayob: Tuan Yang di-Pertua, berdasarkan kepada maklumat-maklumat yang diterima didapati adalah tidak tepat menyatakan bahawa lesen atau permit mengeksport getah dimonopoli oleh satu golongan sahaja kerana lesen mengeksport getah pada masa ini adalah dipegang oleh bukan sahaja bukan bumiputera tetapi juga oleh bumiputera dan juga badan-badan Kerajaan lain. Berikut disampaikan bilangan pemegang permit eksport mengikut pecahan kaum.

**PEMEGANG PERMIT
MENGEKSPORT GETAH
PADA MASA KINI**

| | <i>Bilangan</i> |
|---|-----------------|
| (a) Bukan warganegara Malaysia | 54 |
| (b) Bumiputera (termasuk syarikat-syarikat yang diiktiraf sebagai Bumiputera) | 30 |
| (c) Badan-badan Kerajaan . . . | 10 |
| (d) Bukan Bumiputera | 130 |
| JUMLAH | 224 |

Sukacita dimaklumkan bahawa adalah menjadi dasar Kerajaan untuk menggalakkan seberapa ramai bumiputera menjadi pengeksporth getah. Walau bagaimanapun ingin saya menyatakan bahawa struktur pemilikan mengeksporth getah mengikut kaum bukanlah merupakan faktor yang mempengaruhi kemerosotan harga getah pada masa ini. Apa yang penting ialah menjamin bahawa adanya cukup persaingan untuk membeli getah dari pekebun-pekebun kecil.

Berkenaan dengan faktor yang menyebabkan harga getah lembab adalah sebagaimana saya jelaskan semasa menjawab soalan yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Jerai pada 23hb Oktober, 1985 dahulu.

Tuan Haji Wan Mohd. Najib bin Wan Mohamad: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin bertanya Yang Berhormat Timbalan Menteri Perusahaan Utama, apabila Kerajaan mengutamakan bumiputera dalam Dasar Ekonomi Baru, disebutkan bahawa perkara itu tidak adil. Tetapi apabila pembahagian lesen seperti ini dapati bumiputera 30, bukan bumiputera 130. Adakah ini adil? Jadi, apakah untuk masa akan datang supaya hanya kepada bumiputera sahaja dipertimbangkan untuk pemberian lesen bagi mengeksporth getah supaya ianya adil seadil-adilnya?

Tuan Megat Junid bin Megat Ayob: Tuan Yang di-Pertua, yang sebenarnya insentif kita berikan kepada kaum bumiputera untuk mendapatkan lesen. Misalannya bumiputera kita hanya dikenakan \$150,000 sahaja untuk modal berbanding dengan kaum bukan bumiputera sebanyak \$250,000 dan bagi orang asing \$500,000.

Tetapi kalau kita lihat dari sini, wujud pula apa yang dikatakan ketidakadilan dari segi modalnya tadi, jadi disebutkan juga oleh pihak-pihak yang bukan bumiputera. Jadi perkataan adil tidak adil ini susah ditafsirkan oleh kita sendiri, hanya orang yang memikirkan bahawa keamanan negara ini tidak berapa penting sahaja yang selalu mengungkit perkara adil, tidak adil ini. Sekian, terima kasih.

**TV 3—PENYIARAN KE SABAH/
SARAWAK**

4. Tuan Sim Kwang Yang minta Menteri Penerangan menyatakan bilakah Kerajaan akan memujuk TV 3 memula penyiarannya ke Sabah dan Sarawak untuk memudahkan integrasi nasional.

Timbalan Menteri Penerangan (Dato' Chang Siang Sun): Tuan Yang di-Pertua, perluasan kawasan liputan TV 3 adalah berdasarkan kepada perancangan oleh syarikat yang mengendalikan stesen tersebut ialah Sistem Televisyen Malaysia Berhad (STMB) dan kelulusan pihak Kerajaan.

Setakat ini sebanyak enam lesen pengendalian yang berasingan telah dikeluarkan kepada Sistem Televisyen Malaysia Berhad bagi mengadakan liputan Televisyen ke kawasan-kawasan seperti berikut:

- (i) Lembah Kelang;
- (ii) Lembah Kinta, Perak;
- (iii) Kuantan, Pahang dan sekitarnya;

- (iv) Melaka dan bahagian kawasan di Johor Utara;
- (v) Kawasan Barat Daya Johor; dan
- (vi) Kedah dan Pulau Pinang.

Walau bagaimanapun, menjelang akhir tahun ini, liputan cuma diperluaskan ke kawasan Barat Daya Johor, Melaka dan bahagian kawasan di Johor Utara dan kawasan Lembah Kinta di sebelah Utara.

Liputan ke lain-lain kawasan masih lagi di peringkat perancangan dan tertakluk kepada keupayaan STMB itu sendiri.

Saya yakin peluasan kawasan liputan ke lain-lain kawasan termasuk negeri Sabah dan Sarawak akan diambil kira oleh sesen tersebut apabila tiba gilirannya kelak.

Tuan Alias bin Md. Ali: Soalan tambahan. Nampaknya terlampau banyak desakan-desakan supaya TV 3 ini perluaskan liputannya ke seluruh negara meliputi Sabah dan Sarawak juga dan soalan ini mengaitkan TV 3 dengan kemudahan untuk integrasi nasional. Pertanyaan saya ialah pertama, kenapa nampaknya TV 3 ini lebih mendapat sambutan berbanding dengan RTM sendiri?

Yang kedua, adakah RTM memainkan peranan yang cukup untuk membantu usaha-usaha integrasi nasional tanpa penyertaan daripada sebuah rangkaian swasta seperti TV 3?

Dato' Chan Siang Sun: Tuan Yang di-Pertua, ini bukan TV 3 lebih popular daripada RTM. Oleh kerana ini benda baru atau satu media massa baru, jadi tentulah sambutan hangat sedikit. Saya sukalah menegaskan atau menerangkan di sini iaitu pertubuhan atau kewujudan TV 3 ialah satu media massa untuk mensupplementarykan atau tambahan dan juga complementarykan atau.....(Ketawa).

Timbalan Yang di-Pertua: Bila Yang Berhormat dari Kuala Nerus bangkitkan, saya kata jangan mengonewaykan. (Ketawa).

Dato' Chan Siang Sun: Hari itu dionewaykan ya!

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat sudah buka jalan lagi macam-macam datang.

Dato' Chan Siang Sun: Jadi boleh dikatakan tambahan dan juga penghargaan kepada RTM, ini bermakna apa yang RTM tidak ada kekurangan sedikit, jadi tambahlah TV 3, ini bermakna mereka cuma tertumpu kepada program hiburan sahaja. Jadi untuk penghargaan atau complementary kepada RTM, ini bermakna RTM dapat menggalakkan dan juga dapat mewujudkan satu perusahaan televisyen yang mana dikatakan pihak swasta pun dapat memainkan peranan supaya melalui perusahaan ini dapatlah kita juga dari segi pengeluaran, dari segi penswastan negara kita dapat juga memberi galakan. Ini dua sebablah dapat kita membenarkan atau mewujudkan TV 3 untuk kita semuanya selain daripada kita dapat lebih hiburan-hiburan (Ketawa) kepada kita semua.

Tuan Haji Wan Mohd. Najib bin Wan Mohamad: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin bertanya Yang Berhormat Timbalan Menteri Penerangan, adakah Kerajaan bercadang untuk memecah-mecahkan penswastan TV 3 ini supaya di Kuala Lumpur diberi kepada satu company, di Sabah satu company, di Sarawak satu company dan di Pantai Timur satu company supaya dapat mengubah selera penonton-penonton yang hendak melihat TV 3.

Yang kedua, adakah benar yang Kerajaan bercadang untuk mengurangkan lesen bagi mereka yang tidak dapat lagi menonton TV 3

supaya adil bagi mereka yang tidak dapat menonton TV 3 ini bayaran lesen lebih murah. Yang ketiga, katanya sebab kegemaran mereka menonton TV 3 kerana Juruhebah dan orang yang membaca menjadi Juruhebah itu cantik-cantik dan muda-muda.

Dato' Chan Siang Sun: Tuan Yang di-Pertua,.....

Timbalan Yang di-Pertua: Bahagian ketiga itu tidak ada soalan. (*Ketawa*)

Dato' Chan Siang Sun: Tuan Yang di-Pertua, itu barangkali ada pollution sedikit. (*Ketawa*)

Tuan Yang di-Pertua, soal keluaran lesen, kuasa mengeluarkan lesen bukanlah terletak kepada Kementerian saya iaitu Kementerian Penerangan. Kuasa mengeluarkan lesen terletak kepada Kementerian Tenaga, Telekom dan Pos. Jadi saya tidak dapat memberikan kenyataan di sini berkenaan dengan pengeluaran lesen, tetapi jikalau ada syarikat yang berminat untuk seperti di kawasan Negeri Sabah atau Sarawak untuk mengadakan televisyen berasingan, syarikat itu boleh membuat permohonan kepada Kementerian yang berkenaan. Jadi soalan yang ketiga saya tidak dapat tahu, minta maaf.

Timbalan Yang di-Pertua: Masa sudah cukup.

(Masa untuk Pertanyaan bagi Jawab Mulut telah cukup dan Jawapan bagi Pertanyaan No. 1, 7 dan 15 hingga 20 adalah diberi di bawah ini).

DEWAN BAHASA DAN PUSTAKA—EJAAN BARU

1. Puan Hajjah Wan Zainab binti M. A. Bakar minta Menteri Pelajaran menyatakan adakah ejaan-ejaan yang dikeluarkan oleh Dewan Bahasa dan Pustaka berkekalan ataupun boleh dipinda dari semasa ke semasa.

Dato' Dr Ling Liong Sik: Ejaan yang dikeluarkan oleh Dewan Bahasa dan Pustaka boleh dikatakan berkekalan kerana Ejaan Baru Bahasa Malaysia telah dipakai sejak tahun 1972 lagi. Untuk memastikan ianya berkekalan maka beberapa pedoman dan risalah serta contoh-contohnya sekali telah diterbitkan. Pindaan-pindaan yang dibuat adalah sedikit sahaja bagi perkara-perkara tertentu, seperti dalam mengekalkan nama bandar dan bandaraya di Malaysia dan bagi kata-kata pinjaman dari bahasa asing, sama ada berbentuk nama khas atau istilah khas yang terbatas dipakai oleh pakar bidang dalam bidang yang khusus sahaja. Hal seperti ini tidak akan mencatatkan sistem ejaan baru Bahasa Malaysia.

MAJLIS PERBANDARAN LABUAN—PEGAWAI PERSEKUTUAN

7. Tuan Hassan Alban bin Haji Sandukong minta Menteri Wilayah Persekutuan menyatakan berapakah jumlah pegawai yang didatangkan dari Semenanjung yang berkhidmat di Majlis Perbandaran Labuan dan apakah jawatan-jawatan yang mereka pegang.

Menteri Wilayah Persekutuan (Dato Shahrir bin Abdul Samad): Setakat ini terdapat dua (2) orang pegawai Semenanjung yang berkhidmat di Majlis Perbandaran Labuan (MPL). Kedua-dua mereka ini terdiri dari seorang Pengarah Pentadbir Wilayah Persekutuan Labuan merangkap Presiden Majlis Perbandaran Labuan dan seorang Pegawai Perancang.

Keutamaan untuk mengisi jawatan-jawatan di Majlis Perbandaran Labuan adalah diberi kepada penduduk tempatan sekiranya mereka mempunyai syarat-syarat kelayakan yang diperlukan.

PINJAMAN PELAJAR-PELAJAR DI UNITED KINGDOM

15. Tuan Chan Kok Kit minta Menteri Pelajaran menyatakan jumlah pinjaman yang diberi kepada pelajar-pelajar kita di United Kingdom daripada tabung pusingan yang ditubuhkan hampir empat tahun dahulu berikutan dengan kenaikan yuran universiti; beri angka-angka mengikut pecahan kaum bagi mereka yang berjaya memperolehi pinjaman-pinjaman tersebut dan sebab-sebab mengapa hampir 100 pelajar-pelajar kita di United Kingdom masih belum lagi menerima bantuan tersebut untuk tahun akademik 1984/85.

Dato' Dr Ling Liong Sik: Jumlah pinjaman dari Tabung Pusingan yang telah dikeluarkan sehingga ini untuk pelajar-pelajar kita di United Kingdom adalah sebanyak \$2,763,195.91. Pinjaman ini telah diberi kepada 40 orang pelajar Melayu; 527 pelajar Cina dan 271 pelajar India.

Berhubungan dengan pelajar-pelajar yang belum menerima bantuan pada tahun akademik 1984/85, pinjaman tidak dapat dikeluarkan oleh sebab peruntukan yang tidak mencukupi.

RUMAH KOS RENDAH— PINJAMAN

16. Tuan Peter Chin Gan Oon minta Menteri Kewangan menyatakan sama ada beliau sedar bahawa kebanyakan bank yang telah memenuhi kehendak-kehendak Bank Negara berkenaan kepada pinjaman perumahan adalah tidak begitu berminat untuk membiayai pembelian rumah-rumah yang kurang daripada \$100,000.00 kerana faedah sebanyak 11% itu adalah tidak begitu menarik kepada

mereka dan jika ya, apakah langkah-langkah yang beliau akan ambil untuk memperbaiki keadaan ini supaya lebih banyak lagi rumah-rumah kos rendah dan sederhana dibina untuk memenuhi keperluan penduduk-penduduk.

Dato Dr Tan Tiong Hong: Saya tidak sedar bahawa kebanyakan bank yang telah memenuhi kehendak-kehendak Bank Negara berkenaan dengan pinjaman perumahan tidak begitu berminat untuk membiayai pembelian rumah-rumah yang kurang daripada \$100,000 kerana faedah sebanyak 11% itu tidak begitu menarik. Saya tidak menerima apa-apa aduan mengenai perkara ini. Walau bagaimanapun sekiranya Ahli Yang Berhormat sedar bahawa perkara ini ada berlaku, aduan bolehlah dikemukakan kepada Kementerian saya untuk penyiasatan lanjut.

PINJAMAN LUAR NEGERI

17. Tuan Ban Hong Keong minta Menteri Kewangan menyatakan adakah Kementerian beliau menimbang akan memotong 50% atau lebih projek-projeknya buat masa sementara supaya dapat mengurangkan separuh dari pinjaman-pinjaman luar negeri.

Dato Dr Tan Tiong Hong: Seperti Ahli Yang Berhormat sedia maklum, sejak tahun 1982 Kerajaan telah pun mengambil tindakan untuk mengurangkan perbelanjaan sebagai satu langkah berjimat-cermat berikutan dengan kedudukan ekonomi dan kewangan negara yang kurang memuaskan. Kerajaan telah mengurangkan peruntukan perbelanjaan pembangunan dari \$16,406 juta pada tahun 1982 kepada \$7,654 juta pada tahun ini iaitu pengurangan kira-kira 50%.

Oleh kerana sebahagian daripada belanjawan pembangunan negara adalah dibiayai dengan pinjaman-pinjaman luar, maka langkah pengurangan peruntukan itu dengan sendirinya dapat mengurangkan pinjaman-pinjaman dari punca tersebut.

Walaupun Kerajaan telah mengambil tindakan mengurangkan peruntukan pembangunan dengan banyaknya, Kerajaan akan memastikan bahawa tindakan tersebut tidak akan menjejaskan pelaksanaan projek-projek pembangunan infrastruktur dan sosio-ekonomi di kawasan luar bandar.

PELAJAR-PELAJAR YANG MEMASUKI UNIVERSITI TEMPATAN

18. Tuan Fung Ket Wing minta Menteri Pelajaran menyatakan:

- (1) jumlah bilangan pelajar-pelajar yang mohon untuk memasuki universiti tempatan bagi tahun 1979 hingga 1984;
- (2) jumlah bilangan pelajar-pelajar dari setiap kaum yang dibenarkan masuk ke dalam setiap universiti bagi tahun 1979 hingga 1984;
- (3) jumlah bilangan pelajar-pelajar yang telah pergi ke luar negeri untuk pelajaran tinggi; dan
- (4) sama ada terdapat keperluan untuk menubuhkan lebih banyak lagi universiti di negara; jika ya, beri butir-butir lanjut.

Dato' Dr Ling Liong Sik: Oleh kerana jawapan bagi soalan ini mengandungi banyak angka, dan akan memakan masa untuk dibacakan, saya memohon izin untuk menyampaikan jawapan ini secara bertulis kepada Ahli Yang Berhormat.

JUMLAH PERMOHONAN DA PENGAMBILAN UNTUK MEMASUKI UNIVERSITI TEMPATAN MULAI TAHUN 1979/80-1984/85

| Tahun | JUMLAH PENGAMBILAN | | Jumlah | |
|---------------|--------------------|----------------------------------|----------------|-------|
| | Jumlah Pemohon | Bumi-putera Bukan Bumi-putera | | |
| 1979/80 | 15,098 | 3,384 (64%) | 1,881 (36%) | 5,265 |
| 1980/81 | 12,735 | 3,427 (62%) | 2,074 (38%) | 5,501 |
| 1981/82 | 16,698 | 3,526 (60%) | 2,321 (40%) | 5,847 |
| 1982/83 | 19,522 | 3,575 (58%) | 2,552 (42%) | 6,127 |
| 1983/84 | 28,858 | 3,879 (56%) | 3,011 (44%) | 6,890 |
| 1984/85 | 32,168 | 3,960 (55%) | 3,232 (45%) | 7,192 |

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, jumlah pelajar yang melanjutkan pengajian tinggi di luar negeri dan menerima biasiswa adalah seperti berikut:

| Tahun | Bilangan |
|----------------|----------|
| 1979 | 6,767 |
| 1980 | 8,625 |
| 1981 | 3,704 |
| 1982 | 7,031 |
| 1983 | 4,916 |
| 1984 | 3,055 |
| Jumlah | 27,331 |

Pada masa ini Kerajaan tidak bercadang menubuhkan lebih banyak universiti, memandangkan universiti yang ada boleh menampung pelajar yang berkelayakan untuk mengikuti kursus masing-masing.

DASAR PERTANIAN NASIONAL— KEJAYAAN

19. Dr Tan Seng Giaw minta Menteri Pertanian menyatakan:

- (a) Tingkat kejayaan yang tercapai di bawah rancangan-rancangan

yang dibentangkan di dalam Dasar Pertanian Nasional dari segi:

- (i) tingkat teknologi di dalam sektor pertanian dan perikanan sejak pelaksanaannya;
 - (ii) darjat kemiskinan yang wujud di kalangan petani dan nelayan pada masa kini berbanding dengan tahun-tahun 1960an, 1970an, 1980 dan 1985;
 - (iii) bilangan kemasukan baru dalam sektor pertanian dari segi:
 - (a) luas kawasan yang bertanaman;
 - (b) peneroka-peneroka baru yang melibatkan diri dalam skim pembangunan tanah FELDA;
 - (c) peningkatan dalam keluaran hasil pertanian dan makanan.
 - (iv) bilangan tambahan dalam pemilik bot-bot menangkap ikan yang moden.
- (b) Setakat ini, apakah jumlah daripada peruntukan yang telah disediakan untuk Kementerian ini yang telah dibelanjakan dan untuk rancangan-rancangan apakah ianya telah dibelanjakan.
- (c) Apakah rancangan-rancangan khas yang pihak Kementerian telah menyediakan untuk mengurangkan bilangan nelayan.

Dr Goh Cheng Teik:

- (a) (i) Memandangkan Dasar Pertanian Negara hanya baru sahaja dilancarkan pada tahun 1984, Kementerian tidaklah dapat mengukur dengan tepat tingkat kemajuan teknologi semenjak pelaksanaannya. Namun demikian dalam sektor pertanian dan perikanan, pada keseluruhannya Kerajaan telah berjaya menghasilkan atau memperkenalkan teknologi-teknologi yang bermutu tinggi bagi membantu petani-petani kecil dan nelayan di seluruh negara. Di bidang pertanian, antara teknologi-teknologi yang ditemui ialah dalam mengeluarkan baka padi yang baik yang boleh mengeluarkan hasil yang tinggi iaitu dari 2.7 tan metrik/ha hingga 5 tan/ha; pengeluaran klon-klon koko yang bermutu dan berhasil tinggi iaitu dari 1,337 kg/ha hingga 1,466 kg/ha telah juga ditemui dan mengesyorkan cara-cara kawalan musuh/penyakit tanaman dengan kaedah Pengurusan Makhluk Perosak Secara Bersepadu. Perkhidmatan pengembangan yang diberi oleh Jabatan Pertanian telah dapat menyampaikan teknologi baru melalui kaedah pengembangan Sistem Latihan dan Lawatan (2L) yang telah dapat meningkatkan hasil bagi tanaman-tanaman utama seperti padi, koko dan buah-buahan. Di

bidang Perikanan, beberapa kegunaan teknologi moden telah diperkenalkan kepada nelayan bagi meningkatkan keupayaan perusahaan menangkap ikan. Ianya telah dilaksanakan melalui Institut Perikanan Malaysia yang memberi latihan dalam bidang-bidang penangkapan ikan dengan peralatan moden, pelayaran dan penyelenggaraan injin.

- (ii) Pembangunan ekonomi dan sosial yang dijalankan oleh Kerajaan dari semasa ke semasa telah memberi kesan dalam mengurangkan kadar kemiskinan. Kesan yang baik ini telah dirasakan sama oleh petani dan nelayan. Kadar kemiskinan yang wujud di kalangan petani dan nelayan ialah masing-masing 74.3% dan 73.2% dalam tahun 1970; 47.2% dan 45.3% dalam tahun 1980, dan 55.5% dan 44.7% dalam tahun 1983. Kadar kemiskinan di dalam tahun 1960an tidak dapat dinyatakan memandangkan pengiraan kadar kemiskinan hanya dimulai dalam tahun 1970an.

- (iii) Bilangan kemasukan baru dalam sektor pertanian dari segi:

- (1) luas kawasan yang bertanam ialah sebanyak 56,723 hektar;
- (2) peneroka-peneroka baru yang melibatkan diri dalam skim pembangunan tanah FELDA bagi

tempoh 1hb Januari, 84 hingga 30hb September, 1985 ialah 7,659 keluarga iaitu melibatkan 37 buah rancangan;

- (3) peningkatan di dalam keluasan hasil pertanian dan makanan bagi kawasan baru ini ialah 181,905 tan metrik kelapa sawit, 58,937 tan metrik getah dan 1,940,56 tan metrik koko. Ini berasaskan kepada jangkaan hasil yang dikeluarkan dari kawasan baru ini adalah menyamai kawasan FELDA yang sedia ada.

- (iv) Tiada pertambahan di dalam jumlah pemilikan bot moden (yang menggunakan pukut tunda dan jerut). Sebenarnya bilangan pemilikan bot moden telah berkurangan daripada 5,234 buah dalam tahun 1982 kepada 5,175 buah dalam tahun 1984. Ini selaras dengan apa yang dijangkakan dalam Dasar Pertanian Negara.

- (b) Jumlah peruntukan pembangunan yang disediakan untuk Kementerian Pertanian bagi tahun 1985 sahaja ialah \$735,329,620. Dari jumlah ini, sehingga bulan September, 1985, sebanyak \$450,809,100 telah dibelanjakan. Pada dasarnya peruntukan ini telah digunakan untuk melaksanakan projek-projek Pembangunan Pertanian Bersepadu (IADP), program penyelidikan, pengembangan, pemasaran,

penyediaan infrastruktur, kredit, latihan bagi komoditi-komoditi di bawah bidang kuasa Kementerian Pertanian.

(c) Rancangan-rancangan bagi mengurangkan bilangan nelayan termasuklah:

- (a) Menghadkan pengeluaran lesen menangkap ikan di perairan pantai;
- (b) Menyediakan program latihan di dalam aktiviti bukan pertanian supaya mereka dapat mencebur diri di dalam aktiviti-aktiviti perdagangan, perniagaan, perkhidmatan, pembinaan dan sebagainya;
- (c) Mengadakan program penempatan semula nelayan di dalam kegiatan ternakair, perikanan laut dalam dan pertanian;
- (d) Menyediakan skim pinjaman kepada nelayan yang ingin menceburi di dalam sektor bukan perikanan.

PELAN INDUK PERINDUSTRIAN

20. Tuan Lee Lam Thye minta Menteri Perdagangan dan Perindustrian menyatakan:

- (a) kemajuan terakhir dalam perumusan Pelan Induk Perindustrian; dan
- (b) adakah Pelan itu akan dikeluarkan untuk makluman umum dan sama ada Kerajaan akan membenarkan perbahasan dan perbincangan awam ke atas Pelan Induk Perindustrian itu sebelum ianya diterima untuk pelaksanaan.

Tuan Muhyiddin bin Haji Mohd. Yassin:

- (a) Saya sukacita menyatakan bahawa Pelan Induk Perindustrian telah pun siap dan telah dikemukakan kepada Kerajaan untuk pertimbangan; dan
- (b) Untuk makluman Yang Berhormat sebelum saya menjawab soalan ini saya ingin menyatakan bahawa dalam penyediaan Pelan Induk tersebut pihak swasta telah diberi peluang memberi pandangan mereka melalui memoranda-memoranda. Berikut itu beberapa gabungan-gabungan industri telah pun mengemukakan memoranda-memoranda mereka dan di mana sesuai pandangan-pandangan mereka itu telah dimasukkan dalam Pelan Induk tersebut. Pada ketika ini saya tidak dapat menyatakan bila dan bagaimana Pelan Induk ini akan dikeluarkan untuk pengumuman umum.

RANG UNDANG-UNDANG

RANG UNDANG-UNDANG PERBEKALAN, 1986

Bacaan Kali Yang Kedua

Aturan Urusan Mesyuarat dibacakan bagi menyambung semula perbahasan yang ditangguhkan atas masalah, "Bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang" (7hb November, 1985).

DAN

USUL

ANGGARAN PEMBANGUNAN, 1986

Aturan Urusan Mesyuarat dibacakan bagi menyambung semula

perbahasan yang ditangguhkan atas masalah, "Bahawa Usul yang berikut dirujuk kepada Jawatankuasa sebuah-buah Majlis:

Bahawa Dewan ini, mengikut seksyen 4 (3) Akta Kumpulanwang Pembangunan 1966, membuat ketetapan iaitu satu jumlah wang sebanyak tidak lebih dari \$8,857,740,400 dibelanjakan daripada Kumpulanwang Pembangunan bagi tahun 1986, dan bagi tujuan-tujuan dan butiran-butiran perbelanjaan pembangunan yang dinyatakan di bawah Maksud Pembangunan atau ("P") dalam senarai Belanjawan Persekutuan, 1986 yang dibentangkan sebagai Kertas Perintah 28 tahun 1985, adalah diuntukkan di bawah maksud-maksud yang berkenaan jumlah-jumlah yang setentang dengan butiran-butiran itu di ruangan lapan dan sembilan senarai tersebut". (7hb November, 1985)

Perbahasan disambung semula.

Timbalan Yang di-Pertua: Saya menjemput Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri menjawab bagi pihak Jabatan Perdana Menteri.

4.06 ptg.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Dato Mohamed Khalil bin Yaakob): Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu saya mengucapkan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah memberi pandangan, teguran dan syor-syor yang membina terhadap perkara-perkara di bawah tanggungjawab Jabatan Perdana Menteri dan mungkin jawapan ini memakan sedikit masa oleh kerana banyak perkara-perkara yang telah dibangkitkan.

Tuan Yang di-Pertua, dalam tempoh perbahasan atas dasar-dasar am Belanjawan 1986, ramai Ahli-ahli Yang Berhormat telah membangkitkan beberapa isu yang

berkaitan dengan perkhidmatan-perkhidmatan awam, terutama mengenai masalah saiz, produktiviti, insentif dan tuntutan gaji bagi para anggota perkhidmatan awam. Begitu juga banyak perbahasan mengenai pelaksanaan Dasar Ekonomi Baru.

Di samping itu soal polarisasi kaum dan perpaduan, pengeluaran petroleum, kereta buatan Malaysia, agensi luar belanjawan, penswastaan, kemiskinan, dasar pandang ke timur, agama, pelaburan, pilihanraya, HICOM, Permodalan Nasional Berhad, peranan Pembangkang, Demokrasi Berparlimen, Perlembagaan, komputerisasi, kemelesetan ekonomi, hal ehwal wanita, Rancangan Malaysia Kelima dan pencen Ahli-ahli Parlimen juga telah dibangkitkan.

Saya tidaklah bercadang hendak menjawab semua perkara yang telah dibangkitkan kerana ada di antaranya telah dijelaskan termasuk dalam masa soal jawab tempoh hari.

Walaupun demikian, saya mengucapkan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah menyentuh perkara-perkara itu. Segala pandangan, teguran dan syor yang membina yang diberi dengan ikhlas adalah dihargai dan diambil perhatian.

Tuan Yang di-Pertua, hampir semua Ahli-ahli Yang Berhormat yang berucap telah menyentuh beberapa aspek berkaitan dengan perkhidmatan awam. Antaranya ialah saiz perkhidmatan awam yang dianggap besar dan melibatkan perbelanjaan mengurus yang banyak. Sebenarnya, saiz perkhidmatan awam berada dalam keadaan sekarang dengan tertubuhnya berbagai-bagai agensi Kerajaan di peringkat Persekutuan dan Negeri untuk mengendalikan pembangunan ekonomi dan sosial bagi kemakmuran rakyat semenjak Malaysia mencapai kemerdekaan.

Agensi-agensi yang ditubuhkan adalah untuk melaksanakan dasar-dasar penting Kerajaan seperti pembangunan wilayah, membantu para peladang, penternak, nelayan dan golongan yang berpendapatan rendah serta juga dalam bidang-bidang seperti perniagaan dan pelajaran.

Menyedari hakikat ini, Kerajaan sedang mengambil langkah-langkah bagi mengurangkan keanggotaan Perkhidmatan Awam supaya sebahagian daripada beban kewangan yang dipikul oleh Kerajaan dapat diringankan. Dalam hubungan ini saya ingin menjelaskan bahawa pengurangan keanggotaan Perkhidmatan Awam tidaklah bermakna perkhidmatan-perkhidmatan yang dinikmati oleh orang ramai akan turut juga berkurangan kerana perkhidmatan-perkhidmatan diteruskan dengan adanya kecekapan dan produktiviti yang bertambah.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pelaksanaan program mengurangkan keanggotaan Perkhidmatan Awam melibatkan pendekatan-pendekatan jangka pendek dan jangka panjang. Pendekatan jangka pendek ialah untuk tidak menambah bilangan keanggotaan yang sedia ada supaya ianya dapat diseimbangkan dan dengan ini tindakan-tindakan yang dikenalpasti ialah kawalan terhadap pengisian serta pengujudan jawatan, penggunaan anggota secara optima dan peningkatan produktiviti. Manakala pendekatan bagi jangka panjang ialah menswastakan perkhidmatan-perkhidmatan tertentu, mengkaji semula kedudukan badan-badan berkanun tertentu serta aktiviti-aktiviti subsidiarinya, juga termasuk mengkaji semula fungsi, program dan aktiviti yang timbal tindih, mengkaji semula struktur organisasi, mengkaji semula keanggotaan antara peringkat Pusat dan Negeri atau antara

ibupejabat dengan peringkat operasi dan mewujudkan sistem perancangan tenaga manusia.

Konsep produktiviti dalam Perkhidmatan Awam bermakna meningkatkan hasil kerja kepada kos yang paling minima tanpa mengurangkan kualiti. Dalam hal ini, usaha-usaha meningkatkan lagi produktiviti dan kecekapan Perkhidmatan Awam sentiasa diambil berat oleh Kerajaan. Di samping Jabatan Perkhidmatan Awam, dua Unit telah sedia ada di Jabatan Perdana Menteri yang bertanggungjawab secara langsung bagi mempertingkatkan produktiviti dan kecekapan dalam Perkhidmatan Awam. Agensi-agensi tersebut ialah Unit Pemodenan Tadbiran dan Perancangan Tenaga Manusia (MAMPU) dan Pasukan Petugas Khas Produktiviti.

Sebagaimana termaklum, MAMPU telah ditubuhkan untuk mengkaji dan meneliti sistem dan prosedur kerja dalam Perkhidmatan Awam bagi memperbaiki, memodenkan sistem serta tatacara pentadbiran dan memperkenalkan teknik-teknik pengurusan moden. Sebahagian daripada sistem dan prosedur tersebut ialah Manual Prosedur Kerja dan Fail Meja, Kad Perakam Waktu, Kumpulan Meningkatkan Mutu Kerja, Pemakaian Tanda Nama, Peti Cadangan, Etika Perkhidmatan Awam, Pelan Pejabat Terbuka, Penggunaan Teknologi Baru, Pengukuran Daya Pengeluaran dan Pusat Pembayaran Setempat.

Melalui sistem-sistem pengurusan baru ini, Kerajaan telah memperkenalkan kaedah pengurusan yang lebih cekap dan teratur, membentuk pentadbiran yang lebih bertanggungjawab (responsive and professional), mewujudkan konsep kepimpinan organisasi yang bercorak

“participative” dan “humanistic”, dengan izin, dan menerapkan nilai dan sikap kerja yang positif.

Sejak pertengahan tahun ini, Kerajaan telah juga menubuhkan sebuah Pasukan Petugas Khas Produktiviti. Antara lain, tugas-tugas Pasukan Petugas itu ialah untuk menjalankan pemeriksaan mengejut ke atas semua Kementerian, Jabatan dan Agensi Kerajaan dengan tujuan untuk meninjau dan menilai prestasi serta produktiviti para anggota Perkhidmatan Awam di semua peringkat dan untuk mengkaji dan mencadangkan cara mengetahui petindihan, duplikasi fungsi dan tugas di antara Kementerian, Jabatan dan Agensi Kerajaan.

Kerajaan akan sentiasa mengawasi sistem-sistem dan prosedur-prosedur telah diperkenalkan dari semasa ke semasa. Di samping itu, Kerajaan juga akan sentiasa berusaha memperkenalkan cara-cara baru yang lain untuk mempertingkatkan lagi mutu Perkhidmatan Awam. Adalah dijangka dengan tindakan-tindakan yang sedang dan akan diambil itu produktiviti dan kecekapan di sektor awam dapat dipertingkatkan lagi. Oleh yang demikian, konsep Pasukan Petugas yang dicadangkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Lambir ada kaitan dengan apa yang telah diwujudkan.

Tuan Yang di-Pertua, Ahli Yang Berhormat dari Bandau mencadangkan supaya Kerajaan mengkaji secara mendalam bagi mengadakan sesuatu sistem insentif kepada para anggota Perkhidmatan Awam bagi meningkatkan paras kecekapan dan semangat dedikasi untuk mencapai produktiviti yang tinggi. Sesungguhnya, Kerajaan sentiasa memerhati prestasi para anggota Perkhidmatan Awam dan tidak mengenyahkan mereka yang menunjukkan mutu dan penghasilan kerja yang melebihi keperluan

tanggungjawab biasa. Mereka itu boleh diberi penghormatan sebagai Pengkhidmat Cemerlang dan boleh diberi sijil kepujian atau hadiah-hadiah yang berpatutan atau bonus sebulan gaji sebagai insentif mengikut taraf pencapaian masing-masing. Selain daripada itu mereka juga dicalonkan untuk penganugerahan pingat atau bintang kebesaran Persekutuan/Negeri. Dengan adanya insentif seperti ini Kerajaan berharap lebih ramai anggota Perkhidmatan Awam akan berusaha meningkatkan produktiviti mereka.

Ahli-ahli Yang Berhormat dari Kuala Lumpur Bandar, Kapit dan Bandau telah membangkitkan mengenai red-tape dan birokrasi yang melibatkan kelewatan memproses permohonan-permohonan sehingga terdapat “back-log” yang banyak. Kerajaan memang telah memberi perhatian yang berat kepada perkara ini. Semua kerja-kerja back-log dalam meneliti borang-borang permohonan telah diminta diberi perhatian utama. Arahan telah diberi untuk peraturan-peraturan telah diwujudkan supaya proses meneliti berbagai-bagai jenis permohonan itu dapat dijalankan dalam jangka masa sesingkat mungkin.

Kepada Ahli Yang Berhormat dari Kepong, yang menyentuh khusus soal polarisasi kaum dalam Perkhidmatan Awam, saya perlu menjelaskan bahawa anggapan polarisasi itu mungkin timbul jika hanya perkhidmatan-perkhidmatan tertentu sahaja yang dikaji dan bukan Perkhidmatan Awam pada keseluruhannya. Memang ada perkhidmatan-perkhidmatan tertentu di mana bilangan sesuatu kaum tidak membayangkan komposisi penduduk negara mengikut keturunan tetapi hal ini bukan disengajakan. Oleh itu, berbagai-bagai imbalan perlu dibuat dan proses ini masih terus berjalan.

Ahli Yang Berhormat itu juga ada menyentuh mengenai "generalists" dan "specialist" dengan izin, di mana katanya anggota-anggota Perkhidmatan Awam kebanyakan terdiri daripada "generalists" dan sebilangan kecil "specialists" yang diletakkan dalam tugas mereka. Sebenarnya anggota-anggota Perkhidmatan Awam diletakkan di dalam jawatan mereka hanyalah setelah kajian yang rapi dibuat terhadap latihan, minat dan kebolehan mereka. Dalam hal latihan pula, soal yang sedang diutarakan sekarang ialah untuk menempatkan pegawai-pegawai dan kakitangan terlatih di tempat yang paling sesuai baginya. Masalah "square pag in the round hole" dengan izin, adalah soal menyesuaikan latihan dalam pekerjaan, bukan semestinya merupakan soal kegagalan program latihan itu sendiri.

Menyentuh mengenai apa yang dikatakan sebagai "elaun insentif" oleh Ahli Yang Berhormat dari Lambir, suka saya menjelaskan bahawa tidaklah benar para pegawai dari Semenanjung yang diarahkan bertugas di Sabah atau Sarawak dibayar "elaun insentif" sebanyak \$500 sebulan di samping elaun Wilayah. Apa yang dibayar kepada mereka ialah elaun penempatan khas, sama seperti para pegawai dari Sabah dan Sarawak yang diarahkan bertugas di Semenanjung, cuma kadarnya adalah berbeza disebabkan kos sara hidup adalah lebih tinggi di Sabah dan Sarawak. Kedudukan dan pelaksanaan elaun ini dalam ertikata sekarang akan dikaji.

Berhubung dengan penempatan pegawai-pegawai tempatan yang berkelayakan untuk mengetuai jabatan-jabatan tertentu, sememangnya ini adalah menjadi dasar Kerajaan dan ianya dilakukan dengan penuh teliti agar prestasi jabatan-jabatan berkenaan tidak terjejas. Bagi

menepati matlamat integrasi nasional, pertukaran pegawai-pegawai Semenanjung, Sabah dan Sarawak akan dipertingkatkan.

Tuan Yang di-Pertua, menyentuh perkara tuntutan pelarasan gaji anggota-anggota Perkhidmatan Awam yang dibangkitkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat dari Ulu Terengganu, Bagan Datuk, Lipis, Padang Rengas, Pasir Mas, Batang Padang, Hilir Padas dan lain-lain, sebagaimana sedia maklum adalah menjadi hasrat Kerajaan untuk mengerat dan mengekalkan hubungan muhibbah dengan para pekerjanya. Hakikat ini terbukti dengan adanya semangat persefahaman yang wujud terutamanya selepas perjumpaan di antara para pemimpin pihak pekerja iaitu Majlis Bersama Kebangsaan dan CUEPACS dengan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri baru-baru ini. Penubuhan Jawatankuasa Bersama pihak Kerajaan dan pihak pekerja akan membincangkan perkara-perkara yang berkaitan dengan pelarasan gaji anggota-anggota Perkhidmatan Awam. Walau bagaimanapun, pertimbangan Kerajaan adalah bergantung kepada keadaan ekonomi, kemampuan kewangan dan masa yang membolehkan pelarasan gaji itu dibuat.

Tuan Yang di-Pertua, Ahli-ahli Yang Berhormat dari Bagan Datoh, Pasir Puteh, Sibul, Muar, Saratok, Kota Melaka, Lumut, Ulu Rejang, Seremban dan berapa Ahli yang lain telah membangkitkan berkenaan dengan pelaksanaan Dasar Ekonomi Baru dan masa hadapannya. Sebagaimana termaklum matlamat menyeluruh Dasar Ekonomi Baru ialah perpaduan negara. Walaupun Dasar Ekonomi Baru dijadualkan berakhir pada tahun 1990, sebenarnya Kerajaan belum lagi membuat keputusan yang khusus mengenai Dasar Ekonomi Baru selepas tahun

1990. Kemiskinan yang relatif akan terus wujud sungguhpun usaha-usaha penting telah dilaksanakan di bawah Dasar Ekonomi Baru. Berdasarkan keadaan ini Kerajaan berpendapat beberapa unsur Dasar Ekonomi Baru, terutamanya yang bertujuan mengurangkan keadaan ketidakseimbangan antara keturunan perlulah diteruskan demi kestabilan politik dan ekonomi negara kita. Oleh yang demikian, adalah penting diteruskan matlamat dan strategi yang boleh memberi sumbangan positif ke arah menghapuskan jurang ketidakseimbangan antara kaum bagi mencapai matlamat keadilan sosial dan seterusnya perpaduan negara. Dasar Ekonomi Baru sekali-kali tidak menghalang kepentingan bukan bumiputera seperti yang disangkakan oleh Ahli Yang Berhormat dari Sibuan dan yang lain-lain.

Ahli-ahli Yang Berhormat dari Saratok, Kapit, Betong, Serian dan lain-lain menyatakan bahawa sebahagian besar rakyat keturunan Dayak masih tidak dapat menikmati faedah daripada Dasar Ekonomi Baru dan masih hidup di bawah garis kemiskinan. Rakyat keturunan dayak telah menikmati banyak faedah dan kedudukan sosio-ekonomi mereka telah bertambah baik hasil daripada pelaksanaan Dasar Ekonomi Baru. Mengikut kajian kadar kemiskinan di kalangan rakyat keturunan Iban umpamanya telah berkurangan daripada 69.9% dalam tahun 1967 kepada 33.1% dalam tahun 1982. Sementara itu kadar kemiskinan di kalangan rakyat keturunan Bidayah juga turut berkurangan daripada 73.5% dalam tahun 1976 kepada 61.2% dalam tahun 1982. Ini jelas membuktikan bahawa objektif membasmi kemiskinan di bawah Dasar Ekonomi Baru adalah tanpa mengira keturunan dan kawasan.

Taraf hidup rakyat negeri Sarawak, termasuk rakyat keturunan Dayak pada amnya telah bertambah baik

berikut daripada usaha Kerajaan menyediakan kemudahan-kemudahan persekolahan, kesihatan, perhubungan, perumahan, bekalan air dan elektrik. Kadar kematian bayi di kalangan rakyat keturunan Iban telah berkurangan daripada 41.2% dalam tahun 1970 kepada 35.5% dalam tahun 1975 dan 16.1% dalam tahun 1983. Kadar kematian bayi di kalangan rakyat keturunan Bidayah juga turut berkurangan daripada 42.7% dalam tahun 1970 kepada 21.3% dalam tahun 1983. Bilangan penduduk bagi setiap doktor di negeri Sarawak pada tahun 1983 ialah 6,234 orang berbanding dengan 7,925 orang dalam tahun 1980.

Saya sedar bahawa sungguhpun rakyat keturunan dayak dan suku-suku lain telah banyak menikmati faedah daripada usaha-usaha membasmi kemiskinan, namun demikian kadar kemiskinan di kalangan mereka masih lagi tinggi mengikut takrif kemiskinan yang ditetapkan oleh kita. Kerajaan akan terus melaksanakan usaha-usaha untuk membasmi kemiskinan di kalangan mereka. Adalah tidak benar untuk menyatakan bahawa Dasar Ekonomi Baru tidak dilaksanakan dengan bersungguh-sungguh untuk meninggikan taraf hidup rakyat di negara ini amnya dan di Sarawak khususnya. Kerajaan sentiasa bersikap adil dalam soal ini. Apa yang perlu difahami ialah usaha-usaha untuk meninggikan taraf hidup rakyat bukanlah satu perkara yang mudah dan boleh dijalankan dengan cepat dan senang dirasai oleh semua pihak. Keadaan ini adalah lebih rumit dalam konteks pembangunan negeri Sarawak dan Sabah yang mempunyai kawasan yang luas dengan taburan penduduk yang berselerak tanpa infrastruktur yang cukup. Sungguhpun demikian, insya Allah, dengan ketekunan semua pihak taraf hidup rakyat di Sarawak dan Sabah akan dapat diperbaiki melalui usaha-usaha yang berterusan.

Tuan Yang di-Pertua, berkaitan dengan isu-isu yang disentuh oleh Ahli Yang Berhormat dari DAP mengenai dasar Kerajaan memberi keutamaan kepada bumiputera serta dakwaan bahawa Dasar Ekonomi Baru selepas 1990 akan membezakan antara rakyat bumiputera dan bukan bumiputera dalam bentuk yang ekstrim. Saya berpendapat bahawa anggapan yang dibuat membayangkan kurang pengertian mengenai Dasar Ekonomi Baru.

Saya ingin menambah bahawa adalah tidak benar anggapan yang menyatakan rakyat telah dipengaruhi untuk mempercayai bahawa dasar-dasar atau kuota-kuota yang dikhaskan bagi membantu bumiputera di bawah Dasar Ekonomi Baru akan diberhentikan. Yang sebenarnya ialah sejak tiga tahun kebelakangan ini, Kerajaan telah mengambil beberapa langkah penjimatan dan keadaan ini tentulah sedikit-sebanyak mempengaruhi pencapaian atau peluang perniagaan yang telah dinikmati selama ini oleh peniaga-peniaga atau syarikat-syarikat perniagaan bumiputera. Walau bagaimanapun, Kerajaan akan terus melaksanakan beberapa strategi bagi membolehkan bumiputera mengisi peluang yang diadakan oleh Kerajaan. Dalam hal ini Kerajaan ingin melihat supaya bumiputera meningkatkan kecekapan dan kemampuan bersaing serta tidak akan mengharapkan bantuan daripada Kerajaan semata-mata.

Saya ingin menegaskan bahawa dalam melaksanakan dasar-dasarnya, Kerajaan tidaklah sekali-kali mempunyai hasrat untuk membezakan berbagai golongan rakyat di negara ini. Dan sebenarnya semua pihak tidak harus mempermainkan isu-isu negatif seperti ketidakadilan sosial kerana perbuatan demikian akan hanya menjadi halangan terhadap pencapaian perpaduan yang kita harapkan.

Tuan Yang di-Pertua, beberapa Ahli Yang Berhormat telah membangkitkan isu perpaduan negara. Sesebuah negara bermasyarakat majmuk seperti Malaysia menghadapi berbagai rintangan yang perlu diatasi dan memerlukan masa dan penerimaan untuk mencapai perpaduan sepenuhnya. Walaupun demikian, tidak dapat dinafikan bahawa satu tahap perpaduan wujud di negara kita. Ini adalah hasil daripada pelaksanaan beberapa dasar tertentu. Untuk memastikan bahawa keseimbangan serta keadilan sosial dan ekonomi dipelihara dan kesedaran oleh semua pihak bahawa Malaysia adalah sebuah negara bermasyarakat majmuk.

Dasar Ekonomi Baru umpamanya adalah strategi jangka panjang yang komprehensif bagi mengatasinya. Kita menyedari terdapat unsur-unsur polarisasi kaum sehingga sekarang beberapa strategi telah pun digubal dan dilaksanakan. Antara langkah-langkah untuk mengatasi masalah ini di peringkat Kerajaan, Jabatan Perpaduan Negara sentiasa memperlengkapkan organisasinya bagi memainkan peranan yang lebih berkesan. Keputusan telah dibuat untuk menambahkan keanggotaan panel Penasihat Perpaduan Negara bagi memasukkan kepentingan negeri dan golongan-golongan agama. Panel ini akan dipengerusikan oleh Menteri yang bertanggungjawab. Ini merupakan satu peningkatan dan perubahan.

Saya ingin menyentuh dakwaan Ahli Yang Berhormat dari Kota Melaka atas tujuan sebenarnya ucapan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri di perasmian Khemah Kerja Pemuda Barisan Nasional di Lubuk Antu, Sarawak pada 21hb Ogos, 1985. Ahli Yang Berhormat menganggapnya sebagai boleh merosakkan segala usaha Kerajaan ke arah perpaduan dan pembangunan

negara. Sepatutnya isu ini tidak seharusnya dibangkitkan langsung jika Ahli Yang Berhormat itu meneliti ucapan Perdana Menteri itu secara keseluruhan tanpa mengambil dan membawa pengertian yang salah atas satu atau dua ayat sahaja.

Tuan Yang di-Pertua, bagi menjawab perkara-perkara yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Muar, ingin saya tegaskan dalam proses melaksanakan Dasar Ekonomi Baru dikotomi bumiputera dan bukan bumiputera tidak dapat dielakkan kerana secara kebetulan perbezaan sosio-ekonomi antara bumiputera dan bukan bumiputera yang hendak diperbetulkan oleh Dasar Ekonomi Baru. Umpamanya, Dasar Ekonomi Baru bertujuan untuk menyusun semula masyarakat Malaysia. Antara lain ia melibatkan perubahan kegiatan ekonomi bumiputera daripada kegiatan pertanian kepada kegiatan perdagangan dan perindustrian. Jika tidak ada dikotomi antara bumiputera dengan bukan bumiputera, bagaimana kita hendak menentukan bahawa bumiputera sudah atau belum mengalami perubahan dalam kegiatan ekonomi mereka. Oleh itu kita harus melihat dikotomi bumiputera dan bukan bumiputera dalam konteks masyarakat Malaysia. Jika dilihat secara positif ia tidak seharusnya mewujudkan perasaan pengasingan dan seterusnya menyebabkan polarisasi kaum seperti yang didakwa oleh Ahli Yang Berhormat berkenaan.

Dalam pelaksanaan Dasar Ekonomi Baru, penekanan bumiputera dan bukan bumiputera sentiasa dibuat secara rasional. Walaupun matlamat Dasar Ekonomi Baru masih belum dicapai sepenuhnya, Kerajaan tidak akan menjadikan alasan perbezaan bumiputera dan bukan bumiputera untuk melaksanakan sesuatu dasar. Setakat ini Dasar Ekonomi Baru telah menguntungkan semua kaum.

Mungkin kaum bumiputera selalu dikatakan menerima faedah-faedah Kerajaan secara langsung. Walau demikian, secara langsung atau secara tidak langsung, hasil perancangan Kerajaan yang diterima oleh bukan bumiputera juga dan dengan itu perasaan keterlaluan yang menyatakan bahawa pelaksanaan Dasar Ekonomi Baru itu tidak menguntungkan setengah-setengah pihak tidaklah sepatutnya diungkitkan lagi.

Mengenai pendapat supaya dasar-dasar Kerajaan disesuaikan dengan peruntukan-peruntukan Perlembagaan, Rukunegara dan Piagam Bangsa-bangsa Bersatu, saya sebenarnya tidak nampak dasar-dasar manakah yang dianggapkan tidak sesuai atau selaras dengan kehendak Perlembagaan atau Rukunegara, mahupun Piagam Bangsa-bangsa Bersatu. Mungkin setengah pihak mempunyai persepsi atau interpretasi yang berlainan tentang sesuatu dasar Kerajaan yang dibuatnya secara sedar atau tidak sedar. Walau apapun terpulunglah kepada rakyat jelata membuat penentuan sama ada sesuatu dasar ataupun tindakan Kerajaan itu bercanggah dan Kerajaan sentiasa menjelaskan maksud tiap-tiap satu dasar seperti Dasar Ekonomi Baru yang telah pun, jangan kita lupa, diterima oleh semua pihak.

Berhubung dengan beberapa langkah yang disarankan untuk mengukuhkan perpaduan nasional, suka saya menyatakan bahawa langkah-langkah yang disarankan itu telah pun dilaksanakan dan akan diteruskan oleh agensi-agensi Kerajaan yang berkenaan. Dalam hal ini saya menegaskan bahawa semangat toleransi, kerjasama dan patriotisme harus wujud di kalangan semua kaum. Kita tidak mahu sesuatu pihak menyatakan kepada pihak lain supaya mengamalkan semangat toleransi, kerjasama dan terbaik-baik

sedangkan pihak itu sendiri tidak mahu mengamalkan semangat toleransi, kerjasama dan berbaik-baik kepada yang lain. Kita juga tidak mahu melihat pemimpin-pemimpin masyarakat dan pertubuhan-pertubuhan menyeru kepada perpaduan tetapi pada masa yang sama tidak memberi teladan bahkan membuat kenyataan-kenyataan yang mengelirukan rakyat yang boleh menggalakkan prasangka sambil pula tidak menerima langkah-langkah integrasi yang dirancang oleh Kerajaan.

Tuan Yang di-Pertua, berkenaan dengan deklarasi 7 perkara yang telah dibuat oleh Persatuan-persatuan Perdagangan Cina Malaysia pada 12hb Oktober, 1985 mengenai isu-isu yang menyentuh rakyat keturunan Cina di negara ini, pada saya perkara yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat, deklarasi itu hanya merupakan pandangan daripada segolongan rakyat dan pertubuhan-pertubuhan yang mengemukakannya. Malaysia mengamalkan demokrasi berparlimen dan semua pihak boleh mengemukakan pandangan-pandangan masing-masing itu dan mendakwa bahawa ianya mencerminkan perasaan tulen masyarakat Cina di Malaysia. Kerajaan juga sebenarnya menerima desakan dan deklarasi-deklarasi dari kaum-kaum dan pertubuhan-pertubuhan yang lain yang ada di Malaysia. Dalam melaksanakan sesuatu, Kerajaan tidak mungkin dapat memenuhi hasrat dan memuaskan hati semua pihak. Tetapi dasar-dasar Kerajaan adalah dibuatkan selepas menimbangkan semua kepentingan dan keperluan bagi semua mereka yang ada di dalam negara kita.

Tuan Yang di-Pertua, mengenai pengeluaran petroleum yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Kota Melaka dan

Kepong, ingin saya tegaskan bahawa dalam penentuan pengeluaran petroleum mentah pada sesuatu tahun, Kerajaan tidak pernah mengabaikan Dasar Susutan Minyak Negara yang bertujuan untuk mengawal pengeluaran minyak mentah negara. Sungguhpun dalam Rancangan Malaysia Keempat, Kerajaan telah menetapkan paras pengeluaran petroleum akan tetapi angka yang dicatat itu adalah anggaran sahaja dan bagi pengeluaran sebenarnya setiap tahun, Kerajaan akan mengambil kira beberapa faktor termasuk keperluan ekonomi semasa dan keadaan pasaran antarabangsa.

Kerajaan sentiasa mengambil tindakan-tindakan untuk mendorong usaha-usaha eksplorasi atau mencari-gali minyak dan gas.

Dr Tan Seng Giaw (Kepong):
(Bangun).

Timbalan Yang di-Pertua: Ya, Yang Berhormat.

Dr Tan Seng Giaw (Kepong): Minta jalan.

Timbalan Yang di-Pertua: Silakan.

Dr Tan Seng Giaw (Kepong): Tuan Yang di-Pertua, apakah yang dimaksudkan oleh Yang Berhormat sebagai Dasar Susutan Petroleum dan Gas itu? Bukankah satu garis hendak diadakan untuk bilangan tong sehari yang dikeluarkannya? Kalau ada, apakah garis panduan ini?

Dato' Mohamed Khalil bin Yaakob: Tuan Yang di-Pertua, saya telah menyebutkan tadi anggaran, ini merupakan anggaran. Kita tidak mempunyai satu garis tetap kerana pengeluaran umpamanya bagi tiap-tiap tahun sudah tentu perlu mengambil kira beberapa faktor termasuk keperluan ekonomi semasa dan keadaan pasaran antarabangsa.

Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan sentiasa mengambil tindakan-tindakan untuk mendorong usaha-usaha eksplorasi atau mencarigali minyak dan gas. Melalui usaha-usaha ini kita telah pun berjaya menemui lapangan-lapangan baru yang akan dapat menjamin keperluan-keperluan generasi akan datang. Malaysia mempunyai banyak rezab gas bersekutu dan tidak bersekutu. Kita tidak perlu bimbang tentang rezab gas untuk generasi akan datang. Untuk meningkatkan hasil negara, Kerajaan sentiasa membuat penyelidikan dan penilaian untuk menentukan penggunaan-penggunaan baru bagi gas.

Mengenai saranan untuk mengem- balikan pelaburan PETRONAS dalam bentuk bond daripada luar negeri ke dalam negeri, adalah dijelaskan di sini bahawa sejak dari tahun 1978 lagi PETRONAS telah membawa balik kesemua hasil pendapatan dari eksport minyak mentahnya. Langkah- langkah sedang diambil sekarang oleh PETRONAS untuk mengembalikan pelaburan-pelaburan kewangan yang ada di luar negeri untuk tujuan pelaburan-pelaburan dalam negeri.

Tuan Yang di-Pertua.....

Dr Tan Seng Giaw: (*Bangun*).

Timbalan Yang di-Pertua: Ya, Yang Berhormat.

Dr Tan Seng Giaw: Minta jalan.

Timbalan Yang di-Pertua: Minta jalan lagi!

Dr Tan Seng Giaw: Bolehkah Yang Berhormat menerangkan berapakah amaun yang dilaburkan oleh PETRONAS di luar negeri, dan mengapa beliau menekankan bahawa kita tidak payah bimbang dengan simpanan gas, seolah-olah gas yang disimpan di Malaysia ini terlalu banyak kalau berbanding dengan negara yang lain yang tidak boleh susut.

Dato' Mohamed Khalil bin Yaakob: Tuan Yang di-Pertua, mengikut kajian kita memang banyak, melainkan Ahli Yang Berhormat tahu dan menyelidik ianya tidak banyak. Boleh saya teruskan?

Timbalan Yang di-Pertua: Silakan, Yang Berhormat.

Dato' Mohamed Khalil bin Yaakob: Langkah-langkah sedang diambil sekarang oleh PETRONAS untuk mengembalikan pelaburan-pelaburan kewangan yang ada di luar negeri untuk tujuan pelaburan-pelaburan dalam negeri.

Tuan Yang di-Pertua, berkenaan kecaman Ahli Yang Berhormat dari Kepong mengenai apa yang disifatkannya sebagai dasar perlindungan untuk memastikan kereta buatan Malaysia mendapat pasaran dengan jayanya, sukalah saya jelaskan bahawa perlindungan yang diberikan adalah untuk menjamin kejayaannya. Sungguhpun begitu, tempoh perlindungan yang diberi kepada industri-industri baru di negara ini adalah untuk jangka masa yang tertentu dan tidak untuk selama- lamanya.

Projek Kereta Nasional diberi perlindungan yang lebih daripada pemasangan-pemasang kereta lain kerana nilai komponen tempatan oleh PROTON adalah lebih tinggi. Ia juga berharap dapat mencetuskan lagi pembangunan industri komponen, industri sokongan dan sampingan. Dengan penubuhan Projek Kereta Nasional banyak firma-firma telah menyatakan minat untuk menubuhkan industri membuat komponen.

Sesungguhnya projek kereta nasional tidak bertujuan untuk memusnahkan industri motokar di negara ini. Sehingga sekarang projek ini hanya bertujuan untuk memasuki pasaran kereta yang tertentu yakni bagi kereta-kereta dalam lingkungan

kapasiti 1,200 cc hingga 1,600 cc sahaja. Ingin saya menyatakan di sini bahawa kilang-kilang pasangan kereta dalam lingkungan kapasiti tersebut yang sedia ada di negeri ini telah pun diberi masa yang cukup untuk memperbagaikan perniagaan mereka untuk menghadapi kesan projek ini. Walaupun keadaan pasaran bagi semua jenis kereta pada masa sekarang kurang menggalakkan, ini bukanlah satu keadaan yang di luar dugaan memandangkan keadaan ekonomi dunia yang lembab pada masa ini.

Dakwaan mengenai pengecualian duti import dan pengurangan duti eksais oleh Kerajaan dalam membantu PROTON menjamin pasaran yang baik untuk kereta nasional, walhal pihak Mitsubishi mendapatkan keuntungan yang banyak daripada penjualan komponen dan di sini suka saya menjelaskan bahawa harga menarik yang ditawarkan oleh PROTON itu bukanlah daripada pengorbanan Kerajaan semata-mata. Pihak Mitsubishi juga telah memberi concessions, dengan izin, melalui harga yang amat berpatutan, "Completely Knocked-down Packs" dengan izin, yang dibekalkan kepada Proton. Proton sendiri juga menawarkan harga yang lebih rendah dari kos pengeluaran mereka walhal kos pengeluaran adalah amat tinggi pada masa ini kerana pengeluarannya masih kecil walhal kapasiti dan pelaburannya besar. Mengikut unjuran, apabila pengeluaran meningkat maka dengan sendirinya kos pengeluaran seunit akan turun dan ini akan menghasilkan keuntungan yang sewajarnya kepada PROTON.

Tuan Yang di-Pertua, mengenai soal rekabentuk kereta PROTON SAGA yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Kuala Nerus, pada pandangan saya ini adalah satu perkara yang subjektif mengikut

pandangan individu. Pada masa ini kebanyakan rekabentuk kereta direka berdasarkan 40. Mengenai soal rekabentuk kereta PROTON SAGA yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat itu, pada pandangan saya ini adalah satu perkara yang mengikut pandangan sendiri. Pada masa ini hampir semua kereta direka berdasarkan konsep "wedge-shape" dan "aerodynamics", dengan izin. Rekabentuk Jepun juga mempunyai sumbangan daripada pereka-pereka dari Itali dan Eropah dan sebaliknya. Rekabentuk kereta Proton adalah amat menarik memandangkan bahawa kereta itu sangat laris dijual—Yang Berhormat yang bertanya itu barangkali belum beli lagi. PROTON SAGA bukan sahaja terkenal di Malaysia, ia juga menarik minat daripada luar negeri.

Tuan Yang di-Pertua, Ahli-ahli Yang Berhormat daripada Kepong, Sibu, Parit, Kota Melaka, Ulu Terengganu dan Lambir dan lain-lain telah menyentuh mengenai aktiviti Agensi-agensi di Luar Belanjawan (OBA). Walaupun OBA memerlukan perbelanjaan yang besar, tetapi kita memerlukan agensi-agensi tersebut kerana ia memberi sumbangan kepada pembangunan negara. Apa yang penting ialah usaha-usaha untuk mengawasi perbelanjaan dan daya maju projek-projek agensi tersebut dan ini dibuat melalui sistem amaran awal yang disebarkan oleh Yang Berhormat Menteri Kewangan dalam Ucapan Belanjawan tempoh hari.

Di samping langkah tersebut, sebuah jawatankuasa khas mengenai OBA juga telah ditubuhkan di Jabatan Perdana Menteri dengan Unit Perancang Ekonomi menjadikan Urusetiannya. Keahlian Jawatankuasa ini ialah Unit Perancang Ekonomi, Kementerian Kewangan dan Bank Negara Malaysia. Jawatankuasa

tersebut ketika ini sedang mengkaji langkah-langkah untuk mewujudkan satu sistem pengawasan yang lebih sempurna bagi mencapai tujuan penubuhan tersebut dan sistem ini akan dilaksanakan mulai dengan pelancaran Rancangan Malaysia Kelima tahun depan.

Tuan Yang di-Pertua, Ahli-ahli Yang Berhormat dari Kuala Lumpur Bandar, Jerantut dan Tanjong telah mengemukakan pandangan mengenai penswastaaan. Cadangan Yang Berhormat dari Kuala Lumpur Bandar supaya garis panduan penswastaaan disiapkan dan disebar kepada umum khususnya kepada bakal-bakal pelabur yang berpotensi adalah selaras dengan pandangan Kerajaan. Sebenarnya dua jenis garis panduan telah pun disiapkan pada awal tahun ini iaitu garis panduan mengenai penswastaaan untuk kegunaan sektor awam dan garis panduan mengenai penswastaaan untuk kegunaan sektor swasta. Garis panduan untuk kegunaan sektor swasta telah disebar luas kepada Institusi-institusi Kewangan. Dewan-dewan Perniagaan, Badan-badan Koperatif Tempatan, Syarikat-syarikat yang memohon dan Perpustakaan-perpustakaan. Garis panduan itu telah pun juga diberikan kepada Ahli-ahli Parlimen.

Tuan Yang di-Pertua, Ahli Yang Berhormat dari Tanjong Karang telah juga membangkitkan beberapa isu berkaitan dengan kemajuan kaum wanita. Di antaranya mengenai pembahagian pencen kepada bekas isteri yang telah diceraikan. Mengikut Akta Pencen 1980, pembayaran pencen hanya dibuat kepada tanggungan pegawai jika pegawai itu mati dalam perkhidmatan atau tanggungan persara jika persara itu mati semasa bersara. Ini bermakna bekas isteri yang telah diceraikan tidak layak menerima bayaran pencen mengikut peraturan sekarang. Perkara

yang dikemukakan oleh Yang Berhormat itu sebenarnya akan dikaji oleh kerana ia mempunyai unsur-unsur kemanusiaan.

Mengenai usul supaya fungsi hal ehwal wanita diletakkan di bawah tanggungjawab seorang Menteri dan Menteri itu mestilah wanita. Saya suka menjelaskan bahawa sebenarnya fungsi ini terletak di bawah tanggungjawab Yang Amat Berhormat Perdana Menteri sendiri. Seperkara lagi syor supaya ditubuhkan bahagian hal ehwal wanita di semua Kementerian. Perkara ini sebenarnya sedang dikaji oleh pihak Jabatan Perdana Menteri dan tindakan juga sedang diambil untuk memperkukuhkan Urusetia Hal Ehwal Wanita di Jabatan Perdana Menteri yang juga menjadi Urusetia kepada sebuah badan yang dinamakan NACIWID yang juga menyelaraskan aktiviti-aktiviti mempelbagaikan Pertubuhan Wanita dan kepentingannya.

Tuan Yang di-Pertua, dalam menghadapi kemelesetan ekonomi negara, strategi asas Kerajaan ialah kita berusaha mengurangkan kos sara hidup. Sebagaimana termaklum, Kerajaan telah mengambil beberapa langkah tertentu termasuklah arahan untuk mengkaji sedalam-dalamnya cara penilaian ke atas harga tanah yang biasanya dinilai lebih tinggi daripada paras harga pasaran. Selain daripada itu juga termasuklah kempen-kempen membeli barangan buatan Malaysia dan juga usaha-usaha untuk mengurangkan import. Walau bagaimanapun segala usaha-usaha untuk mengatasi kesan-kesan kemelesetan adalah banyak bergantung kepada sokongan rakyat sendiri.

Akhir sekali, Tuan Yang di-Pertua, sekali lagi saya mengucapkan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah mengemukakan teguran, pandangan serta syor-syor

menyentuh perkara-perkara di bawah tanggungjawab Jabatan Perdana Menteri. Di mana saya tidak dapat menjawab ataupun menyentuh dan menyebut nama Ahli-ahli Yang Berhormat dan kawasan masing-masing untuk rekod kita bawa balik, saya mohon maaf dan sekiranya perlu penjelasan yang lebih lanjut, pihak saya sedia menyampaikan dan membantunya. Walau bagaimanapun, segala perkara-perkara yang telah ditimbulkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat itu sudah dicatat dan diberi perhatian yang teliti. Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Saya jemput Yang Berhormat Timbalan Menteri Pengangkutan menjawab bagi pihak Kementerian Pengangkutan.

4.29 ptg.

Timbalan Menteri Pengangkutan (Puan Hajjah Rahmah binti Othman): Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan berbanyak-banyak terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah sudi berucap dan menyentuh beberapa perkara Kementerian Pengangkutan semasa membahaskan Rang Undang-undang Perbekalan 1986. Saya juga berterima kasih kepada Yang Berhormat-Yang Berhormat sekalian kerana membangkitkan perkara-perkara yang penting yang perlu diberi penjelasan.

Pada perbahasan kali ini beberapa orang Ahli Yang Berhormat telah membangkitkan perkara-perkara yang berhubung dengan Sistem Penerbangan Malaysia (MAS) dan di antaranya ialah teguran mengenai hidangan makanan yang disediakan oleh MAS.

Ahli Yang Berhormat dari Pasir Puteh telah mencadangkan supaya MAS menghadirkan makanan Malaysia bagi penumpang-penumpang terutamanya di dalam penerbangan dalam negeri. Dalam hal ini sukalah

saya memaklumkan bahawa memanglah menjadi amalan MAS untuk menghadirkan makanan Malaysia di semua penerbangan. Walau bagaimanapun, selain dari hidangan makanan Malaysia, penumpang-penumpang juga diberi pilihan untuk meminta makanan barat. Menu makanan pula diubah tiga bulan sekali supaya berbagai jenis makanan dapat dihidangkan dari masa ke semasa. Cadangan Ahli Yang Berhormat supaya MAS menghadirkan "Nasi Dagang" telah diambil maklum dan MAS akan mengkaji kemungkinan menghadirkan "Nasi Dagang" dalam penerbangan.

Tuan Yang di-Pertua, Ahli Yang Berhormat dari Hilir Padas telah membangkitkan perkara mengenai penggunaan bahasa asing terutamanya bahasa Inggeris oleh Pramugari-Pramugari/Pramugara-Pramugara MAS. Dalam hal ini, sukalah saya memaklumkan selain daripada penumpang-penumpang rakyat Malaysia, penumpang-penumpang MAS juga terdiri dari berbagai bangsa asing. Oleh yang demikian adalah perlu untuk Pramugari/Pramugara untuk menggunakan bahasa asing terutamanya bahasa Inggeris semasa memberi layanan kepada penumpang-penumpang berbangsa asing. Walau bagaimanapun....

Tuan Mohammed Yusof bin Haji Yakob: (*Bangun*).

Timbalan Yang di-Pertua: Ya, Yang Berhormat minta penjelasan.

Tuan Mohammed Yusof bin Haji Yakob: Tuan Yang di-Pertua, apa yang saya maksudkan ialah anak-anak kapal ini sebenarnya berbahasa asing kepada orang-orang keturunan negara Malaysia yang semestinya boleh bertutur dalam bahasa Malaysia dan bukan saya meragui mengenai dengan

penumpang-penumpang asing yang tidak boleh berbahasa Malaysia. Sekian.

Puan Hajjah Rahmah binti Othman:
Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Perkara ini akan saya ambil tindakan selepas perbincangan di Dewan ini. Walau bagaimanapun, ingin saya menekankan di sini bahawa ini adalah dilakukan hanya sebagai satu keperluan sahaja dan bukan bermakna bahawa Bahasa Malaysia dilupakan atau dianggap tidak dipentingkan. Sebenarnya Bahasa Malaysia sememangnya digunakan di dalam penerbangan-penerbangan dalam negeri dan semasa layanan diberi kepada penumpang-penumpang terutama rakyat Malaysia.

Ahli-ahli Yang Berhormat dari Pasir Putih, Hilir Padas, Batang Padang dan Tanjung Karang juga telah membangkitkan mengenai minuman keras yang dihidangkan di dalam penerbangan MAS. Dalam soal ini ingin saya tegaskan bahawa kita sentiasa berhati-hati melaksanakannya sebagai sebuah syarikat penerbangan yang mempunyai rangkaian perkhidmatan antarabangsa yang luas yang sentiasa bersaing kuat dengan perkhidmatan syarikat-syarikat penerbangan antarabangsa yang lain. Oleh itu, MAS membekalkan minuman keras di dalam penerbangan-penerbangan antarabangsa bagi tujuan memenuhi kehendak penumpang-penumpang yang bukan beragama Islam. Walau bagaimanapun, saya telah difahamkan bahawa minuman keras hanya akan diberi kepada penumpang-penumpang atas permintaan mereka sendiri.

Berhubung dengan layanan dalam penerbangan atau "in-flight service" saya ingin memaklumkan bahawa adalah memang menjadi dasar kepada MAS untuk memastikan mutu layanan dalam penerbangannya adalah sentiasa tinggi dan setaraf dengan layanan yang diberi oleh

syarikat-syarikat penerbangan antarabangsa yang lain. Mutu layanan yang tinggi diberi kepada semua penumpang-penumpang MAS tidak kira sama ada mereka di dalam Kelas Pertama atau Business Class atau Kelas Ekonomi.

Ahli Yang Berhormat dari Betong, Sarawak telah membangkitkan perkara mengenai projek-projek pembangunan lapangan terbang di negeri Sarawak. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian Pengangkutan sentiasa memberi perhatian yang sewajarnya terhadap semua lapangan terbang di negara ini termasuk lapangan-lapangan terbang di Sabah dan di Sarawak sama ada dari segi pembangunan atau dari segi perkhidmatan yang diberikan oleh lapangan-lapangan terbang tersebut untuk memenuhi kepentingan dan keperluan rakyat. Walau bagaimanapun, memandangkan negara sedang menghadapi kemelesetan ekonomi, beberapa projek pembangunan yang telah dikenal pasti terpaksa ditangguhkan. Apabila keadaan ekonomi pulih semula Kerajaan akan meneruskan pelaksanaan projek-projek tersebut.

Berhubung dengan Lapangan Terbang Bintulu, kajian pelan induk dan kerja rekabentuk awal atau preliminary design bagi pembangunan Fasa I telah pun siap pada pertengahan tahun ini. Peruntukan kewangan bagi menjalankan kerja rekabentuk kejuruteraan terperinci dan kerja-kerja pembinaan awal telah pun dipohon dan dipertimbangkan oleh Kerajaan untuk dimasukkan dalam Rancangan Malaysia Kelima.

Mengenai Lapangan Terbang Sibupula, kerja rekabentuk kejuruteraan terperinci dijangka akan siap pada penghujung tahun ini. Kerja-kerja selanjutnya untuk membina lapangan terbang baru ini akan dilaksanakan

apabila mendapat kelulusan peruntukan kewangan di bawah Rancangan Malaysia Kelima.

Tuan Yang di-Pertua, Kementerian ini juga memberi perhatian yang berat ke atas pembangunan padang-padang terbang luar bandar di Sabah dan Sarawak untuk memperluas dan mempertingkatkan lagi perkhidmatan penerbangan luar sebagai bentuk pengangkutan yang penting bagi penduduk-penduduk luar bandar.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat kerja memperbaiki padang terbang di Mukah sedang giat dijalankan. Projek pembangunan bagi padang terbang di Bario telah ditangguhkan buat sementara waktu, disebabkan keadaan ekonomi negara. Bagaimanapun, peruntukan-pembangunan untuk pembangunan selanjutnya bagi padang terbang luar bandar termasuk landasan-landasan di Bario dan Long Banga sedang dipertimbangkan oleh Kerajaan untuk dilaksanakan di bawah Rancangan Malaysia Kelima.

Berhubung dengan perkara mengenai projek keretapi yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Pasir Puteh, suka saya memaklumkan bahawa kajian yang telah dijalankan oleh JAICA dari Jepun itu tidak memberi syor mengenai kontraktor ataupun tender bagi melaksanakan projek tersebut. Malah pihak Kerajaan belum lagi membuat keputusan untuk melaksanakan projek keretapi yang dicadangkan oleh kajian JAICA itu dan dengan itu juga belum ada apa-apa tender yang dikeluarkan mengenainya. Namun begitu, jika dan apabila pihak Kerajaan hendak melaksanakan projek keretapi tersebut, saranan Ahli Yang Berhormat dari Pasir Puteh itu supaya Kerajaan memberi peluang kepada kontraktor tempatan adalah satu perkara yang penting yang diambil kira oleh Kementerian ini.

Di samping perkara-perkara yang telah dibangkitkan berkenaan dengan MAS terdapat juga beberapa Ahli Yang Berhormat yang telah membangkitkan perkara-perkara bersabit dengan Jabatan Pengangkutan Jalan.

Berhubung dengan Sistem KEJARA yang disentuh oleh Ahli Yang Berhormat dari Serian, suka saya memaklumkan bahawa pesalah-pesalah yang didenda di bawah Sistem ini dengan dikenakan atau diberi mata atau markah kesalahan telah sedia mengetahui kesalahan mereka oleh kerana mata kesalahan adalah diberi atau dikenakan setelah pesalah-pesalah tersebut disabitkan kesalahan mereka mengaku atau didapati bersalah terhadap kesalahan yang telah mereka lakukan dan seterusnya dikenakan hukuman denda oleh pihak mahkamah atau membayar kompaun kepada pihak Polis atau Jabatan Pengangkutan Jalan. Ini bermakna bahawa butir-butir kesalahan seperti tempat di mana berlakunya kesalahan, masa dan jenis kesalahan telah pun sedia diketahui oleh pesalah-pesalah berkenaan.

Di samping itu di bawah Sistem KEJARA notis pemberitahu sebagai amaran adalah dikeluarkan kepada pesalah-pesalah yang telah mendapat serta mengumpulkan di antara 10 hingga 19 mata atau markah dan notis tunjuk sebab adalah dikeluarkan kepada pesalah-pesalah yang telah mendapat atau mengumpulkan 20 mata kesalahan atau lebih. Dalam notis-notis pemberitahu itu memang ada dinyatakan senarai kesalahan mengikut seksyen-seksyen berkaitan dalam Undang-undang Lalulintas Jalan serta merta atau markah yang dikenakan bagi tiap-tiap kesalahan.

Di bawah Sistem KEJARA hanya pesalah-pesalah yang telah disabitkan kesalahan mereka serta membayar denda yang dikenakan diberi atau dikenakan mata kesalahan. Oleh itu

mereka yang tidak mengakui bersalah dan belum disabitkan kesalahan mereka serta belum membayar denda adalah tidak dikenakan mata kesalahan.

Tuan Yang di-Pertua, ingin juga saya memaklumkan kepada Ahli Yang Berhormat dari Serian bahawa hal-hal mengenai Lembaga Pelesenan Pengangkutan Jalan di Sarawak adalah di bawah bidang tanggungjawab Kementerian Perusahaan Awam dan bukannya Kementerian Pengangkutan.

Mengenai permohonan lesen memandu yang baru iaitu lesen berlapis dimaksudkan oleh Ahli Yang Berhormat Jari Serian, sukalah saya menegaskan bahawa syarat-syarat memohon lesen tersebut serta perkara-perkara yang perlu dilampirkan atau disertakan bersama sudah pun dihebahkan ataupun (publicised) menerusi media massa dan maklumat-maklumat tersebut melalui radio kawasan tempatan telah diperolehi dari Pejabat-pejabat Jabatan Pengangkutan Jalan. Oleh itu, saya ingin menasihatkan orang ramai yang hendak memohon lesen berkenaan dan tidak mengetahui syarat-syaratnya, mereka hendaklah bertanya dengan pegawai-pegawai di Pejabat-pejabat Jabatan Pengangkutan Jalan berkenaan sebelum berbaris di kaunter-kaunter. Ini agak senang untuk menyelesaikan masalah, dan ini akan dapat mengelakkan kejadian borang permohonan ditolak kerana tidak mencukupi syarat. Di samping itu saya akan meminta pihak Jabatan Pengangkutan Jalan, khususnya di tempat Yang Berhormat supaya menyertakan dan menyatakan dalam borang berkenaan syarat-syarat dan perkara-perkara yang perlu dilampirkan untuk permohonan lesen memandu yang baru.

Saya mengucapkan terima kasih, Tuan Yang di-Pertua, kepada Ahli Yang Berhormat dari Labis yang telah

menyatakan rasa tanggungjawab beliau terhadap masalah kemalangan jalan raya di negara kita pada masa kini. Cadangan-cadangan beliau yang menggariskan beberapa langkah bagi mengatasi masalah tersebut serta menaikkan ke paras had umur yang lebih tinggi lagi bagi pengeluaran lesen memandu dan denda yang lebih berat lagi selain dari penggantungan lesen di bawah Ordinan Lalulintas Jalan akan diambil perhatian khususnya dalam usaha Kementerian Pengangkutan memperkemaskan undang-undang yang ada sekarang.

Saya ingin mengucapkan terima kasih juga, Tuan Yang di-Pertua, kepada Ahli Yang Berhormat dari Batang Padang yang telah menyentuh tentang kebersihan Pejabat Kecil Jabatan Pengangkutan Jalan di Tapah serta pembaharuan lesen memandu yang mengambil masa berminggu-minggu lamanya dan juga mengenai masalah kemalangan jalan raya.

Saya akan meminta Jabatan Pengangkutan Jalan supaya mengambil perhatian berat mengenai kebersihan Pejabat-pejabat Jabatan Pengangkutan Jalan, bukan sahaja Pejabat Kecil Jabatan Pengangkutan Jalan di Tapah, malah semua Pejabat Jabatan Pengangkutan Jalan di seluruh negara hendaklah diselenggarakan supaya sentiasa berada dalam keadaan bersih dan selesa.

Mengenai masalah pembaharuan lesen memandu pihak Jabatan Pengangkutan Jalan sedang berusaha untuk mempercepat pengeluaran lesen-lesen memandu baru dan semua permohonan untuk pembaharuan lesen memandu memang boleh dibuat atau dikemukakan di mana-mana Pejabat Jabatan Pengangkutan Jalan.

Cadangan Ahli Yang Berhormat dari Batang Padang itu untuk mewujudkan Mahkamah Trafik supaya orang ramai dapat

mempastikan bahawa setiap hukuman kepada kesalahan-kesalahan lalulintas dapat dilaksanakan dan juga penyelesaian kes-kes kecil mengenai kesalahan lalulintas dapat dipercepatkan, adalah sedang dikaji sekarang oleh pihak-pihak berkenaan khususnya Kementerian Kehakiman.

Selain daripada perkara-perkara yang dibangkitkan mengenai MAS dan Jabatan Pengangkutan Jalan, perkara yang terbabit dengan maritime juga disentuh oleh beberapa orang Ahli Yang Berhormat.

Ahli Yang Berhormat dari Batang Padang membangkitkan kekurangan kerjasama yang diberikan oleh Kementerian Pengangkutan dalam menggalakkan penyertaan bumiputera dalam sektor perkapalan selaras dengan Rang Undang-undang Ordinan Kapal.

Ingin saya menjelaskan di sini bahawa dasar perkapalan negara ialah untuk memaju, memperluas dan memodenkan tonnage perkapalan Malaysia serta meningkatkan penyertaan warganegara Malaysia serta meningkatkan penyertaan warganegara Malaysia, terutamanya bumiputera dalam perdagangan domestic dan antarabangsa. Usaha ke arah pencapaian matlamat ini dibuat dengan memberi berbagai insentif pelaksanaan dasar kabotaj yang menghadkan penyertaan perkapalan dalam negeri kepada kapal-kapal Malaysia dan dikendalikan oleh warganegara Malaysia dan pengubalan Akta Perkapalan Saudagar (Pindaan dan Perluasan) 1984, yang memperluaskan dengan izin, territorial scope, perkapalan dalam negeri. Melalui langkah-langkah yang sedemikian adalah diharap dapat menggalakkan lebih ramai warganegara tempatan termasuk bumiputera menubuhkan syarikat perkapalan tempatan dan

Kementerian Pengangkutan sentiasa bersedia memberi bantuan dan maklumat mengenai hal ini.

Tuan Yang di-Pertua, Ahli Yang Berhormat dari Batang Padang juga membangkitkan perkara mengenai keselamatan ke atas kapal-kapal kecil tempatan dan tentang barang yang dibawa serta perkara-perkara yang harus dilakukan apabila berada di laut.

Ingin saya memaklumkan bahawa perkara-perkara mengenai keselamatan pelayaran di laut adalah di bawah bidangkuasa Ordinan Perkapalan Saudagar dan keselamatan dalam kawasan pelabuhan pula dikawal di bawah peruntukan, dengan izin, Federation Port Rules.

Selain dari pindaan kepada Ordinan Perkapalan Saudagar, Kementerian Pengangkutan kini sedang mengemaskini kaedah-kaedah bot 1953 sebagai langkah untuk menjamin keselamatan yang lebih baik bagi kapal kecil. Pindaan kepada Ordinan Perkapalan Saudagar juga akan memperketatkan dan mengawal barang yang dibawa di atas kapal-kapal dan menggariskan perkara-perkara yang harus dilakukan apabila berada di laut.

Tuan Yang di-Pertua, Ahli Yang Berhormat dari Labis membangkitkan perkara tentang pembinaan pelabuhan yang banyak, yang tidak menghasilkan keuntungan dan membazirkan kewangan negara. Dalam hal ini saya ingin menjelaskan bahawa setiap pelaburan oleh Kerajaan dalam pembinaan pelabuhan dikaji dengan teliti berpandukan berbagai aspek termasuklah kajian daya hidup sesebuah projek pelabuhan sebelum ianya dilaksanakan.

Akhirnya, saya sekali lagi ingin mengucapkan terima kasih kepada semua Ahli Yang Berhormat yang telah membangkitkan perkara penting mengenai Kementerian Pengangkutan

dan mengambil berat Ahli-ahli Yang Berhormat berhubung dengan jabatan-jabatan yang berkenaan.

Saya berharap jawapan yang diberikan merangkumi semua perkara yang telah dibangkitkan dan mana-mana perkara yang tidak dijelaskan akan diambil maklum dan pertimbangan.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Menteri dari Kementerian Kerja Raya.

5.10 ptg.

Menteri Kerjaraya (Dato' S. Samy Vellu): Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu saya suka mengucapkan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah menaruh minat terhadap perkara-perkara tertentu di bawah Kementerian Kerjaraya ketika membahaskan Ucapan Belanjawan 1986 oleh Yang Berhormat Menteri Kewangan di Dewan yang mulia ini. Saya sukalah mengambil kesempatan ini menjawab teguran-teguran dari tiga Ahli-ahli Yang Berhormat dari Sabah dan Sarawak yang menyentuh perkara-perkara yang tertentu mengenai negeri-negeri masing-masing yang saya sekarang akan memberikan penjelasan yang agak terperinci. Bagi Ahli-ahli Yang Berhormat yang lain yang saya fahami telah membangkitkan perkara-perkara yang agak serupa ataupun tidak membangkitkan perkara-perkara yang tertentu mengenai tanggungjawab Kementerian saya untuk dijawab, saya juga mengambil kesempatan mengucapkan terima kasih kepada mereka.

Ahli Yang Berhormat dari Labuk Sugut di dalam ucapannya di antara lain telah meminta supaya lebuh raya menghubungi Pantai Barat dengan Pantai Timur di Sabah dibina dengan segera untuk memudahkan pergerakan Pasukan Polis dan Tentera dalam keadaan darurat. Untuk

makluman Ahli Yang Berhormat itu sukalah saya menyatakan di sini bahawa jalan raya menghubungi Pantai Barat dan Pantai Timur Sabah sememangnya sedia ada, tetapi kesemuanya tidak di dalam keadaan bertar. Misalnya, jalan raya yang menghubungi Tamparuli, Ranau dan Telupit adalah jalan raya bertar, tetapi jalan raya dari Telupit ke KM 51 atau Batu 32 yang panjangnya 90 km masih lagi dalam keadaan bertaraf batu kelikir, tetapi dari KM 51, iaitu Batu 32 ke Sandakan adalah dalam keadaan bertar. Begitu juga keadaannya jalan raya KM 51 atau Batu 32 ke Lahat Datu sepanjang 127 km adalah bertaraf batu kelikir. Jalan raya Lahat Datu ke Tawau dan Tawau ke Semporna pula adalah jalan raya bertar.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat juga, peruntukan sebanyak \$41 juta bagi tahun 1986 telah pun dipohon daripada Dewan yang mulia ini untuk diluluskan bagi tujuan membaiki dan menaikkan taraf beberapa kawasan jalan-jalan raya tersebut. Kawasan jalan raya itu adalah seperti berikut:

- (1) memperbaiki lebuh raya dari Tamparuli ke Ranau berharga \$6 juta;
- (2) memperbaiki jalan dari Ranau ke Telupit dengan harga \$7 juta;
- (3) menaikkan taraf jalan dari Telupit ke Sandakan KM 51 berharga \$25 juta; dan
- (4) memperbaiki jalan dari KM 51 ke Sandakan \$3 juta,

iaitu sejumlah \$41 juta.

Tuan Yang di-Pertua, Ahli Yang Berhormat dari Kapit telah menyentuh berkenaan dengan Jalan Raya Besar Utama di Sarawak yang beliau tegaskan perlulah diambil serius mengenai pembinaannya. Beliau telah menyarankan bahawa lebuh raya yang

menghubungi Kuching, Sibul, Bintulu dan Miri masih terdapat 80% dari jalan raya itu dalam keadaan mutu yang rendah dan belum berturap dan sebahagian darinya tidak dapat digunakan pada musim hujan. Oleh itu, beliau meminta supaya langkah-langkah perlu diambil untuk memperbaiki jalan-jalan raya tersebut dan keutamaannya perlu diberi untuk menurap jalan raya Kuching ke Miri.

Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, adalah benar bahawa sebahagian sahaja jalan raya Kuching, Sibul, Bintulu dan Miri telah diturap, iaitu 352 km buat masa ini, lebih kurang 40% dari jumlah 886 km. Sukalah saya menegaskan di Dewan yang mulia ini bahawa Kerajaan Persekutuan sememangnya sedar betapa pentingnya seluruh jalan raya menghubungkan bandar-bandar tersebut dipertingkatkan taraf dan diturap. Ini bukan sahaja penting dari segi perhubungan di antara bandar-bandar tersebut, tetapi untuk memberi kemudahan kepada beberapa kegiatan ekonomi yang terdapat di sepanjang jalan raya tersebut, khususnya di antara Bintulu dan Miri. Menyedari ke atas hakikat itu dan memandangkan panjangnya jalan raya dari Kuching ke Miri, iaitu 886 km hendak dipertingkatkan tarafnya yang mana memerlukan peruntukan yang besar, maka Kerajaan Persekutuan telah merancang supaya kerja-kerja tersebut akan hanya dapat dilaksanakan semuanya dalam Rancangan Malaysia Kelima dan juga di dalam Rancangan Malaysia Keenam.

Untuk Rancangan Malaysia Kelima khususnya, lebih kurang separuh sahaja daripada jalan raya itu telah pun dicadang untuk dipertingkatkan tarafnya. Saya harap Ahli-ahli Yang Berhormat akan mengambil perhatian semasa Rancangan Malaysia Kelima mengenai projek-projek jalan raya di

Sarawak dibincang dan dipertingkatkan di Dewan ini awal tahun hadapan. Walau bagaimanapun, bagi tahun 1986 peruntukan sebanyak \$65 juta telah pun dipohon bagi memulakan kerja-kerja mempertingkatkan mutu beberapa bahagian jalan raya itu daripada Kuching ke Miri yang mana secara terperinci adalah seperti berikut:

- (1) Jalan Bintulu-Miri dengan harga \$37 juta;
- (2) Jalan Sibul, Ulu Batang, Mukah dan Bintulu berharga \$20 juta;
- (3) Jalan Kuching-Sibul \$7 juta; dan
- (4) Jalan Bau-Lundu \$1 juta.

Jumlah harga \$65 juta.

Ahli Yang Berhormat dari Hilir Padas telah mendapati jalan raya Beaufort-Sindumin adalah dalam keadaan yang buruk dan perlu diperbaiki. Beliau juga seterusnya mencadangkan supaya peruntukan jalan raya bagi negeri Sabah ditambah. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kerajaan sememangnya sedar mengenai jalan raya Beaufort-Sindumin itu dan sememangnya ada rancangan untuk memperbaiki dan mempertingkatkan taraf jalan raya tersebut. Peruntukan sebanyak \$10 juta untuk tujuan ini telah pun dimasukkan di dalam peruntukan jalan raya Kementerian ini bagi tahun 1986 yang sekarang di dalam pertimbangan oleh Dewan yang mulia ini. Kementerian saya berharap rancangan ini dapat dimulakan pada tahun hadapan sesudah peruntukan yang dipohon itu diluluskan oleh Dewan yang mulia yang bersidang kali ini.

Mengenai cadangan Ahli Yang Berhormat supaya peruntukan jalan raya di Sabah ditambah, sukalah saya menegaskan bahawa Kerajaan Persekutuan sememangnya sentiasa memberi perhatian yang berat ke atas

pembinaan dan meningkatkan taraf jalan-jalan raya, bukan sahaja di Sabah tetapi juga di Sarawak. Ini adalah perlu supaya mensembangkannya dengan taraf jalan-jalan raya utama di Malaysia. Perkara ini adalah terbukti daripada peruntukan jalan raya yang dipohon untuk Sabah dan Sarawak bagi tahun 1986 iaitu sebanyak \$146 juta untuk Sabah dan \$149 juta untuk negeri Sarawak.

Tuan Yang di-Pertua, jika peruntukan itu diluluskan oleh Dewan yang mulia ini, ia akan merupakan peruntukan yang terbesar pernah diluluskan dalam sejarah pembinaan jalan-jalan raya bagi negeri-negeri Sabah dan Sarawak. Ini jelas menunjukkan bahawa Kerajaan Persekutuan mengambil berat ke atas pembinaan dan meningkatkan mutu jalan-jalan raya di Sabah dan Sarawak. Sekian, terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Menteri dari Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan.

5.20 ptg.

Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan (Dato S. Subramaniam): Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu saya mengucapkan berbilang-bilang terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat dari Beruas, Tanjong Karang, Ulu Terengganu, Sungai Petani, Lumut, Kota Melaka dan Kuala Lumpur Bandar yang telah memberi teguran dan cadangan kepada Kementerian saya semasa membahaskan Rang Undang-undang Perbekalan 1986 dan Usul Anggaran Perbelanjaan Pembangunan 1986.

Tuan Yang di-Pertua, mengenai cadangan supaya satu Dasar Perumahan Negara diwujudkan, adalah dimaklumkan bahawa pada hakikatnya dasar tersebut telah sedia ada, hanya ia tidak diterbitkan dalam

bentuk dokumen khas. Dasar Perumahan Negara adalah berlandaskan kepada prinsip keperluan menyediakan kemudahan perumahan yang mencukupi dan selesa kepada semua rakyat Malaysia terutama bagi golongan berpendapatan rendah.

Dalam pada itu, program-program perumahan yang sesuai bagi pelaksanaan kedua-dua sektor swasta dan sektor awam telah pun dirancangan sepertimana dalam Rancangan-rancangan Malaysia Ketiga dan Keempat. Dasar dan Program Perumahan Negara juga menggariskan rumah-rumah yang akan dibina di kawasan luar bandar ataupun di kawasan bandar. Ia juga merangkakan jenis rumah yang perlu dibina seperti rumah kos rendah, sederhana ataupun rumah kos tinggi. Bagi projek-projek yang dilaksanakan oleh Kerajaan, keperluan peruntukan kewangan juga ditetapkan. Oleh itu adalah tidak benar dikatakan bahawa Kerajaan tidak mempunyai Dasar Perumahan Negara. Walau bagaimanapun, bagi tujuan mengelakkan segala kekeliruan mengenai sama ada dasar perumahan sedia ada atau tidak, Kementerian ini akan berusaha menerbitkan satu dokumen yang sesuai mengenai Dasar Perumahan Negara pada tahun yang akan datang.

Saya ingin menjelaskan bahawa penerbitan dokumen Dasar Perumahan Negara yang menggariskan peranan sektor awam dan sektor swasta tidak akan dapat mengatasi masalah perumahan seperti yang disebutkan oleh pihak-pihak yang tertentu. Masalah perumahan ini yang timbul daripada berbagai punca, seperti kesukaran mendapat wang, kelemahan pengurusan projek perumahan sektor swasta, kelambatan kelulusan dan sebagainya perlu diatasi juga oleh sektor swasta dengan bantuan dan dorongan Kerajaan.

Mengenai seruan supaya satu Majlis Perumahan Negara ditubuhkan, suka saya maklumkan bahawa sebenarnya majlis tersebut telah sedia ditubuhkan, tetapi ia tidak termaktub dalam Perlembagaan Persekutuan seperti dengan Majlis Negara bagi Kerajaan Tempatan. Pengerusi Majlis Perumahan Negara ini ialah Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan dan ahli-ahlinya terdiri daripada Pengerusi-pengerusi Jawatankuasa Perumahan Negeri.

Di antara tugasnya termasuk penyelarasan perancangan dan pelaksanaan perumahan awam kos rendah. Di samping itu terdapat beberapa forum atau jawatankuasa di kedua-dua peringkat kebangsaan dan negeri yang sedang memainkan peranan seperti yang disyorkan bagi Majlis Perumahan Negara yang dicadangkan itu.

Di peringkat persekutuan ada beberapa majlis atau jawatankuasa yang telah diwujudkan, umpamanya Jawatankuasa Penyelarasan Pelaksanaan Perumahan Awam Kos Rendah yang dianggotai oleh wakil-wakil Kerajaan Negeri bertujuan untuk menyelaraskan pelaksanaan program perumahan awam kos rendah. Jawatankuasa teknikal perumahan awam kos rendah pula menimbang dan meluaskan pinjaman kewangan bagi pelaksanaan perumahan awam kos rendah, hal-hal yang melibatkan perumahan juga boleh dibincangkan di Majlis Tanah Negara sekiranya ianya melibatkan masalah tanah dan Majlis Kewangan Negara bagi aspek-aspek kewangan.

Majlis Perunding Kebangsaan mengenai perumahan juga telah diwujudkan yang dianggotai oleh wakil-wakil badan-badan profesional seperti Pertubuhan Arkitek Malaysia, Institut Juruukur Malaysia, Institut Jurutera Malaysia, Persatuan Pemaju Perumahan Malaysia dan sebagainya bagi mengkaji dan menyelesaikan

masalah-masalah mengenai perumahan yang dihadapi oleh industri perumahan.

Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan mengambil pranan yang besar dalam penyediaan rumah kos rendah. Dalam hal ini peruntukan sebanyak \$300 juta bagi tahun Belanjawan 1986 adalah bertujuan untuk membiayai dua program perumahan iaitu Program Perumahan Awam Kos Rendah, Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan dan Program Perumahan Kos Rendah, Dewan Bandaraya. Peruntukan \$300 juta ini akan melibatkan pelaksanaan 190 buah projek mengandungi 41,000 unit rumah yang sedang berada dalam berbagai peringkat pelaksanaan. Daripada jumlah ini sebanyak \$244,869,000 adalah untuk pembiayaan sebanyak 178 projek atau 34,282 unit buah rumah yang dikendalikan oleh Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan. Selebihnya pula sebanyak \$55,131,000 adalah diperlukan bagi melaksanakan 12 projek yang mengandungi 6,718 unit buah rumah di bawah program perumahan Dewan Bandaraya. Bilangan unit rumah awam kos rendah yang dijangka siap sehingga penghujung tahun 1986 termasuk jumlah unit siap di bawah Rancangan Malaysia Keempat ialah sebanyak 81,200 unit. Jumlah sebanyak 68,000 unit yang disebutkan dalam ucapan Belanjawan 1986 adalah anggaran unit yang dijangka siap bagi tempoh Rancangan Malaysia Keempat iaitu sehingga Disember, 1985 sahaja. Jumlah yang dijangka siap dalam tahun 1986 sahaja ialah 14,108 unit.

Tuan Yang di-Pertua, mengenai cadangan supaya ditetapkan kuota rumah kos sederhana berharga \$40,000 ke bawah untuk pembiayaan melalui pinjaman bank dan institusi kewangan, untuk makluman Dewan yang mulia ini, Kementerian saya telah menerima aduan-aduan dari

orang ramai mengenai kesukaran untuk mendapatkan pinjaman perumahan bagi rumah kos rendah dan kos sederhana. Sehubungan dengan itu, saya telah mengadakan perbincangan dengan Bank Negara. Pihak Bank Negara telah mengatakan bahawa sekiranya kuota bagi tahun 1985 telah dipenuhi, bank-bank dan institusi-institusi kewangan boleh meluluskan kuota pinjaman mereka bagi tahun 1986. Ini sedikit sebanyak membolehkan lebih banyak peminjam membeli rumah yang berharga dalam lingkungan \$14,000 seunit.

Selain dari itu, adalah difikirkan bahawa strategi yang telah dihuraikan oleh Yang Berhormat Menteri Kewangan yakni 1/3 daripada pinjaman perumahan dari bank perlu dikhususkan untuk kategori rumah kos rendah adalah memadai. Peruntukan ini adalah untuk menentukan supaya pembeli-pembeli rumah kos rendah tidak menghadapi masalah untuk mendapatkan pinjaman. Walau bagaimanapun, Kementerian ini akan mengesan perkembangan pasaran perumahan, khususnya bagi kategori rumah kos sederhana dan rendah. Sekiranya pembeli rumah tersebut menghadapi masalah, Kementerian ini boleh membincangkan perkara ini dengan Bank Negara dan Perbendaharaan untuk mencapai penyelesaian.

Di samping itu, pemansuhan had umur secara berperingkat bagi anggota Kerajaan dengan kategori D akan membolehkan lebih ramai lagi anggota Kerajaan yang mana dijangka lebih 1,500 akan menikmati kemudahan pinjaman perumahan mereka. Memandangkan had maksima pinjaman perumahan bagi kategori D ialah \$30,000, ini bermakna bahawa bagi mereka yang layak, anggota Kerajaan ini juga boleh membeli rumah kos sederhana rendah, yakni rumah yang berharga di antara \$25,000 hingga \$60,000.

Tempoh masa pembayaran balik bagi kategori ini juga dilanjutkan daripada 25 tahun kepada 30 tahun. Duti setem sebanyak 0.5% dari harga pembelian bagi Perjanjian Pinjaman untuk rumah kos rendah adalah juga dimansuhkan. Ini bermakna bahawa rumah yang berharga \$25,000 umpamanya, pemansuhan duti setem ini bermakna pembeli rumah tersebut dapat menjimatkan wangnya sebanyak \$125,000.

Tuan Yang di-Pertua, berkenaan dengan perkara yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Kota Melaka, yakni penempatan kuota yang tinggi di negeri Melaka, dimaklumkan bahawa penempatan kuota perumahan-perumahan untuk bumiputera diputuskan oleh Jawatankuasa Belahbahagi dipengerusikan oleh Yang Amat Berhormat Ketua Menteri Melaka.

Untuk makluman Dewan yang mulia ini, di negeri Melaka, projek perumahan yang dilaksanakan di atas tanah "Melaka Customary Land", perlulah diagihkan 100% kepada bumiputera. Walau bagaimanapun penetapan kuota bagi lain-lain jenis tanah adalah berdasarkan kepada bilangan yunit dalam satu-satu projek dan juga kedudukan projek tersebut. Sekiranya bilangan yunit satu-satu projek itu kurang daripada 10 buah, Jawatankuasa Belahbahagi tidak menekankan apa-apa syarat atau kuota. Kedudukan projek dan kuasa beli kaum bumiputera juga mempengaruhi kuota tersebut. Umpamanya kalau projek tersebut diletakkannya di kawasan bandar, kuota yang dikenakan adalah rendah berbanding dengan kuasa untuk bumiputera bagi projek-projek yang letaknya di luar bandar.

Kelembapan industri perumahan di Melaka pada masa kini bukanlah disebabkan semata-mata oleh kuota yang tinggi untuk bumiputera, malah keadaan seperti ini juga berlaku di

negeri-negeri lain. Ini adalah kerana keadaan kemelesetan ekonomi di mana kuasa membeli rumah adalah berkurangan khususnya bagi rumah-rumah jenis kos tinggi.

Yang Berhormat berkenaan juga telah mencadangkan kepada Kerajaan Persekutuan supaya mengeluarkan satu arahan kepada semua Kerajaan Negeri berkenaan dengan penetapan kuota perumahan untuk bumiputera. Sebenarnya penetapan kuota untuk bumiputera telah pun dimasukkan di bawah Dasar Ekonomi Baru di mana kuota yang ditetapkan kepada bumiputera hendaklah tidak kurang daripada 30%.

Tuan Yang di-Pertua, mengenai teguran kelewatan pemilihan pembeli-pembeli rumah yang berkelayakan oleh Jawatankuasa Pemilih Daerah, Kementerian ini sememangnya sedar tentang kelewatan tersebut. Untuk makluman Dewan yang mulia ini, Kementerian saya telah membincangkan masalah ini khususnya bagi pemilihan untuk rumah awam kos rendah dan hasilnya adalah sangat memuaskan. Walau bagaimanapun ada kelewatan yang disebabkan oleh dugaan luar jangka umpamanya, apabila ada bantahan dari pihak tertentu atas pemilihan Jawatankuasa Pemilih yang berkenaan.

Tuan Yang di-Pertua, mengenai cadangan supaya teknik-teknik baru bagi membina rumah diusahakan secara besar-besaran dengan harga yang murah, ingin saya menjelaskan bahawa Kementerian ini sentiasa menggalakkan kegunaan, dengan izin, "industrialised system" dan bahan-bahan pasang siap yang sesuai. Dalam hal ini, banyak juga yunit rumah yang telah dan sedang dibina oleh agensi Kerajaan khususnya dengan menggunakan "industrialised system" dan bahan-bahan pasang siap. Walau bagaimanapun, kebanyakan kontraktor yang mengusahakan sistem

"industrialised" dan yang menggunakan bahan pasang siap, memerlukan projek yang mengandungi yunit rumah yang besar, iaitu sekurang-kurangnya 500 yunit sebelum mereka mahu mengambil bahagian dalam sebarang tender. Projek-projek yang kecil tidak dianggap ekonomik. Oleh itu, pembinaan dengan menggunakan sistem "industrialised" atau bahan pasang siap hanya boleh dikatakan setanding dengan sistem pembinaan cara biasa dari segi harga pembinaan sekiranya melibatkan projek-projek yang besar.

Mengenai harga-harga rumah termasuk rumah yang dibina oleh Kerajaan dan badan-badan berkanun adalah terlalu mahal, Kementerian saya sememangnya sedar atas masalah ini. Oleh kerana Kementerian ini sedang berusaha untuk meminta kerjasama pemaju swasta dan agensi Kerajaan supaya membina lebih banyak rumah kos rendah dan sederhana, sejajar dengan kemampuan sebilangan besar rakyat Malaysia.

Tuan Yang di-Pertua, Ahli Yang Berhormat dari Beruas dan Kota Melaka ada membangkitkan tentang pembangunan kampung-kampung baru. Kementerian saya sememangnya menyedari bahawa terdapat kampung-kampung baru yang masih menghadapi masalah-masalah kekurangan kemudahan-kemudahan infrastruktur, kesihatan, perumahan, sukan rekreasi yang sebagainya. Bagi mengatasi dengan lebih berkesan masalah pembangunan di kampung baru, Kementerian ini sedang merangka perancangan pembinaan secara menyeluruh.

Usaha-usaha untuk membangunkan kampung-kampung baru adalah

berdasarkan kepada dua pendekatan utama iaitu:

- (i) menjadikan kampung baru sebagai kawasan pertempatan manusia (human settlement), yang dapat menjamin suasana kehidupan yang lebih sempurna melalui penyediaan kemudahan-kemudahan infrastruktur dan sosio-ekonomi yang diperlukan; dan
- (ii) memajukan kampung-kampung baru yang sesuai dan berpotensi sebagai pusat-pusat bandar kecil berlandaskan kepada aktiviti-aktiviti ekonomi moden.

Melalui kedua-dua matlamat ini, tumpuan akan diberikan bukan sahaja kepada aspek-aspek fizikal seperti menyediakan kemudahan-kemudahan asas, tetapi juga kepada aspek-aspek kemasyarakatan dan ekonomi.

Kerajaan sedar bahawa usaha untuk memajukan kampung-kampung baru akan melibatkan peruntukan kewangan yang besar yang mana tidak mungkin dapat diadakan sepenuhnya khususnya dalam keadaan ekonomi negara pada masa ini. Pembinaan pelaksanaan usaha ini akan dijalankan secara berperingkat-peringkat.

Sungguhpun bagi tahun 1986 hanya \$500,000 ribu telah diperuntukkan untuk kemajuan kampung baru, Kementerian saya sedang berusaha untuk mendapatkan peruntukan yang mencukupi bagi program-program di bawah Rancangan Malaysia Kelima. Adalah dianggarkan Kementerian saya akan memerlukan sekurang-kurangnya \$30 juta iaitu lebih kurang sama dengan apa yang diberi pada asalnya di bawah Rancangan Malaysia Keempat.

Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, oleh kerana sebahagian besar daripada kampung-kampung baru diletakkan di bawah Majlis

Daerah, maka peruntukan di bawah PK I untuk projek-projek di kawasan Penguasa Tempatan sebanyak \$8,050,000 juta akan juga digunakan untuk projek-projek tertentu di kampung-kampung baru yang memerlukannya.

Di samping itu adalah diharapkan dengan penglibatan serta sumbangan penuh daripada pihak swasta dan juga masyarakat kampung baru sendiri, usaha dan hasrat Kerajaan untuk memajukan kampung-kampung baru akan dapat dicapai dengan lebih berkesan lagi.

Selain dari projek yang dibiayai daripada peruntukan Kerajaan Persekutuan, Kerajaan-kerajaan Negeri juga memperuntukkan perbelanjaan untuk pembangunan kawasan dalam negeri termasuk juga kawasan kampung-kampung baru. Bagi kampung-kampung baru yang terletak di dalam Majlis Perbandaran, mereka juga menikmati pembangunan dari hasil yang diperolehi oleh Majlis Perbandaran itu sendiri.

Kerajaan memang memberi keutamaan untuk menyediakan perumahan kos rendah di kawasan-kawasan di mana keutamaannya telah dikenalpasti dan ini termasuklah untuk faedah penduduk-penduduk kampung baru.

Dalam Rancangan Malaysia Keempat misalnya, sebanyak 44 projek perumahan awam kos rendah dengan bilangan yunit sebanyak 8,301 telah dirancang untuk pelaksanaan di dalam dan di sekitar kampung-kampung baru. Daripada jumlah ini, sebanyak 15 buah projek bersama dengan 3,477 yunit telah siap dibina sehingga 30 Jun 1985. Sebanyak 15 projek ataupun 893 yunit adalah dalam peringkat binaan bangunan, manakala selebihnya 24 projek dengan 3,931 yunit pula adalah dalam peringkat pelaksanaan awam.

Dalam pendekatan baru yang sedang dirangka untuk pembangunan kampung-kampung baru, perancangan pembangunan akan mengambil kira keperluan perumahan penduduk-penduduk kampung baru, di samping menyediakan infrastruktur dan kemudahan aktiviti perniagaan dan perindustrian yang sesuai bagi masyarakat penduduk di kampung-kampung baru.

Kementerian saya juga bercadang untuk menjalankan kajian terperinci untuk memastikan kampung-kampung baru yang boleh dibangunkan semula. Di samping itu syor-syor yang dikemukakan dalam laporan mengenai kampung-kampung baru akan diambil kira dan jika perlu akan disemak untuk melaksanakan program pembangunan semula kampung-kampung baru ini.

Tuan Yang di-Pertua, Ahli Yang Berhormat dari Lumut ada membangkitkan mengenai pembinaan tokong-tokong atau kuil-kuil oleh nelayan-nelayan. Seperti Ahli-ahli Yang Berhormat sedia maklum Perlembagaan Persekutuan menjamin hak orang ramai untuk mengamalkan kepercayaan agama bagi setiap golongan rakyat. Ini bermakna bahawa orang ramai berhak untuk mendirikan rumah ibadat termasuk tokong-tokong atau kuil-kuil tetapi oleh kerana tokong-tokong atau kuil-kuil adalah dalam bentuk struktur yang tetap, maka permohonan harus dibuat kepada pihak perancangan tempatan atau Majlis-majlis Perbandaran atau Majlis-majlis Daerah untuk mendapat kelulusan.

Saya suka menegaskan di sini bahawa cara ini adalah selaras dengan keperluan dari segi kawalan bangunan, atau dengan izin, building control yang ditetapkan dalam Undang-undang Perancangan. Mengenai dakwaan bahawa rayuan dari kumpulan nelayan-nelayan sebagaimana yang dibangkitkan oleh

Ahli Yang Berhormat dari Lumut ini lambat diputuskan, Kementerian saya sedang menyasiat perkara ini.

Tuan Yang di-Pertua, mengenai klasifikasi harta benda orang-orang bumiputera yang dikatakan berlainan daripada harta benda bukan bumiputera oleh Majlis Daerah Batu Pahat, ingin saya menjelaskan bahawa harta-harta di kawasan tersebut adalah ditafsirkan mengikut nilai baru iaitu berdasarkan harga pasaran semasa. Dari nilai yang telah ditambah ini Majlis Daerah Batu Pahat mengenakan 0.4% untuk cukai pintu bagi tahun 1987. Kadar ini dikenakan ke atas semua harta yang dimiliki oleh pemunya tanpa mengira bangsa. Walau bagaimanapun Majlis Daerah Batu Pahat sedang menimbangankan peraturan di mana bumiputera yang mempunyai hak milik tanah simpanan Melayu boleh memohon mendapat kekurangan 25% daripada cukai pintu ini.

Cadangan mengkaji semakan penilaian ini termasuk kadar dan keistimewaan pengurangan cukai pintu bagi kaum bumiputera masih belum muktamad lagi. Ianya bergantung kepada bantahan-bantahan dan rayuan-rayuan dari pemilik-pemilik harta yang terlibat. Dan pertimbangan selanjutnya oleh pihak Majlis Daerah Batu Pahat dan kelulusan pihak berkuasa negeri.

Tuan Yang di-Pertua, mungkin apa yang dimaksudkan dengan Akta Kawalan Cukai 1966 oleh Ahli Yang Berhormat dari Tanjong Karang adalah Akta Kawalan Sewa 1966. Kementerian saya sememangnya sedang membuat kajian ke atas Akta ini dengan tujuan untuk menyemak semula peruntukan-peruntukan yang terkandung di dalamnya. Memandangkan ianya melibatkan kepentingan tuan punya rumah dan penyewa-penyewa, kajian yang teliti secara menyeluruh adalah perlu bagi memastikan kepentingan yang

saksama diberikan kepada semua pihak yang terlibat. Kajian ini adalah dalam peringkat akhir dan akan diumumkan kepada orang ramai apabila diluluskan kelak.

Tuan Yang di-Pertua, sekali lagi saya mengucapkan berbilang terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah memberikan pandangan dan cadangan-cadangan yang berkaitan dengan Kementerian saya. Saya berharap semua perkara yang dibangkitkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat telah dapat saya jelaskan. Jika ada perkara-perkara yang tertinggal ianya juga akan diambil perhatian oleh Kementerian saya untuk tindakan sewajarnya. Sekian, Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Timbalan Menteri dari Kementerian Pertanian.

5.45 ptg.

Timbalan Menteri Pertanian (Dr Goh Cheng Teik): Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan berbilang-banyak terima kasih kepada semua Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah memberikan perhatian dan teguran terhadap Kementerian saya.

Dalam Persidangan kali ini ramai Ahli-ahli Yang Berhormat telah membincangkan isu-isu berkaitan dengan pertanian yang menyentuh tanggungjawab Kementerian saya. Wakil-wakil dari Saratok, Julau, Lubok Antu, Mukah dan Bachok telah menyentuh mengenai kemudahan pinjaman oleh Bank Pertanian Malaysia. Kerajaan akan terus meningkatkan kemudahan pemberian kredit pertanian melalui Bank Pertanian Malaysia dalam tempoh Rancangan Malaysia Kelima. Sehubungan dengan ini tiga cawangan Bank Pertanian telah dibuka di Sarawak dan tiga lagi dijangka akan dibuka dalam tempoh rancangan Malaysia Kelima. Mengenai kadar faedah, Bank Pertanian memang

menyediakan kadar faedah yang rendah bagi projek-projek pertanian yang bercorak membasmi kemiskinan dan penyusunan semula masyarakat selaras dengan Dasar Ekonomi Baru.

Berhubung dengan subsidi yang dibangkitkan oleh Wakil-wakil dari Sungai Petani dan Bagan Datok, suka saya memberi jaminan bahawa Kementerian saya akan meneruskan pemberian subsidi baja padi untuk tahun 1986. Walau bagaimanapun, selaras dengan Dasar Pertanian Negara untuk memajukan sektor pertanian secara komersial dan sepenuh masa maka subsidi akan dihapuskan secara beransur-ansur. Adalah menjadi hasrat Kerajaan dengan langkah ini petani-petani dan nelayan-nelayan akan lebih berdikari dalam mengusahakan aktiviti pertanian.

Menyentuh perkara yang dibangkitkan oleh Wakil-wakil dari Bagan Datok dan Batang Padang berhubung dengan bantuan secara kecil-kecilan seperti anak ayam, memanglah telah diberhentikan oleh Kerajaan Persekutuan. Selaras dengan hasrat Dasar Pertanian Negara, Kerajaan hanya menggalakkan perusahaan pertanian secara komersial dan sepenuh masa.

Berhubung dengan perkara yang dibangkit oleh Wakil-wakil dari Betong, Serian, Saratok, Lambir dan Julau mengenai tanaman lada hitam di Sarawak, Kementerian saya telah menetapkan dalam Dasar Pertanian Negara bahawa penanaman lada hitam secara besar-besaran tidak akan digalakkan memandangkan kepada keperluan modal yang besar serta tenaga buruh yang banyak sedangkan pulangan tidak lumayan. Namun begitu, tanaman lada akan terus menjadi satu tanaman sosio-ekonomi yang penting dan pembangunannya akan menekankan peningkatan daya pengeluaran dari kawasan-kawasan yang sedia ada. Bagi tempoh

Rancangan Malaysia Kelima subsidi lada hitam masih diteruskan mengikut keperluan masing-masing.

Kepada soalan yang dibangkitkan oleh Wakil-wakil dari Kapit, Mukah dan Sibu berhubung dengan langkah-langkah Kerajaan untuk memajukan kawasan pertanian serta memberi kemudahan-kemudahan asas di Negeri Sarawak, suka saya menyatakan bahawa pembangunan pertanian secara besar-besaran yang menekankan kepada pendekatan bersepadu akan dilaksanakan di Negeri Sarawak. Dalam tempoh Rancangan Malaysia Kelima, dua buan Projek Pembangunan Pertanian Bersepadu iaitu projek Kalaka Saribas dan projek Samarahan akan mula dilaksanakan. Dalam pendekatan ini, agensi-agensi Kerajaan tertentu akan bertindak bersama dalam mengadakan segala kemudahan dan perkhidmatan kepada penduduk-penduduk di kawasan pendalaman Sarawak.

Menjawab perkara yang ditimbulkan oleh Wakil dari Betong supaya kakitangan dalam projek IADP Kalaka Saribas tidak dikurangkan atau dibekukan, suka saya menjelaskan di Dewan yang mulia ini bahawa perkara ini memang diberi perhatian bagi memastikan projek ini berjalan lancar dan mendatangkan faedah kepada penduduk kawasan berkenaan.

Saya juga suka menjelaskan kepada wakil-wakil dari Bandau dan Serian bahawa segala bantuan dan kemudahan asas kepada petani di Negeri Sabah adalah diberi melalui Jabatan Pertanian Negeri Sabah. Oleh hal yang demikian, bantuan-bantuan baja, kemudahan perairan dan bantuan-bantuan lain kepada petani adalah dibekalkan oleh agensi-agensi pertanian di negeri berkenaan.

Berkaitan dengan masalah serangan serangga perosak, tindakan-tindakan untuk mengawasi serangan oleh

musuh adalah dilaksanakan oleh Unit Perlindungan Tanaman Jabatan Pertanian Negeri Sabah dan Jabatan Pertanian Persekutuan di Kuala Lumpur sentiasa bekerjasama rapat memberi latihan di dalam bidang kegunaan racun-racun dan penguatkuasaan Akta Racun Makhluk Perosak pada bila-bila masa yang dikehendaki.

Tuan Yang di-Pertua, masalah tanah terbiar telah dibangkitkan oleh wakil-wakil dari Ipoh, Padang Terap dan Jerai. Kepada wakil dari Ipoh saya suka menjelaskan bahawa bekas tanah-tanah lombong adalah di bawah kuasa Kerajaan-kerajaan Negeri. Jika kelulusan diberi oleh Kerajaan-kerajaan Negeri, Kementerian Pertanian bersedia membantu dan merancang bekas tanah-tanah lombong untuk tujuan pertanian, membantu pekerja-pekerja lombong yang tidak ada kerja atau petani-petani kecil yang tidak mempunyai tanah.

Pada masa kini, Kementerian telah mewujudkan sistem bagi menyalurkan maklumat hasil penyelidikan mengenai tanah-tanah terbiar kepada pihak swasta dan pihak-pihak lain yang berminat melalui Jawatankuasa Penasihat Pelaburan dan Penswastan di Kementerian, di mana wakil pihak swasta dijemput menjadi ahli. Walau bagaimanapun, keutamaan untuk menyertai sebarang projek pembangunan tanah terbiar akan diberi kepada institusi-institusi yang sedia ada di kawasan-kawasan yang teribat seperti Pertubuhan Peladang Kawasan dan Syarikat Kerjasama.

Untuk makluman wakil dari Padang Terap pula, Kementerian Pertanian telah mengambil maklum mengenai masalah tanah terbiar di seluruh negara dan telah merangka strategi dan program tertentu bagi mengatasi masalah tersebut. Di bawah program pemulihan tanah terbiar, corak pemulihan bagi kawasan-kawasan

yang dipilih adalah dilandaskan kepada ciri-ciri keluasan dan kesesuaian kawasan dan tanah dari segi agronomi dan ekonomi bagi penanaman padi atau perusahaan pertanian yang lain. Kaedah pembangunan yang digunakan ialah pembangunan bersepadu agar segala kemudahan-kemudahan yang disediakan di bawah program tersebut, seperti infrastruktur, kredit dan pemasaran, dapat digunakan secara optima oleh peserta-peserta bagi membolehkan mereka menikmati paras penghasilan yang stabil dan lumayan. Pihak Kerajaan sentiasa memahami akan masalah dan kehendak-kehendak penduduk tempatan dan terus berusaha memperbaiki serta mengadakan berbagai program sosio-ekonomi untuk meningkatkan taraf hidup rakyatnya.

Tuan Yang di-Pertua, menyentuh syor-syor yang ditimbulkan oleh wakil-wakil dari Kuala Kedah dan Kuala Lumpur Bandar supaya Kerajaan meningkatkan galakan bagi sektor pertanian, akuakultur dan jenis-jenis semula jadi, beberapa galakan fiskal yang dahulunya hanya diberi kepada sektor perkilangan telah pun diperluaskan untuk meliputi aktiviti-aktiviti pertanian termasuk ternakan dan perikanan yang digalakkan oleh Dasar Pertanian Negara. Galakan-galakan fiskal tersebut adalah dalam bentuk kredit cukai pelaburan (Investment Tax Credit) dan Elaun Pembangunan Pertanian (Agricultural Development Allowance). Selain daripada itu, bahan-bahan mentah dan alat kelengkapan serta jentera-jentera pertanian yang perlu diimport bagi kegunaan industri pertanian tempatan telah diberi pengecualian cukai untuk mengurangkan kos pengeluaran perusahaan pertanian di negara ini. Galakan eksport dalam bentuk Elaun Eksport (Export Allowance) dan kemudahan Pembiayaan Semula Eksport (Export Refinancing Facility)

juga diberi kepada sebahagian besar barang-barang pertanian yang dieksport dalam bentuk segar dan hidup.

Ahli wakil dari Padang Rengas juga telah menyentuh masalah kesyukuran mendapatkan galakan-galakan tersebut. Sukalah saya menjelaskan di Dewan yang mulia ini kepada wakil berkenaan, sebuah Jawatankuasa Kabinet Mengenai Pertanian telah ditubuhkan antara lain untuk menjamin program-program pembangunan di dalam Dasar Pertanian Negara dilaksanakan dengan lancar dan lebih berkesan.

Di samping itu, langkah mengemaskini jentera pentadbiran telah dibuat di peringkat Kementerian, iaitu termasuklah penubuhan Urusetia Pelaburan dan Pensiwaan serta Panel Perundingan bagi mempertingkatkan kerjasama antara Kementerian dengan pihak swasta dan pusat-pusat pengajian tinggi.

Mengenai pengeluaran makanan yang juga telah disentuh oleh wakil dari Kuala Lumpur Bandar dan Kuala Kedah saya suka menjelaskan bahawa selaras dengan Dasar Pertanian Negara (DPN), adalah menjadi matlamat pembangunan sektor pertanian untuk meningkatkan pengeluaran makanan negara bagi menampung keperluan negara yang semakin meningkat dan untuk dieksport. Ini penting kerana pada masa ini negara banyak mengimport bahan-bahan makanan yang sebahagiannya boleh dikeluarkan dalam negeri. Mengenai masalah ini, pembangunan tanaman dalam penggal Rancangan Malaysia Kelima (RML) akan diberi penekanan kepada peringkat pengeluaran bahan makan.

Saya juga mengambil kesempatan ini untuk menjelaskan kepada wakil-wakil dari Bachok dan Sepang mengenai pemasaran hasil-hasil pertanian, sukacita saya menjelaskan

fungsi FAMA bukanlah terlibat secara langsung dalam pasaran, sebaliknya FAMA menumpukan kepada program-program yang bertujuan untuk mewujudkan ruang pasaran yang luas sama ada dalam atau luar negeri. Di samping itu FAMA juga akan meneruskan program kawalan bagi mewujudkan satu sistem pasaran yang lebih teratur dan adil serta bersaing bagi tujuan untuk melindungi petani-petani. Keadaan ekonomi yang lembab dan kejatuhan harga komoditi adalah di luar kawalan kita dan FAMA membeli kelapa secara langsung adalah sebagai langkah khas sahaja bertujuan menyediakan ruang pasaran kepada hasil-hasil petani yang terjejas. Mengenai dasar mempelbagaikan tanaman Kerajaan memang menjalankan dasar tersebut supaya tidak hanya bergantung kepada satu-satu jenis tanaman sahaja.

Tuan Yang di-Pertua, menyentuh perkara yang disuarakan oleh Wakil dari Kepong, sukalah saya menghuraikan di bawah Dasar Pertanian Negara beberapa pendekatan baru telah diperkenalkan untuk memajukan sektor pertanian. Kegiatan pertanian tidak lagi dianggap sebagai satu cara hidup tetapi ianya menekankan kepada aspek-aspek peningkatan produktiviti, pemilihan jenis tanaman yang ekonomik dan kaedah pengurusan komersial sebagai asas mempergiatkan semula sumbangan sektor pertanian kepada pembangunan ekonomi negara. Salah satu garis panduan yang menjadi asas pertimbangan penggubalan strategi dan program yang akan dilaksanakan di bawah Dasar Pertanian Negara ialah bahawa hasrat Kerajaan yang mahukan petani-petani dan nelayan lebih berdikari dalam mengusahakan aktiviti-aktiviti pertanian dan kurang bergantung kepada subsidi Kerajaan kecuali bagi tanaman yang tertentu sahaja.

Berhubung dengan usahasama penangkapan ikan laut dalam yang dibangkitkan oleh Wakil-wakil dari Kepong dan Kuala Nerus, saya ingin memaklumkan bahawa Kerajaan sudah mengkaji perkara ini dengan teliti dan akan hanya melibatkan diri sekiranya usaha ini menguntungkan nelayan-nelayan dan negara kita.

Yang Berhormat juga telah menyentuh tentang pencerobohan nelayan asing dan penguatkuasaan kawasan perairan kita. Mengenai perkara ini, sukalah saya menjelaskan bahawa satu Jawatankuasa Kebangsaan Penyelarasan Maritim di bawah Majlis Keselamatan Negara telah ditubuhkan untuk menyelaraskan semua aktiviti penguatkuasaan di perairan Zon Ekonomi Eksklusif. Di bawah Jawatankuasa ini juga ditubuhkan satu Pusat Penyelarasan Penguatkuasaan Maritim (PPPM) di Lumut, Perak. Pusat ini adalah diketuai oleh Pegawai Kanan dari Tentera Laut Di Raja Malaysia (TLDM) dan diwakili oleh beberapa pegawai daripada Jabatan Polis Marin dan Jabatan Perikanan. Pusat ini telah melancarkan beberapa operasi penguatkuasaan maritim di Pantai Timur Semenanjung Malaysia dan telah berjaya menangkap beberapa bot asing. Sehingga hari ini sebanyak 61 buah bot asing telah ditangkap dalam tahun 1985.

Untuk makluman Wakil-wakil dari Kuala Nerus dan Kuala Kedah, Kerajaan telah merumuskan dua rupa bentuk bantuan untuk menyalurkan kembali peruntukan ke sektor perikanan bagi menggantikan subsidi diesel, pertama ialah skim kredit khas jangka pendek di mana golongan sasaran telah diberi kemudahan untuk mendapat pinjaman kewangan pada peringkat permulaan selama tiga bulan sahaja bagi membiayai kos diesel dan kedua ialah melalui skim kredit khas jangka panjang, khas untuk memberi

kemudahan pinjaman bagi menyusun semula di sektor perikanan. Ianya dijangka dilaksanakan awal tahun 1986.

Berhubung dengan masalah pukat yang juga ditimbulkan oleh Wakil dari Kuala Nerus, Kerajaan sedang mengkaji masalah ini bagi kebaikan golongan sasaran dan satu persetujuan mungkin dicapai.

Berhubung dengan latihan untuk petani dan nelayan, ingin saya memaklumkan bahawa program latihan adalah dilaksanakan secara berterusan dan pemberian latihan akan dipertingkatkan lagi dalam tempoh Rancangan Malaysia Kelima.

Wakil-wakil dari Sungai Petani dan Bachok juga telah membangkitkan soal pemindahan teknologi kepada petani supaya lebih produktif. Mengenai perkara ini, sukalah saya menjelaskan, Pegawai-pegawai Pertanian dan Pegawai-pegawai Jabatan seperti MARDI, MADA, dan LPP dan sebagainya sentiasa memberi kerjasama, panduan, nasihat dan lawatan kepada petani-petani kita supaya mereka lebih produktif dan ini sememangnya menjadi strategi Kerajaan, malah akan terus dipertingkatkan dari masa ke semasa. Khidmat nasihat adalah menjadi peranan utama Jabatan Pertanian di mana Pegawai Perkembangan melalui sistem 2L (Latihan dan Lawatan) telah menjadualkan lawatan-lawatan kepada golongan sasaran secara teratur dan sistematik, di mana mereka diberi tunjuk ajar tentang teknik-teknik baru di dalam perusahaan pertanian supaya lebih produktif. Di samping itu, kemahiran pegawai-pegawai yang terlibat dalam tugas ini akan terus dipertingkatkan.

Akhirnya, saya mengucapkan terima kasih kepada semua Ahli Yang Berhormat atas perhatian yang berat terhadap pembangunan sektor

pertanian demi untuk meningkatkan lagi taraf hidup dan pendapatan petani-petani dan nelayan-nelayan.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Timbalan Menteri Kementerian Luar Negeri.

6.04 ptg.

Timbalan Menteri Luar Negeri (Tuan Abdul Kadir bin Haji Sheikh Fadzir): Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mengambil peluang ini untuk merakamkan ucapan setinggi-tinggi terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang mana pada keseluruhannya telah membisu seribu bahasa mengenai Kementerian Luar Negeri.

Saya ingin menerima hakikat ini secara positif. Kemungkinan besar Ahli-ahli Dewan ini menyambut baik dasar-dasar luar negara kita dan juga cara ianya dilaksanakan. Cuma ada dua orang sahaja Ahli Parlimen, mengikut rekod saya, yang telah pun menyentuh perkara-perkara berkaitan dengan Kementerian Luar Negeri. Itu pun sekadar menyokong segala apa yang sedang dilaksanakan oleh Kementerian Luar Negeri.

Yang pertamanya, Ahli Parlimen dari Beruas yang mengharapkan supaya kita akan berusaha sungguh-sungguh untuk mengimbangkan perdagangan antara Malaysia dengan negeri China. Saya ingin menyatakan bahawa inilah sedang yang diikhtiar oleh Kerajaan kita dan lawatan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri pada akhir bulan ini ke negeri China, kita berharap mendapat kesan yang positif, kesan yang baik dari segi usaha ini.

Yang Berhormat dari Kluang pula mengharapkan juga supaya Kerajaan kita meneruskan usaha-usaha kita untuk mencapai satu penyelesaian politik mengenai soal Kampuchea, kerana katanya selagi isu itu tidak diselesaikan, maka sukarlah untuk

kita mencapai "ZOPFAN" dan juga selagi isu itu tidak selesai, maka selagi itulah negara kita ini berada dalam keadaan bahaya, dalam keadaan akan memberi peluang untuk campurtangan kuasa-kuasa asing.

Saya ingin mengatakan bahawa usaha untuk menyelesaikan soal Kampuchea memang merupakan salah satu usaha pokok di Kementerian Luar Negeri dan sudah tentu sekarang kita baru-baru ini telah pun mendapat sokongan yang begitu besar di Perhimpunan Agung Bangsa-bangsa Bersatu di mana sejumlah rekod negara-negara telah pun memberi sokongan iaitu sebanyak 140 buah negara kepada usul yang dibangkitkan tahun demi tahun di Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu itu mengenai penyelesaian politik soal Kampuchea dan kita akan meneruskan usaha-usaha kita itu.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Timbalan Menteri dari Kementerian Perdagangan dan Perindustrian.

6.08 ptg.

Timbalan Menteri Perdagangan dan Perindustrian (Tuan Muhyiddin bin Haji Mohd. Yassin): Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu saya ingin mengucapkan berbanyak-banyak terima kasih atas pandangan-pandangan dan syor-syor yang telah dikemukakan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat semasa membahaskan dasar-dasar am Belanjawan tahun 1986 yang menyentuh bidang kuasa Kementerian Perdagangan dan Perindustrian.

Tuan Yang di-Pertua, Ahli Yang Berhormat dari Kota Melaka telah pun menyentuh tentang lawatan Perdana Menteri ke negeri China dan mencadangkan supaya sistem AP (permit mengimport) dihapuskan untuk meningkatkan perdagangan dua hala Malaysia—China.

Saya suka menyatakan bahawa Sistem Pelesenan Import yang dikuatkuasakan oleh Kerajaan ke atas import barang-barang dari China ke Malaysia adalah bertujuan untuk menggalakkan perdagangan secara terus antara Malaysia dan China. Pengimportan Malaysia dari China terus meningkat, umpamanya pada tahun 1971 import cuma bernilai \$201.7 juta dan meningkat kepada \$631.6 juta dalam tahun 1981 dan \$669.6 juta dalam tahun 1984.

Kerajaan memang sentiasa melaksanakan aktiviti-aktiviti galakan eksport barang-barang Malaysia di pasaran seberang laut. Bagi negeri China umpamanya, Kementerian Perdagangan dan Perindustrian sejak tahun 1979 telah menghantar lima rombongan perdagangan rasmi ke negara itu bagi tujuan mencari dan meluaskan pasaran barangan Malaysia. Selain daripada Kementerian ini, lain-lain Kementerian seperti Kementerian Perusahaan Utama dan agensi-agensi Kerajaan yang lain juga turut menghantar rombongan galakan barang-barang khusus ke negeri China seperti minyak kelapa sawit, getah dan sebagainya. Pada bulan November ini, Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kita akan membuat lawatan rasmi ke China di mana rombongan ini juga turut disertai oleh wakil-wakil sektor swasta dan perdagangan Malaysia. Di samping itu beberapa buah syarikat tempatan juga akan mengambil bahagian di dalam pameran ASPAT '85 di Beijing.

Mengenai pandangan Ahli Yang Berhormat dari Lambir berkenaan dengan sekatan tarif ke atas barang-barang eksport Malaysia, saya ingin menyatakan bahawa Kerajaan sentiasa menggesa negara-negara maju seperti Jepun, Amerika Syarikat dan EEC menurunkan tarif dan menghapuskan halangan bukan tarif terhadap barang-barang kepentingan

Malaysia. Gesaan ini sentiasa dilakukan melalui forum-forum pelbagai hala seperti GATT dan UNCTAD, forum serantau seperti dialog ASEAN dengan Jepun, Amerika Syarikat, EEC, Kanada, Australia dan New Zealand.

Tuan Yang di-Pertua, Ahli Yang Berhormat dari Ulu Terengganu telah juga menyentuh secara umum sekatan perdagangan dan kemasukan pasaran-pasaran di negara-negara maju yang semakin "protectionist". Beliau menyarankan supaya negara kita mengkaji dan menyelidiki masalah-masalah sebenarnya selain daripada masalah sekatan perdagangan tersebut yang menyebabkan barang kita tidak "competitive".

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, ada faktor-faktor selain daripada perlindungan yang menyebabkan setengah barang kita kurang "competitive" di pasaran antarabangsa termasuk dari segi harga, kualiti, design serta ada di antara pengeksport tidak begitu bersungguh-sungguh untuk mengatasi cabaran supaya mencari pasaran di luar negeri.

Kerajaan telah dan akan terus berusaha untuk membantu pengeksport-pengeksport dengan memberikan insentif eksport dan di samping itu memberikan khidmat nasihat dan maklumat mengenai pasaran luar negeri melalui Pusat Perdagangan Eksport Malaysia dan khidmat Pesuruhjaya Perdagangan Malaysia di luar negeri.

Tuan Yang di-Pertua, Ahli-ahli Yang Berhormat dari Lambir, Kuala Lumpur Bandar dan Ipoh telah membangkitkan beberapa persoalan mengenai pertumbuhan industri-industri kecil di negara ini. Pandangan berhubung dengan penempatan industri-industri kecil di kawasan-kawasan luar bandar memang telah pun dilaksanakan bersesuaian dengan

usaha Kerajaan untuk membangunkan kawasan-kawasan yang kurang maju dan penggunaan bahan-bahan tempatan di dalam aktiviti pemerosesan dan pembuatan.

Mengenai taraf printis untuk industri kecil pula, sebenarnya kalau Ahli Yang Berhormat mengamati Ucapan Belanjawan 1986 oleh Yang Berhormat Menteri Kewangan pada 25hb Oktober yang lalu, perkara ini adalah tidak berbangkit lagi kerana ianya memangnya telah pun diperuntukkan dengan sewajarnya.

Mengenai cadangan supaya ditubuhkan "one-stop agency" dan tabung penyelidikan perindustrian, saranan yang dibuat itu adalah diambil perhatian oleh pihak Kementerian saya.

Kerajaan memang menyedari masalah yang dihadapi oleh sektor swasta akibat terlalu banyak agensi-agensi yang terlibat di dalam pembangunan industri kecil. Oleh kerana itulah Kementerian saya cuba menggembeling perkhidmatan-perkhidmatan yang mereka berikan melalui pendekatan bersepadu kepada pengusaha kecil yang memerlukannya. Usaha-usaha penyalarsan ini adalah dijalankan oleh Kementerian saya melalui Bahagian Perusahaan Kecil. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, satu jawatankuasa yang dikenali sebagai Jawatankuasa Penyalarsan bagi Pembangunan Perusahaan Kecil telah pun ditubuhkan dan urusetianya ditempatkan di Kementerian saya.

Saya ingin menyatakan bahawa sememangnya Kementerian Perdagangan dan Perindustrian menggalakkan eksport bagi industri-industri tempatan termasuk industri-industri kecil. Walau bagaimanapun, Kementerian saya berpendapat bahawa setakat ini tumpuan pasaran bagi pengeluaran perusahaan kecil adalah bagi pasaran tempatan. Ini

adalah kerana mutu dan harga barang-barang keluaran perusahaan kecil kebanyakannya masih lagi belum dapat bersaing dengan barang-barang yang dikeluarkan di pasaran antarabangsa. Walau bagaimanapun, Kementerian saya akan mendapatkan kerjasama syarikat-syarikat perdagangan (sogoshosha) dan menggunakan Pusat Perdagangan Eksport Malaysia (MEXPO) dan Pejabat-pejabat Perdagangan Malaysia di luar negeri untuk membantu perusahaan kecil mengeksport barang-barang keluaran mereka. Dari segi bantuan untuk perkembangan industri-industri kecil, Kerajaan sentiasa memberi banyak bantuan yang berbentuk bersepadu iaitu melibatkan bantuan teknikal, pemasaran, mengadakan tapak, bantuan kewangan, pengurusan dan latihan.

Bagi memandu industri kecil untuk membuat komponen untuk industri berat, Kementerian saya sedang mendapatkan maklumat-maklumat daripada industri-industri kecil dan besar di negara ini supaya dapat diadakan satu program sub-kontrak daripada perusahaan kecil kepada perusahaan besar. Dalam hal ini Kementerian ada bercadang untuk mengadakan satu pusat sub-contracting yang mana juga akan dapat mempercepatkan pelaksanaan program tersebut.

Sebagai contoh industri-industri yang digalakkan untuk perusahaan kecil, Kementerian saya sedang mengutamakan 6 jenis industri bagi diterokai oleh perusahaan kecil. Industri itu ialah industri makanan, kejuruteraan ringan, bahan-bahan binaan, industri berasaskan kayu, rotan, buluh dan industri ceramik dan plastik.

Tuan Yang di-Pertua, Ahli Yang Berhormat dari Bandau telah pun menimbulkan masalah kelewatan memproses permit ataupun lesen

untuk mendirikan kilang-kilang. Saya menyedari bahawa terdapat permohonan yang mana pemerosesan mengambil masa yang lebih lama daripada yang biasanya oleh kerana sebab-sebab yang tertentu, misalnya kedudukan pasaran yang sensitif terhadap keluaran-keluaran yang dipohon dan keperluan untuk merujukkannya kepada pihak-pihak berkuasa Kerajaan yang lain oleh kerana terdapat implikasi pencemaran alam sekitar, kawalan keselamatan dan sebagainya. Walau bagaimanapun, kelewatan oleh kerana sebab-sebab yang dinyatakan hanya melibatkan sebilangan kecil permohonan sahaja.

Kementerian saya memang sedar tentang masalah yang akan dihadapi oleh pengusaha-pengusaha jika keputusan terhadap permohonan mereka untuk mendapatkan lesen-lesen dan kebenaran lewat dikeluarkan. Sebab itulah Kementerian saya sentiasa mengkaji prosedur-prosedur yang diamalkan untuk memproses permohonan-permohonan ini, dengan tujuan prosedur-prosedur ini dapat dibaiki dan mana-mana prosedur yang didapati tidak perlu dapat dihapuskan. Kementerian Perdagangan dan Perindustrian juga ingin memberi jaminan bahawa kelewatan-kelewatan ini bukanlah kerana pemerosesan itu sengaja dilewatkan, tetapi oleh kerana Kementerian memerlukan masa untuk meneliti permohonan-permohonan ini supaya apa-apa kelulusan yang diberi itu adalah atas pertimbangan-pertimbangan yang adil dan selaras dengan apa-apa dasar Kerajaan.

Ahli Yang Berhormat dari Padang Serai telah mengalu-alukan langkah Kerajaan untuk meminda Akta Penyelarasan Perindustrian, 1975 yang dianggap oleh pelabur-pelabur sebagai penghalang kepada hasrat mereka. Saya suka menyatakan bahawa semenjak Akta Penyelarasan

Perindustrian, 1975 diperkenalkan, Kerajaan telah membuat beberapa pindaan kepada Akta ini sebagai satu langkah untuk mengatasi sebarang kekhuatiran di kalangan pelabur-pelabur. Kerajaan telah memberikan jaminan bahawa Akta ini akan terus dikaji dari masa ke semasa bagi mendapat keyakinan pihak pelabur-pelabur. Selaras dengan jaminan ini dan seperti yang dinyatakan oleh Yang Berhormat Mulia Menteri Perdagangan dan Perindustrian, pindaan-pindaan akan dibuat kepada Akta tersebut dengan tujuan memperbaiki lagi iklim pelaburan di negara kita. Butir-butir lanjut terhadap pindaan berkenaan akan dikemukakan tidak berapa lama lagi.

Ahli Yang Berhormat dari Kepong mempersoalkan sumbangan "resource-based industry" di negara ini kepada pasaran eksport. Adalah menjadi dasar dan hasrat Kerajaan untuk menggalakkan serta meningkatkan eksport barangan yang berasaskan "resource-based industry" yang telah meningkat dari setahun ke setahun dalam industri getah. Eksport Malaysia telah meningkat dari \$197.4 juta pada tahun 1983 kepada \$206.46 juta pada tahun 1984. Sebahagian besar dari eksport ini adalah terdiri dari tayar yang juga telah meningkat daripada \$96.61 juta dalam tahun 1983 kepada \$105.16 juta dalam tahun 1984. Malaysia sebenarnya adalah "net tyre exporter", dengan izin, dan bukannya "net tyre importer" seperti yang didakwa oleh Ahli Yang Berhormat. Ini terbukti daripada angka-angka import tayar, umpamanya pada tahun 1984 Malaysia telah mengimport \$33.08 juta berbanding dengan pengekspornan tayar bernilai \$105.16 juta pada tahun yang sama.

Ahli Yang Berhormat juga tidak berpuas hati dengan keadaan sekarang di mana pengekspornan barang-barang

getah tertumpu kepada "condoms" dan "rubber gloves" sahaja sebagaimana yang disebutkan oleh Ahli Yang Berhormat, tetapi Malaysia masih merupakan "net tyre exporter". Jumlah pengekspornan "rubber gloves" dan "condoms" merupakan sebahagian kecil sahaja daripada jumlah eksport yang bernilai hanya sebanyak \$6.4 juta pada tahun 1984. Langkah-langkah yang sewajarnya akan terus diambil oleh Kerajaan untuk menggalakkan serta mengembangkan eksport barang-barang yang berasaskan "resource-based" tadi.

Tuan Yang di-Pertua, Ahli Yang Berhormat dari Ulu Terengganu telah menyentuh tentang pasaran minyak kelapa sawit India yang telah bertindak mengalih punca bekalan dari Malaysia kepada Indonesia. Ahli Yang Berhormat menyarankan agar kita bertindak lebih flexible dalam menghadapi keadaan pasaran setengah-setengah negara yang mempunyai masalah "foreign exchange" seperti India.

Kerajaan adalah sedar bahawa terdapat persaingan dari negara asing untuk membekalkan India dengan minyak kelapa sawit. Sungguhpun jumlah import minyak kelapa sawit dari Indonesia boleh dianggap kecil, Kerajaan tidaklah memandang ringan kedudukan Indonesia sebagai saingan kepada Malaysia dalam bekalan minyak kelapa sawit ke pasaran antarabangsa termasuk juga India.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, satu rombongan perdagangan yang diketuai oleh Yang Berhormat Mulia Menteri Perdagangan dan Perindustrian akan melawat India pada pertengahan bulan November ini untuk mencari jalan memperbaiki ketidakseimbangan dagangan di antara Malaysia/India di samping meningkatkan perdagangan dua hala.

Dalam hubungan ini perbincangan akan diadakan dengan pihak India untuk mengekalkan pasaran minyak kelapa sawit Malaysia di India.

Berhubung dengan cadangan Ahli Yang Berhormat dari Jerai mengenai penubuhan Lembaga Perdagangan Luar Malaysia untuk meluaskan pasaran barangan Malaysia ke luar negeri, saya suka memaklumkan bahawa Kerajaan baru menubuhkan Majlis Galakan Eksport yang mana antara lain akan mengkaji dan merumuskan strategi menggalakkan eksport negara. Majlis tersebut adalah disertai oleh wakil-wakil dari pihak Kerajaan dan swasta. Berhubung dengan dagangan "counter-trade", Kerajaan telah pun menubuhkan satu Unit "Counter-Trade" di Kementerian Perdagangan dan Perindustrian untuk membantu syarikat tempatan yang berminat untuk mengadakan perdagangan secara "counter-trade".

Ahli Yang Berhormat dari Ulu Nerus telah membangkitkan mengenai sekatan import terhadap jaring ikan. Suka saya maklumkan bahawa tindakan tersebut diambil kerana kita ingin melindungi dan menggalakkan pertumbuhan industri tempatan. Walau bagaimanapun, seperti juga perlindungan yang diberi kepada lain-lain industri tempatan, perlindungan seperti ini bukanlah dimaksudkan untuk dikekalkan untuk selamanya. Kajian-kajian sentiasa dibuat dan apabila didapati munasabah, perlindungan ini akan dipinda mengikut keadaan.

Tuan Yang di-Pertua, Ahli Yang Berhormat dari Bagan Datoh telah membangkitkan mengenai kenaikan harga barang-barang keperluan setiap kali harga petrol naik tetapi tidak pula turun apabila harga petrol turun. Saya ingin menyatakan bahawa Kerajaan memang sedar apabila ada perubahan-perubahan kepada harga barang-barang yang diawasi harganya oleh

Kerajaan, seperti petrol, harga lain-lain barang tidaklah pula berubah dengan sewajarnya. Bagi barang-barang yang diawasi harganya oleh Kementerian Perdagangan dan Perindustrian, ia tidaklah menjadi masalah kerana paras harga barang-barang seperti ini dikaji semula dari masa ke semasa dan paras-paras harga baru akan ditetapkan setelah mengambil kira perubahan-perubahan harga bahan-bahan mentah khususnya bahan-bahan yang diawasi harganya. Bagi lain-lain jenis barang adalah sukar bagi Kerajaan untuk mengawal harganya, oleh kerana wujud beberapa faktor yang tertentu yang di luar kawalan Kerajaan ataupun peniaga sendiri. Walau bagaimanapun, cadangan yang dibuat oleh Ahli Yang Berhormat mengenai penubuhan Jawatankuasa Penyelaras yang mempunyai bidang tugas khusus mengkaji harga barang-barang keperluan adalah diambil perhatian oleh pihak Kementerian ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mengucapkan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat dari Ulu Nerus yang telah menyentuh dan membuat cadangan mengenai "Kempen Belilah Barangan Buatan Malaysia" dalam ucapan-ucapan mereka. Saya tidak bercadang untuk menerang dengan lebih lanjut mengenai perkara ini kerana telah pun diberi jawapan kepada soalan-soalan untuk jawab mulut pada beberapa hari yang lepas.

Ahli Yang Berhormat dari Ulu Nerus telah menyentuh beberapa aspek mengenai Proton Saga. Saya ingin menyatakan bahawa Kerajaan sememangnya sedar bahawa Proton Saga adalah merupakan kereta yang diubahsuai daripada model asal buatan rakan kongsi usahasama Projek Kereta Nasional ini. Langkah sedemikian diambil bertujuan untuk

menjimatkan kos pengeluaran di samping menjamin bekalan komponen dan alatganti yang mencukupi.

Bagaimanapun ini adalah merupakan rancangan peringkat pertama. Apabila projek kereta nasional ini mencapai objektif mempercepat pembangunan industri pembuatan komponen dan alatganti melalui Program Kandungan Tempatan yang telah pun dilancarkan oleh Kementerian saya, sudah tentulah kita akan lebih menggunakan komponen keluaran tempatan, bagi Proton Saga.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat juga, syarikat pengeluar Proton Saga telah pun mewujudkan Bahagian Penyelidikan dan Pembangunan yang di antara tugasnya ialah mencipta model-model kereta nasional untuk masa akan datang dengan penggunaan komponen-komponen keluaran tempatan.

Ahli Yang Berhormat dari Seremban telah menyentuh aspek pemasaran kereta Proton Saga. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, tumpuan pengeluaran Proton Saga pada masa ini hanyalah untuk memenuhi permintaan pasaran tempatan terlebih dahulu. Sungguhpun Kerajaan mempunyai rancangan untuk memasarkan Proton Saga di pasaran eksport, tetapi kajian yang terperinci perlu diadakan. Selain daripada faktor harga, faktor-faktor lain seperti mutu, spesifikasi dan kandungan tempatan dan citarasa pembeli sesebuah negara harus dipenuhi, sebelum Proton Saga dapat dipasarkan di negara berkenaan. Untuk maksud ini, Kerajaan akan memastikan bahawa pengeluar-pengeluar komponen tempatan yang ingin membekalkan keluarannya di bawah Program Kandungan Proton Saga, harus memenuhi mutu dan spesifikasi bertaraf antarabangsa

dengan harga yang rendah, setanding dengan negara-negara pengeluar yang lain.

Tuan Yang di-Pertua, Ahli Yang Berhormat dari Padang Serai telah pun mencadangkan supaya Pulau Langkawi dimajukan untuk menarik lebih ramai lagi pelancong-pelancong datang ke negara ini. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kerajaan memang berhasrat untuk menjadikan Pulau Langkawi sebagai pusat pelancongan yang terkemuka di rantau ini. Untuk tujuan ini, Kerajaan sedang mengkaji berbagai-bagai bentuk galakan yang sesuai untuk mencapai tujuan tersebut.

Ahli-ahli Yang Berhormat dari Hilir Padas dan Serian telah pun menimbulkan beberapa persoalan mengenai industri pelancongan di negara ini termasuk peranan pemandu pelancong.

Adalah tidak dinafikan bahawa pemandu pelancong memainkan peranan yang penting di dalam menjayakan industri pelancongan dan di dalam meninggikan imej negara. Untuk memastikan Malaysia mempunyai pemandu-pemandu pelancong yang berkelayakan, Perbadanan Kemajuan Pelancongan Malaysia setakat ini telah pun menganjurkan sebanyak 57 Kursus Pemandu Pelancong termasuk 5 kursus di Sabah dan 4 di Sarawak. Untuk tahun 1985 sahaja sebanyak 3 kursus telah pun diadakan iaitu di Pulau Pinang, Kuala Lumpur dan Kuching. Pada masa ini terdapat seramai 1,408 orang pemandu pelancong berkelayakan yang berdaftar dengan Perbadanan Kemajuan Pelancongan Malaysia. Sungguhpun begitu, Perbadanan ini sentiasa berusaha untuk memperbaiki mutu para pemandu pelancong dengan mengemaskinikan dan menaikkan taraf kursus-kursus pemandu pelancong. dari masa ke semasa. Dengan ini adalah diharapkan bahawa

negara akan mempunyai pemandu-pemandu pelancong yang berkelayakan dan berpengalaman.

Dari segi galakan pelancongan pula kesemua negeri-negeri di Malaysia yang mempunyai tarikan pelancongan adalah diliputi termasuk juga Sabah dan Sarawak. Beberapa risalah dan filem mengenai tempat-tempat tarikan di Sabah dan Sarawak telah pun disebarkan oleh pihak Perbadanan Kemajuan Pelancongan Malaysia. Perbadanan juga telah membawa beberapa penulis serta pengusaha-pengusaha pelancongan dari luar negeri ke Sabah dan Sarawak untuk membuat liputan mengenai tempat-tempat pelancongan yang terdapat di sana.

Mengenai perhotelan pula, mutu dan taraf perkhidmatan hotel-hotel di Malaysia adalah diutamakan. Memandangkan kepada hasrat ini, Kerajaan telah pun menubuhkan sebuah Institut Pengurusan Hotel dan Sajian Makanan di Institut Teknologi MARA dan Institut Pengurusan Hotel dan Pelancongan di Pusat Daya Pengeluaran Negara. Pihak hotel-hotel juga mengadakan latihan "in situ" masing-masing.

Kerajaan menyedari juga hakikat bahawa untuk menjadikan Malaysia sebuah negara tumpuan pelancongan,

kadar sewa hotel perlulah berpatutan. Di dalam hal ini, sepertimana Ahli-ahli Yang Berhormat sedia maklum, kadar-kadar sewa di Malaysia telah pun turun berikutan pertambahan bilangan bilik-bilik hotel menjadikan kadar-kadar sewa setanding dengan negara-negara yang lain.

Tuan Yang di-Pertua, sekali lagi saya mengambil kesempatan untuk mengucapkan ribuan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah pun menyentuh Kementerian saya. Cadangan-cadangan mereka itu sekarang ini sedang pun dikaji dan mana-mana yang difikirkan wajar akan dilaksanakan.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, masa sudah cukup. Saya mengambil peluang ini bagi pihak Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian mengucapkan "Selamat Hari Deepavali" kepada Ahli-ahli yang beragama Hindu. Kita berharap bagi tahun ini mereka dapat merayakan Deepavali dengan lebih meriah lagi.

Mesyuarat ditangguhkan hingga jam 2.30 petang, hari Selasa, 12hb November, 1985.

Dewan ditangguhkan pada pukul 6.30 petang.